



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2018**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 27 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham Bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid Bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Kelang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain Bin Othman (Sabak)

Y.B. Puan Rozana Binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya Binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Shaid Bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany Bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Bakhtiar Bin Mohd Nor (Semenyih)

Y.B. Tuan Mazwan Bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus Bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Shatiri Bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah Binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi Bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan Bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi Bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey Bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Rizam Bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran Bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Harumaini Bin Haji Omar, D.P.N.  
(Batang Kali)

Y.B. Tuan Mohd Najwan Bin Halimi (Kota  
Anggerik)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin Bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

**Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.  
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Jamil Hasib bin Abd Karim  
Encik Nilam Mersa bin Mansur  
Encik Mohammad Redzuan bin Adam

**Pelapor Perbahasan**

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid  
Encik Mohamad Izad Shafiq Bin Ahmad Mashudi

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ke Empat Belas Pada 27 November 2018 dimulakan dengan Bacaan Doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : Bacaan Doa.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat Seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Dusun Tua, tidak hadir. Sungai Ramal. Mic... mic..

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR** : Tuan Speaker. Soalan saya soalan yang No. 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah unit rumah Selangorku di dalam DUN Sungai Ramal?.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina lebih banyak rumah Selangorku dalam kawasan ini untuk memenuhi keperluan penduduk?

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA** : Terima kasih Tuan Speaker juga terima kasih kepada Sungai Ramal yang membangkitkan berkaitan dengan Rumah Selangorku di DUN Sungai Ramal. Buat pengetahuan Sungai Ramal perincian data RSKU ini dibuat mengikut Pihak Berkusa Tempatan bukan mengikut DUN jadi saya akan beri perincian dia mengikut Majlis Perbandaran Kajang. Bilangan unit RSKU yang sudah siap dibina adalah sebanyak 3,943 unit. Dalam pembinaan ada sebanyak 2,202 unit dan dalam perancangan sebanyak 15,124 unit. Jadi keseluruhan unit-unit dalam RSKU adalah 21,269 unit kesemuanya. Berkaitan dengan pertanyaan sama ada negeri Selangor bercadang membina lebih banyak RSKU di dalam kawasan ini sudah tentu lah itu menjadi hasrat Kerajaan negeri untuk memenuhi permintaan di Negeri Selangor termasuklah di kawasan di bawah seliaan Majlis Perbandaran Kajang. Mengikut rekod kelulusan ya sebanyak 15,124 unit RSKU telah diluluskan di bawah MPKj dan

berdasarkan rekod tersebut kita harap dapatlah memenuhi keperluan ataupun permintaan daripada golongan B40 dan juga M40. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Assalamualaikum, salam sejahtera, terima kasih Yang Berbahagia, Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO. Permohonan untuk Rumah Selangorku ada tak dinyatakan lulus atau tidak sebab kadang-kadang ada yang menanti lama. Mohon dah mohon beberapa kali, jawapannya tak ada. Itu sahaja.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA :** Ini soalan baru lah tapi saya jawab juga. Seri Setia ingin tahu bagaimana proses permohonan dibuat. Permohonan dibuat secara atas talian mana-mana pemohon yang telah mengemukakan permohonan akan di semak oleh satu sistem yang akan memilih mengikut merit jadi merit yang paling tertinggi akan ditawarkan unit-unit yang mereka pilih, mengikut kawasan yang mereka mohon. Surat ataupun notis dimaklumkan ditawarkan unit mengikut mereka pilih kemudian maklumat ini akan disalurkan kepada pihak pemaju berkaitan untuk dibuat cabutan nombor dan juga diuruskan dari segi apa tu bayaran, pinjaman dan sebagainya. Itu prosesnya.

**TUAN SPEAKER :** Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Yang itu saya faham, cuma Yang Berhormat cuma saya nak tahu kadang-kadang bila pemohon ni mohon dia nak tahu jawapan tu. Adakah yang gagal juga akan diberitahu bahawa permohonan anda gagal anda boleh memohon untuk kali kedua.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA :** Sistem akan cuba mencari ataupun *match* dengan permohonan yang dibuat. Tempoh ini akan maknanya sistem itu akan mencari sehingga dua tahun kalau sekiranya tidak ada maka secara automatiknya boleh membuat permohonan baru. Maknanya tak jumlahlah apa yang dipohon. Tapi siapa yang telah mohon dan mendapat apa yang mengikut apa yang diperlukan ataupun yang dipohon akan diberi notis ditawarkan unit.

**TUAN SPEAKER :** Sabak.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Saya ingin bertanya perkembangan Rumah Selangorku di Ayer Manis Sabak Bernam. Pecah tanah 2009. Tambak tanah 2013. Rumah contoh 2018 tapi projek tak berjalan lagi selepas itu. Jadi sudah berapa tahun rakyat Sabak bertanya bila nak disiapkan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA :** Ini merupakan soalan baru saya akan semak dengan Pihak Lembaga Perumahan Hartanah Selangor untuk beri jawapan secara bertulis.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan No. 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR**  
**(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah pusat asuhan kanak-kanak yang berlesen di Selangor mengikut PBT.
- Apakah peranan Kerajaan Negeri memastikan setiap pusat tersebut mematuhi peraturan ditetapkan?
- Nyatakan jumlah lesen yang ditarik semula dan sebabnya.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Bernam. Tuan Speaker Hulu Bernam bertanya mengenai Pusat Asuhan Kanak-kanak, jawapannya adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat mempertimbangkan permohonan pendaftaran Taman Asuhan Kanak-kanak atau TASKA mengikut daerah di mana TASKA berkenaan beroperasi. Jumlah TASKA berdaftar mengikut daerah di Negeri Selangor adalah seperti berikut ya:-

<b>BIL.</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL. TASKA</b>
	Petaling	347
	Klang	93
	Hulu Langat	226
	Gombak	129
	Sepang	90
	Kuala Selangor	41
	Hulu Selangor	88

	Kuala Langat	76 dan
	Sabak Bernam	11

Buah TASKA, jadi jumlah keseluruhan TASKA yang berdaftar di Negeri Selangor ialah 1,011 buah TASKA.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor berperanan untuk memastikan setiap Pusat Asuhan Kanak-anak atau TASKA mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Pemantauan dan lawatan ke atas TASKA akan dilakukan sebanyak 2 kali setahun oleh Pegawai Diberi Kuasa atau PDBK. PDBK akan mengemukakan Laporan Pemantauan dan akan membuat teguran jika terdapat sebarang ketidakpatuhan di dalam pengurusan TASKA berdasarkan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012.

Mana-mana pengusaha yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 ini boleh diambil tindakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara tindakan penguatkuasaan yang dikenakan terhadap TASKA adalah arahan bertulis, tutup sementara, kompaun, pendakwaan, pembatalan perakuan dan lak ataupun Sita. Berikut adalah statistik tindakan penguatkuasaan yang telah diambil ke atas TASKA berdaftar dan tidak berdaftar.

BIL.	JENIS TINDAKAN	JUMLAH KES TAHUN 2017	JUMLAH KES SEHINGGA OKTOBER 2018
1.	Pendakwaan	4	2
2.	Kompaun	6	5
3.	Lak	5	3
4.	Arahan Bertulis	15	1
5.	Arahan Tutup Sementara	2	-
6.	Batal Perakuan	37	33

Jadi jumlah kes yang diambil tindakan untuk 2017 adalah 69 buah TASKA dan untuk 2018 sehingga Oktober 44 buah.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bagi tempoh Januari hingga Oktober 2018, sebanyak 33 perakuan TASKA telah dibatalkan. Berikut merupakan sebab pembatalan perakuan TASKA.

1. Jika terdapat apa-apa pelanggaran atau ketidakpatuhan kepada mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan apa-apa pendaftaran yang dibuat di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984.
2. Jika Pengendali pusat jagaan telah disabitkan atas kesalahan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 atau kesalahan yang melibatkan Fraud atau keburukan akhlak.
3. Jika Pengendali yang memohon supaya pendaftaran dibatalkan akibat daripada penutupan operasi premis; dan
4. Jika Pegawai Diberi Kuasa mendapati TASKA tidak wujud lagi atau memberhentikan pengoperasian sebagai TASKA.

Sekian, terima kasih.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Soalan tambahan Tuan speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah ada berhasrat untuk mewajibkan Pusat Asuhan Kanak-kanak ni di setiap tempat bekerja bagi kemudahan ibu yang bekerja. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Bernam. Sebenarnya kalau kita mengikuti perkembangan terkini pada 1 November 2018 di Shah Alam Convention Centre, pihak negeri telah membuat satu taklimat kepada wakil-wakil daripada Jabatan-jabatan Kerajaan, Agensi-agensi Kerajaan untuk program rejoinivasi TASKA di tempat kerja awam peringkat Negeri Selangor. Ini adalah berikut arahan ataupun kempen kita yang baru supaya semua agensi Kerajaan Awam Negeri dan Persekutuan, Badan-badan Berkanun di Negeri Selangor dan di seluruh negara ya supaya menubuhkan TASKA di tempat kerja ya dan pihak Kerajaan Pusat telah memperuntukkan 10 juta untuk menambah dan membantu penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak TASKA di Bangunan Kerajaan bagi meringankan bebanan ibu yang bekerja. Jadi in shaa Allah makna dia Kerajaan Negeri memang akan membantu semua ya Agensi-agensi Kerajaan dan juga Bukan Kerajaan juga untuk menubuhkan TASKA ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan Tambahan.

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Soalan lagi satu.

**TUAN SPEAKER :** Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya memandangkan peruntukan akan diturunkan oleh Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan. Saya ingin bertanya, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat sedikit pengkhususan iaitu keutamaan diberi kepada PBT-PBT ataupun kawasan-kawasan luar bandar yang mana kemudahan-kemudahan sebegini amat-amat kekurangan. Bukan sahaja di kalangan syarikat-syarikat swasta di kawasan luar bandar tetapi juga di kawasan di Pejabat-pejabat Kerajaan di kawasan luar bandar.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BT. MAHMUD** : Terima kasih Banting. Yang Berhormat Banting. Mengenai bantuan kepada TASKA-TASKA ini kita bergantung kepada permohonan. Sekiranya permohonan itu ada dan mereka memerlukan bantuan kita akan pertimbangkan Yang Berhormat kerana kita tidak boleh memaksa mana-mana individu apa ni jabatan atau pihak swasta untuk menubuhkan TASKA ini kerana ada perkara yang mereka patut lakukan ya jadi kalau ada permohonan pihak kami sedia untuk membantu. In shaa Allah.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya No. 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN STADIUM E-SPORTS DI CYBERJAYA, DENGKIL**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Berapakah sumbangan dan nilai industri E-sports setakat ini kepada Negeri Selangor.
  - b) Apakah rancangan jangka panjang atau '*blueprint*' Kerajaan Negeri terhadap pembangunan sukan E-Sports dan industri berkaitannya?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Speaker dan Dengkil yang bertanyakan soalan. Pertama Kerajaan Negeri tidak lagi mampu untuk mengira berapakah pulangan dan hasil yang dapat dikutip daripada aktiviti dan industri E-sports di Negeri Selangor. Namun begitu secara asasnya sumber pendapatan secara terus kepada Kerajaan Negeri ialah melalui lesen dan permit. Pusat-pusat Cyber Games

ataupun Pusat-pusat Cyber Cafe yang beroperasi di Majlis-majlis Tempatan daripada situ lesen dan fees yang dibayar kepada mereka saya bayar terus kepada pihak-pihak berkuasa tempatan. Namun begitu kalau di kira *return on investment* atau pun pulangan kepada Kerajaan Negeri hasil daripada penganjuran Selangor Cybergame sejak daripada tahun 2014 bolehlah dianggap dan dikira daripada jumlah penonton dan *viewers* terhadap setiap pertandingan yang dianjurkan. Pada tahun 2016 dengan kos kitar RM450,000 Kerajaan Negeri mampu untuk memperkenalkan Kerajaan Negeri Selangor kepada lebih 750,000 penonton-penonton di EGG-Sports Astro yang melangsungkan acara itu secara langsung atau pun live selama 2 hari.

Pada tahun 2018 baru-baru ini pengunjung *live steam* di *Internet* dengan izin telah berjumlah lebih kurang 100,000 orang sementara di EGG atau pun 118 Astro Sports belum lagi dapat dinilai dan belum ada laporan kepada kita namun saya percayanya agak ramai. Astro telah memberikan siaran langsung bermula jam 8.00 pagi sehingga 6.00 petang sepanjang 2 hari kejohanan itu berlangsung. Jadi sepanjang kejohanan di samping beberapa tema dan juga aspek Kerajaan Negeri beberapa program-program Kerajaan Negeri yang disiarkan secara live kepada penonton-penonton di EGG Astro. Terima kasih.

Yang kedua Kerajaan Negeri sememang mempunyai pelan jangka panjang untuk kejohanan ini kerana dalam beberapa kita telah melahirkan beberapa pemain-pemain bertaraf profesional yang bermula daripada Selangor Cybergame antaranya adalah Mid1 Ex Nova, Adam 343 lain-lain. Mereka bermula sebagai players dalam Selangor Cybergame dan sekarang ini mereka mampu mendapat pendapatan yang menjadi jutawan hasil daripada kedudukan mereka dalam liga atau pun pertandingan-pertandingan dengan Cybergame yang dianjurkan. Untuk jangka panjang sudah pasti kita mula memperkenalkan E-Sports ini dan beberapa aktiviti-aktiviti sukan kita. Sebagai contoh Liga Sukan Jen S yang baru kita anjurkan baru-baru ini dalam pertandingan pusingan akhir turut memperkenalkan beberapa aktiviti E-Sports kerana kita melihat kemungkinan sukan ini mempunyai potensi yang luas untuk di kembangkan dan mampu menjadi salah satu daripada usaha untuk perpaduan dan perpaduan di kalangan masyarakat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker soalan saya no. 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : INDUSTRI KITAR SEMULA PLASTIK**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri ke atas longgokan sampah-sampah plastik kitar semula selepas kilang industri ditutup?
- b) Adakah sebarang tindakan yang telah diambil terhadap tuan punya kilang atau tuan tanah sehingga kini?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sijangkang. Yang prihatin terhadap isu kilang cycle plastik di Kuala Langat ini. Untuk menjawab soalan pertama isu longgokan sampah-sampah plastik kitar semula selepas kilang berkenaan ditutup pada masa ini hanya berlaku di Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL). Sehubungan dengan itu, selaras dengan keputusan mesyuarat pada 2 Oktober 2018 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negeri (JPSPN) bersama pemilik kilang yang beroperasi secara sah dan secara haram, pemilik kilang yang beroperasi secara haram telah diarahkan untuk mengosongkan kilang dengan menjual segala produk dan sisa plastik kepada premis-premis yang mempunyai AP sahaja.

Untuk menjawab soalan kedua PBT telah mengeluarkan notis arahan tutup operasi kilang recycle plastik haram dan mengenakan kompaun kepada pengusaha kilang tersebut. Manakala tindakan yang dikenakan kepada pemilik tanah, pihak Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat (PDTKL) juga telah mengeluarkan Notis 7(A), Seksyen 128, Akta Kanun Tanah Negara 1965 dengan bertempoh untuk memulihkan pelanggaran syarat kepada pemilik tanah. Sekiranya pemilik tanah gagal mematuhi notis yang diberikan, tanah pemilik akan dirampas. Sekian.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya telah membuat lawatan pagi dan petang di beberapa permis. Ada premis yang telah diluluskan oleh yang mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar tetapi mengeluarkan yang baru sangat terlalu menyusuh dan tidak sihat. Ada premis yang telah diseal oleh pihak PBT tetapi sebelah malamnya ia masih beroperasi. Ada lagi yang lebih besar di kawasan-kawasan yang dimaklumkan tadi. Yang saya dapat maklumat di tanam berlaku sebab saya dimaklumkan permit untuk menanam sisa construction tetapi di tanam sampah kitar semula plastik ini. Cuma saya nak tahu sejauh mana sehingga pada hari ini sebab saya dapati kelonggaran itu adalah saya dimaklumkan sisa-sisa sampah yang tidak ada nilainya. Walaupun Kerajaan telah mengambil tindakan untuk mendedah apakah status pada hari ini. Dan apakah tindakan sekira tidak ada pembeli kepada sampah-sampah plastik ini untuk diuruskan dengan begitu lambat.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih soalan tambahan yang ditujukan oleh Sijangkang So saya mohon Yang Berhormat berikan kilang kerana telah pun kilang yang legal tetapi mereka mengeluarkan whatapps so saya nak pastikan kilang mana satu dan juga kilang-kilang yang illegal yang masih selepas disita masih beroperasi. Beritahu mana saya akan panggil Jabatan Alam Sekitar untuk buat siasatan segera tindakan itu. Tentang tempat longgakan sisa plastik dan kalau kilang yang disita ditutup dan sisa plastik mereka tidak dihantar di jual kepada premis yang legal kerana ada kita sampai sekarang tak tahu pun so mereka sudah hilang kita tak boleh berkesan siapa punya. Kalau begitu biar Kerajaan Negeri akan berusaha untuk cari tempat yang besar pindahkan plastik ke satu tempat dan akan jual kepada hantar kepada tempat yang proses legal.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD :** Sisa plastik ini memang masalah di Ijok terang-terang ada tempat *stockpile* ada plastik. Ijok ini tahu bagaimana plastik ini sampai ke Negeri Selangor sebab bila saya tengok saya ada gambar plastik ini datang dari Negeri China, Indonesia dan Thailand. Negara maju dan negara tak maju pun tak mahu plastik macam mana kita sendiri dapat plastik? Adakah tindakan-tindakan yang sepatutnya membatalkan AP untuk kita membanteras masalah sisa plastik.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Ijok, untuk makluman Yang Berhormat ini sejarah dulu, zaman pemerintah Barisan Nasional. Mereka mengeluarkan permit AP kepada pengusaha kilang import plastik masuk ke Malaysia. Ini berlaku sebelum PRU 14 di mana AP telah disalah gunakan dan ada demand dan ada kilang yang betul-betul buat recycle plastic. Mereka mempunyai mesin canggih, mereka melaburkan wang untuk beli mesin-mesin dan sistem penapisan udara canggih dan juga air di rawat so tiada masalah So ada kilang-kilang yang buat bisnes yang betul. Mereka ada hak juga untuk terus dapatkan plastik untuk proses dan kita ada memikirkan adakah nak haramkan semua plastik ini? Dan kita kena tahu ada banyak kilang yang berusaha dengan baik. So kalau kita semua stok ini tak adil kepada mereka. Mereka pun sudah melabur sejumlah wang yang sangat besar berjuta-juta. So ini yang kita kena tengok so sebab itulah pada 27 Julai Kementerian KPKP telah pun frezeekan semua ikutan plastik 3 bulan sampai 23 Oktober 2018. Selepas ini pihak KPKP telah pun buat satu keputusan supaya stok pengimportan plastik yang kotor. Plastik ada yang kotor ada yang bersih, ada yang kualiti dan ada yang tidak berkualiti so kita hanya benarkan untuk masa akan datang pengimportan plastik yang bersih, yang berkualiti yang boleh buat recycle. Untuk yang kilang haram mereka menjalankan aktiviti-aktiviti kerana mereka salah gunakan aktiviti ada orang pertengahan Politician salah guna AP ini jual sampah-sampah ini daripada China terus kepada kilang-kilang. So saya rasa di Ijok ada juga berapa kilang setakat di Ijok ada juga di Pelabuhan Klang, Klang juga ada. Sebab itulah kita memang serius tangani isu ini. Kita harap dengan pihak KPKP telah pun memutuskan mengharamkan pengimportan plastik yang kotor ini. Sekian.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER :** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih di atas penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kajang. Soalan saya soalan tambahan berkenaan dengan Industri Alam Sekitar ini tadi Yang Berhormat menyebut tentang ada kilang-kilang yang beroperasi secara sah dan mengikut piawaian yang telah kita tetapkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar dan ada juga kilang-kilang yang tidak beroperasi secara tidak sah. Dan soalan saya berapakah peratus atau pun berapakah jumlah yang beroperasi secara sah? Dan berapakah peratus kilang yang tidak beroperasi secara tidak sah dan bagaimana taburan kilang-kilang ini di lokasi-lokasi di seluruh Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Klang saya buat masa ini tidak ada angka di seluruh Selangor tetapi di Kuala Langat. Di Kuala Langat buat masa ini terdapat 55 kilang plastik recycle ini ada daripada 55 ini 33 ini haram tetapi ada 17 yang legal yang sah mengikut piawaian Jabatan Alam Sekitar dan ada lagi 5 pasti tunggu pemulihan kerana di mana lokasi kilang ini terletak dalam Zon Industri . Di Pelabuhan Klang ini kerana kebanyakan kilang ini letak di Industri lot. So dia jalan lebih jauh dari kediaman tak ada komplain daripada penduduk. Tetapi di Kuala Langat kerana kilang ini letak di tanah pertanian di tanah kelapa sawit berdekatan dengan kediaman sebab itulah memang penduduk merasai bau yang sangat teruk, mereka buat komplain Di Pelabuhan Klang banyak letak di Industri lot. Sekian.

Soalan tambahan saya rasa Yang Berhormat Kajang tidak mendapat laporan daripada pihak Majlis Klang ada banyak sebenar kilang-kilang plastik yang beroperasi secara haram atau pun secara tidak sah di kawasan Pelabuhan Klang. Ianya berdekatan dengan kawasan tempat tinggal duduk malah di letakkan di tepi-tepi sungai. Itu menyebabkan pencemaran berlaku terbuka pada waktu malam sebab mereka nak membersihkan sisasisa yang tidak boleh diguna pakai menyebabkan ada pencemaran bau buat kacau ganggu di kalangan penduduk jadi saya berharap pihak Yang Berhormat Kajang melalui agensi-agensi teknikal seperti Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan dan untuk segera dan pasti kawasan-kawasan Nilai daripada Kuala Langat kawasan yang kilang yang kitar semula, yang beroperasi secara tidak sah ini.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Port Klang. Saya mohon Port Klang bagi saya detail. Supaya alamat, jalan, yang ini penting. Apa yang berlaku di Kuala Langat ini, tak ada alamat. Dia terletak di lot kelapa sawit. So, nak cari pun susah. Tapi di Port Klang, saya harap Yang Berhormat saya butiran, alamat yang penuh supaya Jabatan Alam Sekitar boleh melaksanakan tugas untuk siasat perkara ini. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya nombor 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : INDUSTRI AERO ANGKASA**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah Usaha Kerajaan Negeri melalui Selangor Aerospace Council untuk menyuburkan ekosistem industri Aero Angkasa yang berdaya saing di 3S Aerospace Belt?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, kerajaan negeri melalui anak syarikatnya, Invest Selangor, kini sedang dalam usaha membangunkan Pelan Tindakan Aerospace Selangor di mana Pelan tersebut dijangka akan dibentangkan di dalam mesyuarat Majlis Aeroangkasa Negeri Selangor awal 2019. Sehingga kini sebanyak tiga sesi, percambahan idea atau *brain storming*, dengan izin, telah diadakan di mana ianya melibatkan secara langsung UMW Development Sdn. Bhd., iaitu pemaju kawasan perindustrian di Serendah dan Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB), yang merupakan pengendali utama lapangan terbang di Malaysia.

Sesi perbincangan juga telah diadakan bersama pemain-pemain industri aeroangkasa, terutamanya di Subang, Sepang dan Serendah, bagi mendapatkan input berhubung keberkesanan operasi syarikat di kawasan-kawasan tersebut serta keperluan bagi industri, untuk mengembangkan pelaburan mereka. Sesi ini amat penting bagi Kerajaan Negeri dalam merangka pelan tindakan yang efektif dan efisien serta memberi kebaikan bukan sahaja kepada pemain industri, malah dapat memberi impak kepada sosial dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan.

Selain itu beberapa inisiatif, turut dicadangkan di bawah pelan tindakan ini bagi menggalakkan syarikat-syarikat SME untuk bersaing di peringkat antarabangsa seperti bantuan geran dalam mendapatkan pensijilan dan akreditasi antarabangsa. Program pembangunan bersama syarikat multinasional, program perantis dan penyediaan latihan setempat.

**TUAN SPEAKER** : Gombak Setia.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM** : Terima Yang Berhormat EXCO di atas jawapan yang kira cukup baik. Namun berdasarkan potensi industri ini yang saya kira

begitu besar dan menyedari bahawa lebih 60% daripada industri aeroangkasa di negara ini berada di negeri Selangor. Apakah kerajaan negeri ada bercadang supaya anak-anak syarikat kerajaan negeri juga terlibat secara langsung dalam memberdaya industri ini. Mungkin dalam skala yang kecil di peringkat awal sebagai projek perintis dan menjadi salah satu pemain utama dalam industri aeroangkasa ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Terima kasih Yang Berhormat. Setahu saya Kerajaan Negeri hendak memastikan bahawa syarikat-syarikat ataupun anak syarikat Kerajaan Negeri menumpukan kepada core business mereka dan aero angkasa ini merupakan satu bidang industri yang amat spesifik. Memerlukan kemahiran dan juga teknologi yang tinggi. Maka agak sukar anak syarikat Kerajaan Negeri untuk melibatkan diri. Adalah lebih baik bidang ini, kita biarkan kepada pihak persendirian untuk menjalankannya. Dan memandangkan bahawa 62% daripada industri aerospace atau aero angkasa di Malaysia sudah berada di Selangor, bererti pihak swasta mempunyai kemampuan menjalankan industri ini. Jadi maka itu adalah tidak perlu untuk Kerajaan ataupun anak syarikat Kerajaan untuk turut terlibat dalam industri.

**TUAN SPEAKER** : Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, soalan 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH  
(N28 SERI KEMBANGAN )**

**TAJUK : ISU KESESAKAN DI SERI KEMBANGAN**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan isu kesesakan di kawasan Seri Kembangan? Ia juga melibatkan persimpangan jalan yang berkaitan di sepanjang Jalan Besar dan Jalan Putera Permai.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Dan Seri Kembangan, walaupun di senarai ini di sebut YB Ng Sze Han, tapi berkait dengan JKR, jadi saya jawab soalan ini. Sebenarnya, jalan besar atau Jalan Putera Permai yang disebut oleh Yang Berhormat Seri Kembangan di kawasan Seri Kembangan ini adalah jalan persekutuan, FT3215. Pihak JKR Selangor sememangnya telah memohon untuk menaik taraf jalan ini kepada cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia bagi diangkat Rolling Pelan 4, iaitu 2019. Rancangan Malaysia ke-11. Jalan ini, penaiktarafan ini dianggarkan bernilai RM100 juta. Untuk menaik taraf daripada empat lane yang ada sekarang ini kepada enam lane. Jasdi, selain daripada itu, bagi mengurangkan kesesakan

dari Putera Permai ke Lebuh Raya Damansara Puchong, pihak JKR Selangor telah juga mensyaratkan kepada syarikat Lembah Pencala Pemaju Sdn. Bhd, ini untuk menaiktaraf persimpangan Putera Permai – LDP, melalui Kelulusan Kebenaran Merancang pada Mac 2015 dan difahamkan persimpangan ini sedang dalam proses pembinaan. Jadi untuk secara umumnya, kesesakan di Seri Kembangan ataupun di tempat-tempat lain di Selangor ini, sememangnya kita di pihak JKR dan juga di pihak PBT memang sentiasa melaksanakan TIA, ataupun Traffic Impact Assessment, dengan izin, Kajian Impak Trafik, bagi menentukan kedudukan Level Of Service, di tempat berkenaan. Dan senarai memang kita mempunyai senarai yang panjang. Jalan-jalan persekutuan negeri yang memerlukan bajet bagi kita laksanakan bagi mengurangkan kesan kesesakan trafik di merata tempat ini. Dan kita sentiasa menilai dari masa ke semasa senarai ini untuk diberi keutamaan tempat mana yang perlukan dilaksanakan secara segera dan yang mana yang boleh dikemudian sedikit. Ini antara perkara. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya nombor 22, Yang Berhormat Speaker. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : TAHUN MELAWAT SELANGOR 2019**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk menjadikan tahun 2019 sebagai tahun melawat Selangor ?

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI** : Tuan Speaker dan Yang Berhormat-Yang Berhormat semua, untuk tahun 2019, Kerajaan Negeri Selangor tidak berhasrat untuk menjadikan tahun 2019 sebagai Tahun Melawat Selangor. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor telah menjalinkan kerjasama dan kolaborasi yang erat bersama pihak Tourism Malaysia dan Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia untuk membuat persediaan dan mempergiatkan aktiviti-aktiviti promosi pelancongan di dalam dan di luar negara. Bagi mempromosi negeri Selangor, melalui kempen Melawat Malaysia 2020, VM 2020, yang membawa slogan, *Malaysia Truly Asia*. Beberapa kempen promosi pelancongan di peringkat Negeri Selangor yang dijalankan oleh pihak Tourism Selangor dan masih dijalankan sehingga kini adalah seperti berikut ;-

- i) Kempen Discover Selangor Heart of Malaysia yang dilancarkan pada tahun 2016. Kempen ini mensasarkan hebahan publisiti ke peringkat global, di mana komponen dan pengisian kempen lebih menekankan pada demografi negeri Selangor dan beberapa segmen pelancongan yang lebih fokus iaitu Meeting Incentive, Conference and Exhibition, Pelancongan Kesihatan, Pelancongan Alam Sekitar atau Ekotourism dan Pelancongan Sukan.
- ii) Kempen Promosi Digital Discover Selangor, *Take Me Anywhere*, yang dilancarkan pada awal tahun ini iaitu Januari 2018, melalui platform digital google, YouTube dan media sosial. Kempen digital ini, memberikan fokus terhadap kemudahan dalam aspek penubuhan, sorry, perhubungan dan pengangkutan yang ada di negeri Selangor yang memudahkan para pelancong untuk menerokai tempat-tempat yang menarik yang ada di Negeri Selangor.
- iii) Usaha sama Tourism Selangor bersama syarikat penerbangan melalui pengiklanan di pesawat syarikat penerbangan tempatan. Ini memberikan satu impak yang besar kepada industri pelancongan negeri Selangor dan menarik lebih ramai pelancong melawat kawasan pelancongan yang diiklankan. Syarikat-syarikat yang terlibat ialah Fire Fly, kempen pengiklanan pesawat dari bulan Januari hingga Disember 2018 yang, dengan kosnya sebanyak RM200,000.00. dan yang kedua Air Asia, kempen pengiklanan pesawat dari bulan Jun hingga Disember 2018 dengan kosnya sebanyak RM149,000.00. terima kasih.

**YB. MOHD SANY BIN HAMZAN** : Soalan tambahan. Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sila.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN** : Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Saya melihat negeri Selangor ini adalah satu negeri yang sangat beruntung. Dan kita punya banyak advantage sebab kedudukan kita yang berhampiran Putrajaya, berhampiran dengan Kuala Lumpur, berhampiran dengan KLIA, KLIA 2, Cyberjaya dan juga tempat-tempat yang menarik khususnya yang berhampiran dengan negeri Selangor ini. Saya nak tanya apakah usaha Kerajaan Negeri contohnya, sebab kita lihat dua bulan kebelakangan ini banyak program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan, contohnya terbaru ini kita tengok, program MAHA di Seri Kembangan, sebelum itu kira-kira sebulan yang lalu, ada program kejohanan Grand Prix Motosikal. Saya nak tanya apakah usaha-usaha daripada pihak Kerajaan Negeri supaya mereka yang hadir ataupun mereka yang datang ke program MAHA, yang datang ke program ataupun kejohanan Grand Prix ini, mereka tidak balik begitu saja. Maksudnya selepas mereka datang ke program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan ataupun

Kerajaan Pusat ini, mereka boleh datang ke Negeri Selangor. Sebab kita tahu, Negeri Selangor mempunyai tempat.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, terus kepada soalan tambahan. Jangan putar-putar. Ringkaskan.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN** : ialah, sebelum nak sampai kepada maksudnya.

**TUAN SPEAKER** : Dia boleh sekejap, tapi jangan terlalu. Straight to the point.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN** : Jadi apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong yang hadir ke program-program itu untuk datang ke tempat-tempat yang menarik di negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI** : Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita bekerjasama dengan pihak-pihak hotel di seluruh negeri Selangor. Dan kami telah mengadakan kolaborasi dengan banyak syarikat-syarikat travel agen dan sebagainya. Dan mereka-mereka inilah yang akan menarik ataupun membawa tourist ataupun pelancong-pelancong ini ke negeri Selangor. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun lepas sahaja, tourist arrival, dengan izin, yang masuk Selangor ialah lebih kurang 7.2 juta. Dan jumlah yang, total receipt, yang kita terima, dengan izin, Yang Berhormat, dengan izin, ialah sebanyak RM5.6 billion. jadi tahun ini kita sasarkan sebanyak 7.5 juta. Dan InsyaAllah sehingga bulan Oktober, tahun ini, 5.2 juta telah didaftarkan sebagai tourist travel di Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : AGENDA PEKMERKASAAN BUMIPUTERA SELANGOR**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri memasukkan agenda pemerkasaan bumiputera dalam belanjawan 2019?
- b) Senaraikan usaha pemerkasaan bumiputera yang telah dilaksanakan dari 2016-2018.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih, Speaker dan Sungai Panjang atas soalan yang telah dikemukakan. Walaupun tidak mempunyai program yang secara khusus dan spesifik menyebutkan sebagai agenda bumiputera dan juga agenda Melayu ketika dalam pembentangan belanjawan. Namun ada beberapa program-program dan dasar-dasar Kerajaan Negeri yang secara terus memberi manfaat kepada masyarakat bumiputera dan juga orang-orang Melayu di Negeri Selangor. Terutama dalam bidang pendidikan. Dalam bidang pendidikan kita ada lima program yang secara khusus. Terus kepada masyarakat bumiputera dalam negeri Selangor, iaitu biasiswa pendidikan yang berjumlah RM16.6 juta, bantuan sekolah agama rakyat bernilai RM10 juta, fast-track SPM Tahfiz, RM1.9 juta dan program perantis T-Vet, Tahfiz yang juga bernilai RM1 juta, dan yang kelima, Program Siswa Timur Tengah, yang secara keseluruhannya meliputi kepada pelajar-pelajar dan orang-orang Melayu di dalam negeri Selangor.

Kedua, program usahawan HIJRAH. Walaupun program usahawan HIJRAH membuka penyertaan kepada bangsa dan kelompok di dalam negeri kita, namun di dalam rekod dan track rekod yang kita tunjukkan, 90% daripada peserta-peserta program HIJRAH adalah di kalangan orang-orang Melayu. Dan tahun ini HIJRAH memperuntukkan RM25 Juta. Sementara itu dalam bidang pertanian Program Meningkatkan Pesawah Padi nilai 2.2 Juta. Itulah di antara program-program secara terus pada tahun hadapan 2019 dijangka akan memberikan manfaat kepada masyarakat bumiputera di dalam negeri Selangor. Ahli Yang Berhormat sekalian, bagi soalan b) Kerajaan Pakatan komited memperkasakan bumiputera iltizam ini sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan yang ada di dalam negara kita. Pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri ialah untuk merealisasikan agenda tersebut adalah berasaskan kepada *best on net* satu keperluan dan juga .... Pelaksanaan program-program ini membuktikan Pakatan bukanlah semata-mata slogan tetapi ke arah pelaksanaan dan pemerkasaan yang spesifik dan menyeluruh. Saya senaraikan daripada tahun 2016 hingga ke 2018 dalam konteks usahawan sebagai contoh dari RM55,950 pengeluaran pembiayaan ataupun jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh Hijrah 410 juta telah dikeluarkan ataupun 90% dari jumlah tersebut merangkumi sekitar 49 000 pinjaman yang dikeluarkan telah diluluskan kepada pemohon-pemohon bumiputera. Manakala itu dalam 1 lagi program yang dipanggil Dana Usahawan Mikro di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri 337 usahawan-usahawan dibantu adalah usahawan bumiputera dengan kos bernilai RM5.153 Juta. Dalam rekod kita semenjak 2016 hingga 2018 sebanyak 1250 Sekolah-sekolah Agama, Sekolah Tahfiz, Sekolah Agama Rakyat dan KAFA yang telah dibantu oleh Kerajaan Negeri dengan nilai lebih RM24.98 Juta dibantu dan ini adalah secara langsung institusi-institusi yang bermanfaat kelompok bumiputera di dalam negeri Selangor. Sementara itu, dalam tahun 2017 dengan jumlah peruntukan. Maafkan saya, 2016-2018 kita peruntukan RM24.98 Juta kepada sekolah-sekolah Agama Rakyat di negeri Selangor. Ahli Yang Berhormat sekalian dalam perkara-perkara lain sebagai contoh Hadiah Masuk Universiti pada 2016 hingga 2018 seramai 12,232 orang di kalangan bumiputera yang layak belajar di universiti telah mendaftar dan menerima sumbangan RM1000.00 daripada Kerajaan Negeri dan jumlah peruntukan yang memberi manfaat kepada pelajar-pelajar ini adalah

sebanyak RM12.32 Juta. Bagi Dana Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor seramai 3846 pelajar bumiputera telah menerima manfaat dengan peruntukan berjumlah RM16 Juta setahun.

Ahli Yang Berhormat sekalian apa yang saya sebutkan tadi tentang Peduli Biasiswa Timur Tengah sejak daripada tahun 2017 seramai 849 pelajar telah menerima bantuan biasiswa dengan jumlah lebih kurang RM 2.317 Juta. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR:** Terima kasih Tuan Speaker. Kota Damansara soalan ke-24. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR**  
**(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: KESESAKAN LALU LINTAS AKIBAT PEMBANGUNAN BARU**

24. Bertanyakan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan bahawa setiap pembangunan baru di sekitar perumahan lama tidak akan wujud sebarang masalah kesesakan lalu lintas dan masalah trafik di masa akan datang?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Tuan Speaker, setiap pembangunan baru yang melebihi had minimum dikehendaki mengemukakan Laporan *Traffic Effect Impact Assesment* atau Kajian Kesan Lalu lintas atau *road safety assesment*. Dan hasil daripada kajian tersebut, syarat-syarat menaiktaraf akan dikenakan ke atas pemaju berkenaan bagi pemaju yang gagal memenuhi syarat-syarat berkenaan yang ditetapkan permohonan tersebut akan ditolak. Sekian. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Silakan.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR:** Kita maklum bahawa sebarang bentuk permohonan melalui kelulusan dan sebagainya. Walau bagaimanapun ada beberapa kawasan setelah dibina kita menyangka dan dah telah melalui kesesakan lalu lintas. contohnya di Persiaran Surian dan dijangka di Persiaran Atmosfera di Seksyen U5, Kota Damansara. Apakah rancangan kerajaan untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas yang timbul oleh permohonan baru yang akan menjaskan penduduk sekitar. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Seperti yang dijelaskan oleh saya tadi, semua pembangunan yang baru perlu mengemukakan *Traffic Effect Study* atau *Traffic Effect Impact Assessment* sebelum permohonan kebenaran merancang boleh diluluskan. Bagi kesesakan di Persiaran Surian dan juga Persiaran Atmosfera, MRT telah diadakan tahun lepas telah bermula beroperasi pada tahun lepas saya yakin dengan ada kemudahan pengangkutan awam di kawasan sana. Kesesakan lalu lintas akan dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun MRT saya akan tidak mencukupi kita perlu menambah lagi lebih banyak bas di kawasan sana. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG :** Terima kasih kepada Tuan Speaker, Teratai soalan nombor 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG**  
**(N22 TERATAI)**

**TAJUK: DIALISIS BUAH PINGGANG**

25. Bertanyakan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membantu pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan dialisis yang semakin meningkat saban hari dengan kos semakin tinggi dan menjadi lebih mahal selain Bantuan SMART Sihat?
- b) Apakah status perancangan Kerajaan Negeri untuk membina pusat-pusat dialisis milik Kerajaan Selangor? Apakah ada rancangan kerajaan membina sebuah pusat dialisis dalam kawasan Teratai? Jika ada, sila nyatakan lokasi.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD:** Tuan Speaker, terima kasih YB Teratai. Tuan Speaker saya minta izin untuk menjawab soalan nombor 25 bersekali soalan 126 daripada YB Templer. Soalan berkenaan Pusat Dialisis.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat jangan sebut YB, Yang Berhormat ya. Silakan.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD:** Maaf Yang Berhormat. Kerajaan Negeri melalui Program Sihat Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM5 Juta bagi meringankan kos pesakit yang menjalani rawatan dialisis. Sehingga 16 November 2018 sebanyak 1120 permohonan telah diluluskan dan seramai 315 orang pesakit telah mengemukakan tuntutan bayaran. Kerajaan Negeri turut membantu pesakit yang telah mendapat tajaan daripada pihak lain seperti Lembaga Zakat Selangor, PERKESO dan lain-lain pertubuhan. Bantuan ini bagi menampung kos yang tidak ditanggung oleh agensi pihak berkenaan seperti ubat-ubatan dan suntikan tambahan. Pada tahun 2019 Kerajaan

Negeri akan memperkasakan Program Gaya Hidup Sihat bagi meningkatkan kesedaran rakyat tentang pentingnya menjaga kesihatan dari aspek fizikal, pemakanan dan mental. Langkah ini seterusnya dapat mengurangkan kecenderungan untuk mendapat penyakit tidak berjangkit dan mengurangkan beban kos rawatan kesihatan di masa depan. Pada masa ini Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Pusat Rawatan Dialisis Swasta yang sedia ada yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membina atau mempunyai pusat dialisis sendiri memandangkan Kerajaan Persekutuan telah menyediakan rawatan dialisis di hospital-hospital kerajaan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pusat rawatan swasta yang terdapat di negeri Selangor bagi memudahkan pesakit mendapatkan rawatan di pusat rawatan swasta yang berhampiran dengan kediaman. Sekian. Terima kasih.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Soalan tambahan berkenaan.

**TUAN SPEAKER:** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Terima kasih Yang Berhormat Seri Serdang. Berkenaan dengan dialisis, adakah perancangan Kerajaan Negeri sekarang ini hendak memperbanyakkan dialisis seolah-olah macam hendak meramaikan pesakit buah pinggang ini? Dalam masa yang sama, ada tak kempen untuk kita menggalakkan rakyat Selangor terutamanya bagaimana cara menjaga buah pinggang? langkah-langkah pencegahan jangka masa panjang?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD:** Terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Soalan ini yang saya separa jawab tadi sebenarnya, adanya pusat dialisis ini bukan kita hendak menggalakkan tapi untuk memudahkan rakyat untuk mendapatkan rawatan. Namun kita perlu sedar sebahagian besar penyakit buah pinggang adalah penyakit apa yang kita panggil penyakit tidak berjangkit *Non.....* dan kebanyakan daripada penyakit buah pinggang berlaku bila ada penyakit-penyakit darah tinggi, kencing manis dan akhirnya komplikasinya adalah sakit buah pinggang. Jadi sekiranya rakyat menjauhi atau mencegah kedua penyakit ini maka dengan sendirinya penyakit buah pinggang akan berkurangan. Maka kempen Gaya Hidup Sihat kita insya-Allahlah pada tahun 2019 ini memang fokus kita kepada, juga kepada penyakit-penyakit tidak berjangkit menjaga kesihatan dan menjaga pemakanan itu adalah dua perkara yang sangat penting untuk di ketahui oleh rakyat. Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR:** Tuan Speaker, soalan saya nombor 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK: RUMAH SELANGORKU**

26. Bertanyakan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memperbanyakkan program Rumah Selangorku di DUN Meru bagi membantu rakyat yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Tuan Speaker seperti mana yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Meru kepada Sungai Ramal tadi perincian Rumah Selangorku ini mengikut Pihak Berkuasa Tempatan lah. jadi kawasan Meru ini berada di bawah Majlis Perbandaran Klang. Jadi unit-unit Rumah Selangorku yang ada di dalam di bawah Majlis Perbandaran Klang yang telah siap dibina ada sebanyak 878 unit, dalam pembinaan ada sebanyak 3438 unit dan dalam perancangan setelah mendapat kelulusan dalam 6143 unit, jadi jumlah keseluruhan adalah sebanyak 10460 unit semuanya.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR:** Soalannya berkenaan, khusus di Meru sahaja 10 000, ini rasanya keseluruhan? Selangor kot.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Yang Berhormat Meru tidak dengar saya jawab tadi. Perincian RSKu ini mengikut PBT ataupun Pihak berkuasa Tempatan jadi PBT yang mendapat permohonan untuk membina RSKu adalah sebanyak di Klang, Majlis Perbandaran Klang semua sekali 10 460 unit. Yang tadi ada perincian yang sudah siap dalam pembinaan dan juga dalam rancangan.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar. Mic...

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)**

27. Bertanyakan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai pelaburan langsung asing yang masuk ke Negeri Selangor sejak Kerajaan Pakatan Harapan menjadi pemerintah di Malaysia?
- b) Berapa ramai pekerja yang diberhentikan kerja disebabkan oleh syarikat gulung tikar atau menamatkan operasi di negeri Selangor tahun 2016-2018?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 sebanyak 83 projek pengilangan telah diluluskan di negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM3.096 bilion. Daripada jumlah ini sebanyak 50% adalah daripada pelaburan asing dan sebanyak, selainnya 5% daripada pelaburan tempatan.

Berdasar statistik MIDA 2016 hingga 2018 sebanyak 31,165 potensi peluang pekerjaan telah pun diwujudkan hasil daripada 527 projek pengilangan yang diluluskan di negeri Selangor. Dari itu mengikut rekod daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia sebanyak 569 orang pekerja telah diberhentikan bagi tempoh 2016-2018 disebabkan oleh syarikat gulung tikar atau menamatkan operasi di negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Soalan tambahan saya jika melihat unjuran ekonomi Malaysia yang rendah, untuk tahun hadapan saya minta Yang Berhormat EXCO menyatakan berapakah nilai pelabur yang berkualiti yang mampu dibawa dalam pelaburan asing luar dan nyatakan kebaikan pelaburan itu dalam jangka masa yang panjang dan kebaikan kepada rakyat di negeri Selangor?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker buat masa ini ramalan masih tidak dapat dibuat kerana masih awal lagi untuk tahun ini. Tapi berdasarkan perangkaan yang ada sekarang ini kita memperolehi RM 3.06 Bilion sehingga Jun. Kalau mengikut keadaan ini sekiranya kita juga mendapat jumlah sama untuk setengah tahun yang kedua mungkin kita akan lepasi jumlah yang kita perolehi pada tahun lepas iaitu pada lebih kurang RM5 Bilion.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN :** Tuan Speaker, soalan saya nombor 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN**  
**(N09 PERMATANG)**

**TAJUK: AIR SELANGOR**

28. Bertanyakan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan Prestasi Kewangan dan Pengurusan Air Selangor sejak diambil alih.

- b) Apakah tindakan segera Air Selangor bagi memastikan tekanan air khususnya di DUN Permatang dalam keadaan yang baik?
- c) Apakah langkah Air Selangor bagi mengelakkan kekerapan gangguan air akibat paip pecah?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang dan soalan berhubung dengan Air Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, Air Selangor telah menunjukkan prestasi yang semakin meningkat dari tahun ke tahun sejak mengambil alih sepenuhnya dan mula pengambilalihan pada tahun 2015. Kalau dilihat pada pendapatan pada tahun 2015, pendapatannya di sekitar, RM517 juta, telah meningkat pada tahun 2016 kepada RM517,000.00. kemudian meningkat kepada RM1.9 juta pada tahun 2016. Kemudian kepada RM1.98 juta pada tahun 2017. Dan tempoh semasa sehingga bulan September 2018, ialah RM1.496 juta pendapatan. Walaupun ia masih lagi keuntungan sebelum cukai, masih lagi kerugian, tapi telah berjaya dikurangkan sejak dari 2015, kerugian di sekitar RM6.38 juta, telah kurang pada 2016 kepada RM964,000.00, kemudian tahun 2017, kerugian M0.94 juta. Dan untuk tempoh tahun ini sehingga September ialah kerugian RM921 juta. Walau bagaimanapun pihak kerajaan berkeyakinan dengan kemampuan Air Selangor selepas mengambil alihan sepenuhnya yang berlaku, yang berlangsung baru-baru ini. Usaha-usaha sedang dibuat dengan baik untuk menyusun semula struktur kewangan dan juga pengurusan Air Selangor. Dan dengan langkah-langkah yang diambil termasuk langkah-langkah penambahbaikan dari segi rawatan air dan juga penggantian paip ataupun non revenue, untuk mengurangkan non revenue water, kita berkeyakinan Air Selangor berada di landasan yang baik untuk membaiki prestasinya di tahun-tahun yang akan datang.

Tentang soalan yang seterusnya, tentang bahagian yang kedua, purata bacaan tekanan air di kawasan Permatang, berasa di tahap 15mH, iaitu ukuran bagi ketinggian, bagi tekanan air. Makna dia, boleh, air itu boleh untuk kawasan tiga tingkat. Dan didapati dalam kajian yang dibuat oleh pihak Air Selangor, mendapati adalah mencukupi bagi kawasan di DUN Permatang ini. Walau bagaimanapun jika ada berlaku tekanan-tekanan rendah, perlulah kita membuat laporan untuk kita buat siasatan. Setakat ini, Air Selangor telah membuat kajian dan mendapati mencukupi untuk di bekalan air, bekalan untuk penduduk di kawasan Permatang.

Dan Air Selangor juga banyak mempunyai rancangan, dan telah sebahagiannya telah dilaksanakan secara berterusan. Bagi meningkatkan prestasi bekalan air di Negeri Selangor dan juga di... termasuk di DUN Permatang. Dan dibuat secara berjadual untuk memastikan dapat dikurangkan kejadian gangguan bekalan air ini. Terutamanya yang melibatkan paip pecah. Antaranya yang telah dibuat setakat ini ialah program penggantian paip air lama dan kritikal. Sebagaimana semua sedia maklum, paip air di Selangor adalah paip yang diwarisi sejak berpuluhan tahun, terutama paip yang dipanggil istilah AC paip. Iaitu Asbestos Cement paip. Ini yang dari zaman merdeka lagi. Dan paip

ini memang, ia dari masa ke semasa akan mengalami masalah dari segi kebocoran dan tidak, dia, life spend -nya, dianggarkan 70 tahun. Jadi kita telah mula menemui, telah sampai umurnya. Dan paip ini agak panjang, di negeri Selangor. Di sekitar 6,000 km lagi yang perlu digantikan, dari masa ke semasa.

Yang keduanya, program penggantian paip komunikasi. Yang ketiganya, pemantauan Aliran & Tekanan Air yang sistematik melalui Sistem Zon Pemeteran Daerah (District Metering Zone). Bagi kita melihat Tekanan air dan alirannya. Supaya ia berada dalam keadaan yang baik. Seterusnya program Pengesahan Kebocoran Secara Aktif (Active Leak Detection). Dan pemantauan “pressure surge” di jajaran paip utama melalui Sistem “Pressure Transient Monitoring”. Dan yang terakhirnya ialah, pemantauan dan penguatkuasaan pengalihan paip-paip terlibat dalam projek-projek pihak ke-3 seperti pembangunan baru, pelebaran jalan dan sebagainya. Telah di bawah pemantauan Air Selangor untuk memastikan gangguan dapat dikurangkan semaksima yang mungkin. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan 6,000km paip, Asbestos Cement paip yang perlu ditukar seperti mana yang dijawab tadi masa target kerajaan negeri untuk siap menukar kesemua 6,000km paip AC yang sudah melampaui tempoh hayatnya dan kerap pecah. Dan soalan kedua ialah angka yang dihuraikan tadi berkenaan pendapatan Air Selangor mungkin ada kesilapan di sana, RM1.9 juta adalah terlalu sedikit. Harap boleh disemak semula.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Maaf, tadi yang saya jawab milion, tapi sebenarnya bilion. Tadi saya tak perasan dia punya angka atas. Sebenarnya okey. Saya ulangi balik. Pendapatan pada tahun 2105, RM517 juta, tahun 2016, RM1.9 bilion. Tahun 2017, ialah RM1.98 bilion dan untuk tahun ini, tahun 2018 sehingga September adalah RM1.496 bilion. Ini daripada pendapatan. Daripada keuntungan sebelum cukai, untuk tahun 2015 ialah.. kerugian, RM6.39 bilion. Okey. Untuk 2016, ialah RM964 bilion, milion, RM964 juta. Untuk tahun 2017 ialah RM1.094 bilion. Dan untuk tahun ini sehingga September ialah, hujung September ialah RM921 juta. Ini angka yang telah di.. angka tadi. Minta maaf tadi dari segi angka.

Yang kedua berhubung dengan paip, AC paip, ataupun Asbestos Cement, lebih daripada 6,000, di sekitar 6,000km lagi. Dan mengikut perancangan Air Selangor ialah penggantian di sekitar, lebih kurang 160km setahun. Jadi memanglah satu angka yang agak kecil dan saya dah anggarkan lebih kurang 40 tahun. 40 tahun. dan ini dalam perbincangan di pihak Air Selangor, memang kita melihat juga kepada kemampuan untuk kita menggantikan dari segi aspek kewangan juga, dari aspek teknikal untuk penggantian.

Dengan sebab itu kita memilih pendekatan yang mengikut kepada aduan. Kalau kita menerima, kita mempunyai rekod, Air Selangor mempunyai rekod, paip-paip mana yang banyak menghadapi masalah, kebocoran melalui aduan dan sebagainya. Dan itu diberi keutamaan. Dalam menggantikan paip ini secara berperingkat-peringkat. Jadi ini tahap kemampuan. Mungkin kita akan lihat juga kajian dari masa ke semasa. Saya faham, Yang Berhormat Bukit Gasing akan bertanya, boleh tak dinaikkan lagi jumlah paip yang boleh diganti setiap tahun. Jadi ini akan memberi implikasi kewangan yang besar dan perlu kita akan lihat secara teliti sebelum kita buat keputusan untuk meningkat, menambah jumlah.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat..

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN** : Yang Berhormat Speaker yang ini penting.

**TUAN SPEAKER** : Ya, saya bagi Bukit Gasing, yang lain, duduk dulu, ya, duduk dulu.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN** : Saya faham. Memang ada kekangan kewangan dan kekangan kewangan mungkin boleh diatasi dengan pinjaman daripada Pengurusan Air Berhad, yang tujuannya diwujudkan adalah untuk memberi pinjaman untuk tujuan ini. 40 tahun terlalu lama la, Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, 40 tahun terlalu lama nak tunggu. Kawasan seperti Seksyen 14, Petaling Jaya. Saya kena suarakan untuk penduduk saya, mereka tahun ini telah ada gangguan sebanyak 30 kali. Dan mereka masih tak sampai quee untuk ditukar paip airnya. Sebab hanya dapat ditukar 150km paip air. Jadi kadar itu terlalu perlahan. Dia perlu dipercepatkan. paling kurang mungkin 500km paip air kena ditukar setahun.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Gasing. Sebagai mana yang saya sebutkan tadi, kita Air Selangor melihat keseluruhan perbelanjaan ataupun modal yang mereka perlu keluarkan., bayaran balik mereka perlu kenakan. Dan baru-baru ini kita pun sedia maklum RM1.9 bilion, dipinjam daripada PAAB, Pengurusan Aset Air Berhad, untuk program penstrukturkan ataupun pengambilalihan SPLASH. Dan juga , ada banyak pembangunan air, mereka perlu tanggung untuk memperbaiki prestasi pengurusan Air Selangor. Tapi dalam masa yang sama, saya tidak menafikan keperluan itu. Dan saya rasa, bukanlah satu tindakan yang bijak juga, untuk menggantikan paip air yang tidak ada masalah. Jadi, ini pun dari segi, logiknya, perlu kita ambil perhatian. Tapi mungkin kebenaran itu ada. Dan juga kita kena lihat juga, di Bukit Gasing itu bukan kerana AC paip, mungkin kerana gangguan itu, kerana kerja-kerja melebar jalan ataupun kerja-kerja yang dibuat oleh pihak ketiga menyebabkan paip air itu pecah. Bukan sebab prestasi AC paip itu sendiri. Tapi walau macam manpun kita akan lihat secara terperinci, satu persatu apa aduan yang diterima dan kita pertimbangkan untuk kita tingkat jika ada keperluan itulah. Saya setujulah, 40 tahun itu, lamalah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Soalan tambahan. Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Okey, Yang Berhomat, saya nak bertanya adakah syarikat Air Selangor memantau kontraktor yang membuat kerja pembaikan. Sebab saya lihat kebanyakannya kerja-kerja mereka buat, khususnya di Meru, selepas selesai mereka membuat pembaikan, keadaan menjadi semakin teruk. Jalan dan sebagainya. Ada tak mereka minta kebenaran kepada pihak, macam JKR dan sebagainya untuk buat kebenaran kerja. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Tak berapa nak berkaitlah. Tapi tak apa, saya jawab. Isu berkaitan dengan pengalihan utiliti di kawasan jalan merupakan isu yang besar sebenarnya untuk saya kongsi dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat. Di mana berlaku salah menyalah antara agensi. Kadang-kadang, pihak utiliti buat korekan di jalan PBT, jalan JKR yang baru diturap, tanpa kadang-kadang ada kebenaran. Kadang-kadang pihak utiliti sendiri, Tenaga Nasional ataupun pihak Air Selangor, kadang-kadang mereka pun tak tahu, kontraktor yang buat, kontraktor yang mereka lantik membuat kerja-kerja ini. Penyelarasannya yang saya sebut perlu antara menjadi perhatian, dan perlu kita diselesaikan. Dan saya nak maklum kepada semua juga kos pengalihan utiliti terutama paip air dan juga kabel elektrik memakan kos yang banyak. Saya bagi satu contoh di jalan Johan Setia, yang baru ini dibuat. Jalannya hanya 1.8km, penaiktarafan di jalan kebun, sana, dekat johan setia. 1.8km, kosnya 48 juta. Kos jalan itu hanya 28 juta, 20 juta kos pengalihan utiliti. Hampir, lebih hampir separuh daripada kos yang kita belanjakan untuk pelebaran jalan dan sebagainya melibatkan pengalihan utiliti. Ini juga berlaku di jalan-jalan yang lain. Banyak jalan-jalan lain. Jadi saya nak sebut di sini, kita sedang mencari jalan bagaimana penyelarasannya dapat dibuat, supaya antaranya ialah pelaksanaan utiliti mapping ataupun peta utiliti, supaya memastikan betul-betul utiliti itu di mana sebelum kerja-kerja pengorekan itu dibuat. Ini antara langkah-langkah yang kita buat utnuk memastikan benda ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE** : Soalan tambahan untuk EXCO, berkenaan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk pangsapuri-pangsapuri untuk kos rendah, di mana meter persendirian yang membebankan penduduk pangsapuri rendah. Walaupun berbelanja berjuta-juta untuk tukar paip, kalau boleh tukarlah meter pukal kepada meter persendirian.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat tak perlu jawab.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Soalan barulah. Sebab saya cakap umum tadi.

**TUAN SPEAKER** : ha.. umum.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Proses migrasi ini, sedang berjalan, memang telah banyak kita buat, ada lagi kawasan-kawasan yang kita akan selesaikan dalam proses, yang melibatkan kepada teknikal sikitlah. Tapi kita akan selesaikan, yang mana yang layak untuk menerima individual meter in. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya yang ke 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LAU WENG SAN**  
**(N52 BANTING)**

**TAJUK : INTENSIF PELANCONGAN DI KUALA LANGAT**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah intensif yang boleh dipohon oleh mereka yang berminat untuk mencebur dunia bidang pelancongan khususnya ekopelancongan yang semakin menarik minat anak-anak muda di daerah Kuala Langat?

**Y.B. DATO' ABDUL RASHID BIN ASARI** : Kerajaan negeri Selangor tiada menyediakan sebarang insentif khusus untuk pembangunan ekopelancongan di negeri Selangor. Kerana peruntukan yang ada adalah untuk promosi dan juga mengambil bahagian di dalam mesyuarat-mesyuarat, exhibition dan juga conference di seluruh di alam dan di luar negara. Walau bagaimanapun terdapat beberapa insentif yang berkaitan yang boleh dirujuk oleh mereka yang berminat dalam ekopelancongan di dalam negeri Selangor, seperti melalui usaha sama dan insentif dari kementerian pelancongan, seni dan budaya Malaysia untuk membangunkan projek-projek pelancongan. Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor sedia membantu semua produk pelancongan yang sedia ada dan yang berpotensi untuk dipromosikan sama ada di dalam dan juga di luar negara. Bantuan-bantuan yang diberikan ialah sesama mempromosikan sesuatu produk pelancongan melalui beberapa kaedah. Antaranya penerbitan direktori pelancongan Selangor dan The Best of Selangor dan yang ke-dua promosi melalui laman sesawang Tourism Selangor. Ke-tiga promosi melalui media sosial di *twitter*, *facebook*, *instagram*, *whippo* dan *wechat*. Yang ke-empat penerbitan Selangor Fun Map, yang ke-lima siri dan program promosi pelancongan dalam dan luar negara. Yang ke-enam program *fun tour* dan media agensi pelancongan dalam dan luar negara. Yang ke-tujuh sesi konsultasi melalui sesi lawatan teknikal bersama agensi-agensi lain yang berkaitan dan yang kelapan program latihan dan bengkel yang dianjurkan oleh pihak Tourism Selangor, terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Silakan Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya tertarik dengan jawapan yang dibekalkan oleh Yang Berhormat Selat Klang. Berkenaan dengan Kuala Langat ini saya rasa Kerajaan sepatutnya boleh melancarkan lebih banyak projek-projek kecil yang boleh dilaksanakan untuk membantu usahawan-usahawan pelancongan atau pun ekopelancongan di Kuala Langat. Saya ingin bertanya sama ada kerajaan ada peruntukan yang sedemikian untuk dibelanjakan pada tahun depan. Dan saya difahamkan pada tahun 2017, 2018 ada projek-projek yang berkaitan untuk pembangunan khususnya ekopelancongan bukan di Kuala Langat tapi di seluruh Selangor. Contohnya kawasan Yang Berhormat Speaker, saya rasa pastinya terkenal dengan satu dunia kerana ada program-program sedemikian. Jadi kalaupun tidak ada insentif adakah mungkin kita boleh wujudkan projek-projek tertentu atau pun program-program tertentu dan menarik usahawan-usahawan ini untuk mengambil bahagian.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah berbincang dengan pihak Tourism Malaysia baru-baru ini dan mereka telah memberitahu saya bahawa pihak Kementerian Pelancongan dan juga Budaya dan juga Tourism Malaysia ada peruntukan-peruntukan untuk projek-projek pelancongan kecil dan besar. Jadi sekiranya ada cadangan-cadangan atau pun *proposal* untuk membangunkan projek-projek pelancongan di kawasan Yang Berhormat, bolehlah *submit* atau pun masukkan permohonan, saya akan usahakan untuk mendapat sedikit bantuan daripada pihak Tourism Malaysia, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Semenyih.

**Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : KILANG**

30. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:
  - a) Berapa kilang haram telah dibersihkan di setiap PBT di Selangor dari 2016-2017?
  - b) Apakah langkah terkini telah dilakukan dalam membanteras kilang haram di Selangor?

- c) Berapakah anggaran kerugian hasil kutipan cukai akibat dari kilang-kilang haram dari tahun 2015 – 2017?

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI:** Tuan Speaker bilangan kilang haram yang telah dibersihkan di setiap PBT Negeri Selangor oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor adalah sebanyak 630 buah kilang. Perincian bilangan kilang haram yang dibersihkan di setiap PBT adalah seperti berikut:

- a) Shah Alam – 91
- b). Selayang – 23
- c) Kajang – 236
- d) Klang – 100
- e) Sepang – 55
- f). Kuala Selangor – 7
- g) Kuala Langat – 98
- h) Hulu Selangor – 16
- i) Sabak Bernam – 4

Kerajaan Negeri telah melaksanakan program pemutihan kilang haram di Negeri Selangor bermula Julai 2006 sehingga 31 Disember 2015. Dalam tempoh tersebut pelbagai insentif dan kelonggaran dalam aspek teknikal daripada Pihak Berkua Tempatan dan agensi teknikal telah diberikan kepada pemilik berdaftar tanah atau pengusaha kilang. Insentif yang diberikan antaranya adalah pengurangan bayaran premium tambahan dan pengurangan premium sebanyak 50% jika dibayar dalam tempoh 3 bulan. Pengurangan 30% jika dibayar dalam tempoh 6 bulan dan pengurangan 10% jika dibayar dalam tempoh 9 bulan. Kerajaan Negeri tiada anggaran kerugian yang dihadapi oleh PBT. Untuk makluman Yang Berhormat juga, tafsiran pegangan berdasarkan Seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 Akta 171 bolehlah ditafsirkan sebagai mana-mana tanah yang ada atau tidak ada bangunan-bangunan di atasnya yang dipegang bawah suatu dokumen hak milik yang berasingan dan mengenai bangunan-bangunan yang dipecah bagi ertinya harta bersama dan mana-mana petaknya. Oleh yang demikian bagi mana-mana pegangan harta yang mempunyai dokumen hak milik ia telah dikenakan cukai taksiran oleh pihak PBT. Sehubungan dengan itu, pihak PBT telah mengenakan cukai taksiran terhadap kilang ini setelah dibersihkan. Walau bagaimanapun, kilang-kilang haram yang sekiranya wujud akan dikenakan tindakan segera sama ada tindakan memberi notis, sitaan, perobohan atau pun pemutihan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE:** Terima kasih Tuan Speaker soalan saya nombor 31.

**YB. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : BANTUAN BENCANA KEBAKARAN DAN BANJIR**

31. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk meningkatkan sumbangan bencana kebakaran kepada mangsa?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Sentosa atas soalan yang telah dikemukakan. Buat masa ini Kerajaan Negeri masih lagi mengekalkan untuk bantuan kepada mangsa tabung melalui Tabung Bencana Khas Negeri Selangor dan akan meneruskan berdasarkan kadar yang sedia ada. Bagi kebakaran mangsa bagi musnah keseluruhan premis berkenaan akan diberi bantuan maksimum RM500 dan juga mangsa bagi musnah sebahagian daripada sebahagian premis yang berkenaan akan diberi bayar bantuan sekitar RM250. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terdapat juga agensi-agensi lain yang memberikan bantuan kepada mangsa bencana dengan kadar seperti yang dalam jadual yang berikut. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) maksimum RM5,000 untuk rumah musnah akibat daripada bencana kebakaran. Kedua, Yayasan Islam Darul Ehsan atau pun YDEM dengan minimum RM300 dan maksimum RM1,000 melibatkan kematian termasuk barang keperluan hanya untuk mangsa-mangsa yang beragama Islam. Ketiga Lembaga Zakat Selangor, banjir minimum RM100 dan ribut, tanah runtu RM300, kebakaran RM500 dan maksimum untuk kebakaran adalah RM5,000 untuk rumah-rumah yang musnah akibat daripada bencana. Ini termasuk dalam golongan yang harus dirujuk ke Lembaga Zakat terlebih dahulu. Dan yang keempat Yayasan Warisan Anak Selangor atau pun YAWAS RM200 untuk anak-anak atau pun anak yang berdaftar dengan TAWAS setakat ini. Untuk mangsa banjir, banjir yang melibatkan pemindahan mangsa diberi bantuan RM500 dan yang kedua banjir kilat yang tidak melibatkan pemindahan mangsa pembayaran tidak boleh melebihi kadar tahunan dan hanya rumah yang dimasuki air saja layak menerima bantuan iaitu maksimum 1 kali setahun RM250 pada mangsa yang terbabit, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE:** Terima kasih Tuan Speaker soalan saya soalan ke-32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : WIFI SELANGORKU**

32. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:
- Adakah Kerajaan Selangor memberi kemudahan wifi di sekitar flat atau pun pangsapuri?
  - Berapa kelajuan wifi yang ditawarkan kepada pengguna di sekitar flat / pangsapuri?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN:** Terima kasih Yang Berhormat Pandamaran. Kemudahan wifi Smart Selangor adalah disasarkan kepada kawasan tumpuan awam dan kawasan penduduk yang berpendapatan rendah. Bagi kawasan perumahan seperti pangsapuri pemasangan wifi akan dipertimbangkan sekiranya menepati kriteria yang ditetapkan tertakluk pada kesediaan infrastruktur yang berada di kawasan tersebut. Untuk menjawab soalan yang kedua, kelajuan wifi adalah bergantung pada infrastruktur jalur lebar yang sedia ada yang berhampiran dengan kawasan pangsapuri tersebut, sekian.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Silakan Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE:** Merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat EXCO di mana pangsapuri di pertimbangkan dan bagaimana dengan flat? Flat adalah satu tempat yang diduduki oleh golongan yang berpendapatan rendah, adakah Kerajaan Selangor akan mempertimbangkan untuk menambah wifi di kawasan flat?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN:** Terima kasih, sudah tentu untuk kawasan flat yang saya harap Yang Berhormat boleh bagi cadangan nama, majukan kepada saya sebab kita akan bincang sama ada perlukan. So, untuk makluman di Pandamaran setakat ini kita ada 10, hanya 10 kawasan wifi spot. So, saya harap yang ini akan ditambah pada masa hadapan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih. Memandangkan harga Internet sudah turun begitu banyak dan kelajuan Internet sudah dinaikkan oleh Kerajaan Persekutuan, adakah ini bermaksud semua Wifi Selangorku ini akan bertambah lebih laju?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN:** Terima kasih, soalan yang ditujukan oleh Bukit Gasing. Untuk makluman *actually* untuk infrastruktur ini di bawah tanggungjawab federal, federal.

So, segala infra ke kawasan itu di tanggungjawab oleh federal, so kita hanya pasangkan wifi percuma untuk penduduk. So, sudah tentulah kalau federal sudah memasang upgradekan wifi dengan kelajuan tinggi sudah tentulah wifi kita boleh dapat dengan yang sama juga.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE:** Terima kasih Tuan Speaker. Kepada EXCO saya ingin tahu sebab ada aduan juga yang di mana bahawa kelajuan tidak begitu cepat menyebabkan *download* untuk benda yang *download* seperti video adalah memang lambat. Jadi kalaulah Kerajaan Selangor ingin memberi perkhidmatan sebegini dan Kerajaan Persekutuan telah tambah kelajuan, saya haraplah adakah cadangan kerajaan akan menaikkan kelajuan meminta Telekom menaikkan dia punya kelajuan itu, terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN:** Buat masa ini kita memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan awam dan kawasan yang berpendapatan rendah. So, untuk memuatkan video-video ini saya rasa itu kemudianlah, yang penting ada tembusan jalur lebar ini. Kalau hendak dapat trafik, nak video *so*, saya rasa ini payah sikitlah, tapi perlu masa ya, sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Yang Berhormat EXCO bolehkah wifi dalam Dewan sebelah luar sana dipercepatkan. (Dewan ketawa)

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN:** Untuk makluman Bukit Lanjan, soalan ini ada kaitan juga dengan *colleague* saya yang jaga infra. Sepatutnya infra yang kena jawab soalan ini, kita hanya bagi wifi percuma, tapi untuk makluman kita akan lakukan yang terbaik, *so* saya rasa untuk kawasan ini bukan setakat jalur lebar wifi tapi di sini saya dapat telekomunikasi juga kadang-kadang tak dapat, ada mesej yang lambat, *certain* kawasan sini dan juga masalah yang kita hadapi. *So*, saya harap juga federal akan buat sesuatu perkara ini dan wifi bangunan sini kita akan bagi keutamaan dan di luar sana juga. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** EXCO, kepada Tuan EXCO berapakah bilangan *hotspot* wifi yang akan ditambahkan untuk tahun 2019 kerana ada banyak

beberapa DUN-DUN yang agak kekurangan pemasangan *hotspot* ini. Jadi kita boleh cuba untuk mohon untuk tahun 2019 yang akan datang, terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN:** Terima kasih soalan yang ditujukan oleh Yang Berhormat Sementara. Kita ikut keperluan kalau ada permintaan kita akan tambahkan bilangan wifi yang sedia ada. Untuk makluman Yang Berhormat setakat ini, setakat ini di seluruh Selangor kita sejumlah 3,834 *hotspot* wifi. Kita akan kalau boleh kita hendak tambah berlipat gandalah, tapi ikut keperluan, kalau siapa ADUN yang beri maklumat tentang kawasan-kawasan awam atau pun kawasan yang rendah seperti flat-flat dan juga masjid-masjid kita boleh bagi keutamaan untuk pemasangan wifi percuma.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 semua peringkat.

**TUAN SPEAKER:** Sebelum saya teruskan saya bagi setiap Ahli Dewan yang ingin menyertai perbahasan 10 minit, setiap orang 10 minit untuk sila ambil masa dengan jaga masa dengan teliti. Baik saya teruskan untuk Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengucapkan syabas kepada Dato' Menteri Besar yang bersedia membelanjakan 2.56 bilion pada tahun 2019. Usaha Dato' Menteri Besar untuk meneruskan kecemerlangan dan melaksanakan tuntutan-tuntutan perubahan yang diingini oleh rakyat adalah baik dan perlu mendapat sokongan daripada rakyat Selangor. Saya sedar Dato' Menteri Besar menghadapi cabaran yang besar untuk meningkatkan hasil negeri. Inilah sebabnya Belanjawan 2019 yang dibentangkan telah berkurang sebanyak RM560 juta berbanding dengan Belanjawan 2018. Walau bagaimanapun, saya melihat 5 strategi yang dibentangkan akan memenuhi hasrat reformasi mengambil kira keperluan masyarakat dan mencapai cita-cita melonjakkan Negeri Selangor ini sebagai atur di rantau Asia Tenggara. Tuan Speaker, seperti mana yang disebutkan oleh Dato' Menteri Besar dalam ucapan belanjawannya iaitu keyakinan rakyat Selangor terhadap pentadbiran Pakatan Harapan diterjemahkan kepada kemenangan 51 daripada 56 kerusi di Dewan Negeri Selangor. Sekarang tibalah masa Pakatan Harapan merealisasikan hasrat untuk membawa pembaharuan dan reformasi dalam sistem politik negara ini. Pakatan Harapan telah berjanji untuk mengehadkan tempoh lantikan atau tempoh memegang jawatan-jawatan tertinggi di peringkat Persekutuan dan juga negeri seperti jawatan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri. Perkara ini telah dinyatakan dalam Janji 12 Manifesto Pakatan Harapan di peringkat kebangsaan iaitu mengehadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri dan menstrukturkan semula Jabatan Perdana Menteri. Janji kedua 12 ini turut menggariskan bahawa jawatan Menteri Besar dan Ketua Menteri juga akan dihadkan kepada tempoh 2 penggal demi menerapkan tadbir urus dan baik. Perdana

Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa membentangkan usul mengenai kajian separuh penggal, Rancangan Malaysia Ke-11 di Dewan Rakyat pada bulan yang lepas juga mengutarakan tempoh perkhidmatan jawatan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri dihadkan kedua penggal. Sebagai satu langkah yang perlu disegearkan. Perkembangan terbaru ialah persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang telah mencipta sejarah sebagai negeri pertama meluluskan Rang Undang-undang Perlembagaan Negeri Pulau Pinang pindaan 2018 untuk mengehadkan tempoh jawatan Ketua Menteri kepada dua penggal pada 16 November 2018. Saya berharap Kerajaan Selangor akan turut memberikan keutamaan terhadap hasrat untuk memperbaharui sistem politik dan sentiasa sebagai negeri yang unggul dan baik daripada segi ekonomi, budaya sosial mahupun daripada segi politik.

Tuan Speaker, Belanjawan 2019 juga mengambil berat golongan OKU dan anak istimewa. Syabas kepada Kerajaan Negeri yang menubuhkan Majlis Tindakan OKU Selangor dan mewujudkan program kemahiran mengendalikan kanak-kanak keperluan khas yang diberi nama Guru Anak Istimewa Selangor. OKU begitu dekat di hati saya. Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa terdapat pelbagai jenis OKU. Ada yang mengalami masalah akal, ada yang mengalami kecacatan lain tetapi mempunyai akal yang normal dan hampir sempurna. Negeri Selangor sebuah negeri yang amat menekan pendidikan agama Islam kepada umatnya dan di seluruh negeri terdapat sekolah agama Islam dan sekolah rendah agama. Saya ingin memberi tumpuan kepada anak istimewa atau OKU yang mualaf iaitu yang mampu membezakan baik buruk. Mereka perlu dipertanggungjawabkan kewajipan beragama dan mereka juga boleh dididik sedikit demi sedikit memahami agama Islam. OKU yang mualaf ini wajib diberikan pendidikan agama. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya guru sekolah agama juga diberi kemahiran dan latihan untuk mendidik anak-anak OKU ini seterusnya sekolah agama bolehlah memberi ruang kepada anak-anak OKU ini mendapat pendidikan agama mengikut kemampuan mereka. Tugas kerajaan untuk menyediakan pendidikan agama kepada anak-anak OKU adalah selaras dengan matlamat pendidikan *zero reject policy*. OKU terlantar ditafsirkan sebagai seorang OKU yang memerlukan penggantungan sepenuhnya daripada penjaga. Mereka tidak mampu untuk hidup sendiri walaupun sekejap. Seorang OKU terlantar ini mungkin tidak mampu menghalau seekor semut pun sekiranya semut itu menggigit dia. Salah seorang daripada ibu bapa itu terpaksa mengorbankan seluruh hidupnya demi menjaga anak OKU ini. Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menyediakan bantuan untuk penjagaan OKU terlantar ini sebanyak RM350 sebulan namun terhad kepada pendapatan isi rumah di bawah RM3,000. Ini bermakna masih ramai lagi yang tidak layak menerima kerana faktor pendapatan isi rumah. Kerajaan Negeri Selangor telah mewujudkan skim Mesra Usia Emas yang memberi kemudahan khairat kematian kepada warga emas dan OKU. Saya ingin mencadangkan supaya satu skim untuk OKU terlantar diwujudkan bagi memberi sumbangan khas kepada ibu bapa atau penjaga tanpa mengira pendapatan isi rumah. Cadangan ini adalah kerana perbelanjaan untuk menjaga OKU terlantar sangat tinggi meliputi perubatan dan terapi, lampin pakai buang, susu atau makanan tambahan juga

alat bantu. Kasih sayang ibu bapa OKU ini tiada nilai gantinya. Ibu bapa OKU ini perlu dibantu dan diberi semangat supaya tidak menyerah kalah.

Tuan Speaker, saya menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1 juta untuk mengawal dan mencegah haiwan-haiwan seperti anjing liar dan kucing yang terbiasa yang mengganggu kesejahteraan penduduk setempat. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa terdapat juga aduan yang diterima berkaitan dengan lembu dan kerbau berkeliaran terutamanya di luar bandar. Saya pernah membangkitkan isu lembu dan kerbau berkeliaran di Dewan yang mulia ini pada 1 April 2015. Namun masalah tersebut masih berlarutan sehingga sekarang. Dengan ini saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sekali lagi iaitu kita jarang memberi perhatian kepada lembu dan kerbau berkeliaran yang menjadi satu kacau ganggu dan tidak mesra alam di jalan raya. Saya mengambil contoh lembu berkeliaran di banyak kawasan di Hulu Selangor dari antara Kapi hingga ke Kerling yang menyebabkan tahi lembu di atas jalan dan menimbulkan ketidakselesaan kepada penduduk dan pengguna jalan raya.

Cabarhan yang dihadapi sekarang adalah sama ada Enakmen Mengawal Lembu Kerbau Selangor 1971 mempunyai peruntukan yang cukup untuk penguatan kuasa mengambil tindakan bagi mengatasi masalah yang konon dikatakan kacau ganggu dan tidak mesra alam tersebut. Enakmen Mengawal lembu kerbau Selangor tidak pernah dikemas kini sejak Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1978 diluluskan dan berkuat kuasa pada 1979. Ini bermaksud kita tidak pernah membuat pindaan terhadap enakmen ini selama 39 tahun. Enakmen sedia ada ini masih menggunakan bahasa lama. Bahasa Melayu yang lama, kini tidak memenuhi keperluan semasa dalam pengawalan penternakan lembu dan kerbau di Negeri Selangor.

Saya mengucapkan syabas kepada Majlis Daerah Hulu Selangor yang telah menetapkan kos tangkapan seekor lembu atau kerbau yang perlu dibayar oleh pemiliknya. Ini bermakna selain daripada kompaun penternak juga perlu bayar kos tangkapan sekiranya mereka ingin menuntut lembu atau kerbau mereka. Walau bagaimanapun, saya memohon supaya undang-undang ini dikaji semula dan dipinda untuk menepati keperluan semasa dalam pentadbiran dan pengawalan penternakan lembu dan kerbau di Negeri Selangor bagi memastikan ternakan lembu ditetapkan di lokasi yang sesuai dan menggunakan ternakan moden yang tidak mencemarkan.

Tuan Speaker, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Dato' Menteri Besar yang menekankan dan menitik beratkan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan. Walaupun ucapan Dato' Menteri Besar tidak menyebut Kuala Kubu Baharu tetapi saya yakin Kerajaan Negeri tidak akan mengetepikan Kuala Kubu Baharu sebagai tapak warisan yang perlu dipromosikan. Bandar Kuala Kubu Baharu adalah salah satu tapak yang bersesuaian dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri untuk diangkat sebagai tapak warisan kebangsaan dan dunia. Saya difahamkan pihak Kerajaan Negeri sedang membuat kajian tapak dan akan mengambil masa selama 3 tahun untuk menyediakan

semua dokumen yang diperlukan oleh pihak UNESCO. Saya mendoakan kajian tapak Kuala Kubu Baharu dijalankan mengikut jadual dan akhirnya bandar Kuala Kubu Baharu berjaya diiktiraf sebagai tapak warisan kebangsaan dan dunia.

Tuan Speaker saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar yang memperkasakan Dewan Negeri Selangor. Fungsi Dewan Negeri Selangor sebagai badan perundangan perlu ditegaskan supaya dapat memainkan peranan semak seimbang ke atas badan eksekutif. Terdapat satu perkara yang boleh ditimbangkan mungkin untuk Belanjawan 2020 iaitu menyediakan bilik pejabat untuk setiap Ahli Dewan Negeri dengan membina satu bangunan baharu di kawasan bangunan Dewan Negeri Selangor ini. Ini akan memudahkan Ahli Dewan Negeri menjalankan tugas selain daripada berjumpa dengan pengundi di kawasan masing-masing. Saya difahamkan pernah satu usul pernah dibawakan oleh Yang Berhormat Sekinchan yang kini Tuan Speaker kita pada 8 atau 9 tahun dulu dan diluluskan di Dewan yang mulia ini dan saya harap pihak Kerajaan Negeri boleh melaksanakan apa yang diluluskan dalam usul tersebut. Sekian, terima kasih saya mohon menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Sijangkang.

**YB. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker memberikan peluang kepada saya untuk turut berbahas dalam ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Izinkan saya ..... (bacaan ayat Al-Quran) yang tertera dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang mafhumnya “sesiapa yang beramal soleh daripada lelaki dan perempuan sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami akan membala mereka dengan memberikan pahala yang lebih apa yang mereka kerjakan”. Saya kira ini menjadi rujukan kepada pembentangan belanjawan pada kali ini yang mana ia bertepatan dengan konsep *haiyyatontoyibah* seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri. Dan saya juga merasakan bahawa mungkin ini adalah salah satu daripada betapa mulianya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar membuat keputusan memberikan imbuhan atau pun bantuan khas 1 bulan gaji sebagai satu rangsangan kepada penjawat awam pada tahun ini. Walau bagaimanapun, saya melihat agar ianya bukanlah dijadikan sebagai satu dasar atau asas *batch mark* kepada prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Kalau kita lihat pada hari ini sendiri pun, kita lihat reserved Kerajaan Negeri Selangor semakin menyusut bukan bermaknanya saya tidak setuju dengan penggunaan *reserved* sebagai digunakan dalam perbelanjaan tetapi sudah tentulah penggunaan kewangan Negeri Selangor itu harus berhemah tidak terlalu boros dan tidak terlalu kedekut. Kalau kita lihat juga daripada segi kedudukan hasil negeri yang mana kalau kita lihat bahawa pencapaian atau pun kutipan hasil sehingga 15 November 2018 hanya sekadar 79.55% dan juga diunjurkan sehingga 31 Disember 2018 hanya sekadar 84% daripada sasaran 2.25 bilion. Saya kira ini juga akan merupakan pencapaian yang agak baik sebab seingat

saya pada tahun lalu pencapaian kutipan hasil sehingga penghujung tahun melebihi daripada 100%.

Dan saya setuju apabila Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa imbuhan atau pun bantuan khas pada tahun hadapan akan juga mengambil kira daripada sudut prestasi jabatan atau prestasi individu kerana saya kira ini juga akan memberikan satu rangsangan supaya semua termasuklah Ahli-ahli Kerajaan, EXCO dan penjawat awam bekerja dengan lebih keras lagi.

Saya mengalui-alukan strategi belanjawan Kerajaan Negeri yang mana dengan strategi untuk meningkatkan atau memacu pembangunan ekonomi negeri cuma saya mengharapkan supaya ada pertimbangan-pertimbangan di dalam kita memacu ekonomi negeri itu diambil kira juga bagaimana ekonomi Islam oleh Dr. Yusuf al-Kardawi yang menekankan soal-soal ekonomi rabbani yang berkaitan dengan ketuhanan, ekonomi berakhlak, ekonomi insani dan juga ekonomi seimbang yang harus dipertimbangkan dalam kita memacu pembangunan ekonomi di negeri Selangor itu sendiri. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada beberapa gugusan yang direncanakan dalam memacu ekonomi itu melibatkan beberapa juga kawasan-kawasan termasuklah di Sijangkang dan juga Telok Panglima Garang khusus di kawasan saya. Gugusan industri sokongan pelabuhan dan maritim yang mana kita sedia maklum Sungai Langat juga adalah sebahagian terletak di kawasan Sijangkang yang mana ia juga adalah sebahagian kawasan *port limit* yang kita sedia maklum di Telok Panglima Garang pada hari ini jumlah yang begitu banyak jeti-jeti yang didirikan di atas tanah-tanah LPS yang saya kira disebabkan mungkin tidak ada perancangan yang strategik ataupun perancangan yang komprehensif yang akhirnya ada jeti-jeti yang melebihi daripada bibir sungai didirikan, yang mana juga kita mempunyai permasalahan daripada segi operasi industri yang mana ada juga industri yang terlibat dalam industri kitar semula, plastik yang kita bincangkan. Begitu juga walaupun ada pemantauan-pemantauan daripada Lembaga Kelang tetapi saya kira pada hari ini ia nya perlu dilihat dengan lebih komprehensif lagi supaya akhirnya pembangunan dan pemacuan ekonomi dalam urusan industri sokongan pelabuhan dan maritim akan memberikan kesan yang baik.

Walau bagaimanapun saya juga ingin melihat supaya pembangunan ataupun pemacuan ekonomi yang berkaitan ini tidak akan memangsakan kepada orang-orang tempatan ataupun masyarakat tempatan terutamanya orang-orang asli di situ yang menjadi nelayan yang sumbernya adalah hasil daripada sungai yang saya kira pada hari ini cukup terjejas dan banyak rintihan-rintihan daripada mereka telah diutarakan. Begitu juga saya kira yang berlaku pada hari ini apabila ada kapal yang terlepas dari tambatan sehingga melanggar jambatan Pulau Carey itu sendiri dan baru-baru ini kejadian kedua masih juga berlaku.

Perkara yang kedua adalah berkaitan dengan gugusan industri terpilih dan industri perkhidmatan Telok Panglima Garang. Kita sedia maklum bahawa di Telok Panglima Garang adalah di antara kawasan yang terawal industri kawasan industri bebas yang

saya kira pada hari ini pembangunan industri yang cukup rancak di situ tetapi kita dapat lihat juga yang saya mengharapkan supaya kerajaan akan melihat bagaimana soalan-soalan berkaitan dengan *infra*, jalan, perparitan yang pada hari ini cukup mendukacitakan. Kalau jalan kita akan dapat lihat beribu-ribu tampalan-tampalan jalan yang tidak serata yang digunakan oleh kenderaan-kenderaan yang begitu berat yang akhirnya memangsakan kepada masyarakat tempatan untuk melalui jalan itu. Begitu juga dengan soal perparitan yang mana kita sentiasa akan dengar di kawasan-kawasan perindustrian ini ataupun kampung yang berdekatan terdedah kepada banjir-banjir yang berlaku terutamanya dalam musim tengkujuh ini. Saya mengharapkan juga supaya kerajaan akan melihat Industrial Park Management Committee ataupun IPMC ini diperkasakan. Hari ini saya melihat seolah-olah IPMC ini jawatankuasanya agak berduka-cita apabila mereka sering mengadakan mesyuarat tetapi banyak perkara-perkara yang tidak diambil perhatian oleh kerajaan negeri disebabkan oleh peruntukan yang terhad. Saya maklumi tetapi mungkin sedikit demi sedikit kalau kita dapat perkasakan ia sangat membantu pada kerajaan negeri terutamanya untuk mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian kita kepada pelabur-pelabur dari luar sana.

Perkara yang seterusnya saya nak sebutkan juga adalah gagasan pertanian dan industri asas tani yang berkaitan dengan kawasan-kawasan yang melibatkan kawasan Tanjung Karang dan Sungai Air Tawar terutamanya kepada petani-petani kita. Saya juga ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri bagaimana akhirnya Skim Insurans Petani dan Pesawah yang pernah dibincangkan oleh kerajaan negeri dulu sama ada ia diteruskan atau pun tidak kerana saya melihat walaupun mungkin banyak insentif-insentif yang telah dipotong oleh kerajaan persekutuan tetapi sekurang-kurangnya apabila mereka mempunyai Skim Insurans Takaful yang dicadangkan itu apabila mereka menghadapi masalah kesihatan ini dapat membantu pada mereka.

Perkara yang seterusnya adalah berkaitan dengan peruntukan daripada JKR yang saya kira Jabatan Kerja Raya mendapat peruntukan yang begitu besar terutamanya dalam urusan jalan, jambatan dan sebagainya. Saya nak mengutarakan di kawasan saya ini terutamanya di Bandar Saujana Putera yang mana kita menghadapi masalah dengan kesesakan jalan setiap hari, setiap pagi dan setiap waktu puncak yang mana dahulunya ada dibincangkan dengan berkaitan dengan fly-over yang akan didirikan tetapi pada hari ini saya kita tahu permasalahannya saya mengharapkan supaya ada peruntukan-peruntukan yang tertentu yang akan diperuntukkan oleh kerajaan negeri sebagai salah satu inisiatif pembangunan untuk mengurangkan kesesakan di kawasan tersebut.

Perkara yang seterusnya yang saya nak sebut adalah berkaitan dengan Penjajaran Institut Peduli Rakyat. Saya mengharapkan apabila Insentif Perkahwinan Belia dijajarkan atau dinaiktarafkan dengan peruntukan-peruntukan walaupun pada semangat apabila kita mengadakan insentif kepada belia adalah untuk menggalakkan perkahwinan yang berdaftar kerana kita menghadapi masalah yang cukup besar apabila perkahwinan itu tidak didaftarkan dan juga masalah-masalah perceraian dan saya mengharapkan supaya

peruntukan-peruntukan yang diuntukkan bagi tujuan pendidikan ataupun pendidikan pasca perkahwinan ini harus diteruskan di Jabatan Agama Islam Negeri Selangor ada program ataupun modus-modus yang tertentu pasca perkahwinan yang saya kira sudah seharusnya diberikan peruntukan untuk tujuan tersebut.

Perkara yang seterusnya yang saya ingin sentuh adalah berkaitan dengan pendidikan bantuan pendidikan kerajaan negeri termasuklah sekolah-sekolah agama rakyat, sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan beberapa bantuan lain yang saya kira pada hari ini mungkin boleh dilihat daripada segi peruntukan yang diuntukkan itu mengambil kira bantuan per kapita kerana kita melihat banyak sekolah-sekolah terutamanya sekolah agama rakyat dengan jumlah yang begitu besar begitu juga pelajar-pelajar tafiz lebih daripada 15 ribu ataupun pada perkiraan saya pada sebelum ini hampir 20 ribu pelajar-pelajar berada di sekolah tafiz yang sekolahnya terlalu daif terlibat dalam kebakaran dan sebagainya, ini harus juga diberikan bantuan kepada sekolah-sekolah tersebut termasuklah sekolah KAFA yang saya juga sempat untuk melawat beberapa sekolah KAFA swasta yang sebahagiannya kadang-kadang satu bilik darjah sampai 60 orang dibahagi 2 dan pelajar yang berada di hadapan itu pernah menghadap dinding dan dinding itu hanya sekadar dinding pembahagi kepada kelas dan berlaku pernah pembahagi itu roboh dan akhirnya ia memberikan kepayaan dan kesukaran kepada sistem pembelajaran di sekolah tersebut. Saya juga mengharapkan program SPM Fast Track UNISEL dan KUIS juga dijadikan sebagai satu *venue* untuk pembangunan fask track SPM ataupun *v-fast* sebelum ini. Saya juga mencadangkan supaya pendidikan Orang Asli juga diperkasakan. Walaupun kita ada memberikan Peruntukan Tabung Sarungtasi tetapi saya kira di peringkat rebung lagi atau di peringkat pendidikan rendah lagi kita harus membantu anak-anak Orang Asli ini daripada sudut pendidikan sebab saya melihat secara purata masih ramai anak Orang-orang Asli tertinggal dari sudut pendidikan yang harus terus diperkasakan dan kita merancang bagaimana ia boleh dibantu supaya akhirnya pembangunan di kalangan masyarakat Orang Asli juga tidak tertinggal.

Saya juga ingin menyentuh kepada Pelan Hala Tuju Strategik Desa di negeri Selangor yang dibangunkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang mana saya kira sebagai satu pelan hala tuju itu kerajaan negeri seharusnya mengambil inisiatif pembangunan terutamanya yang melibatkan perumahan-perumahan di kawasan kampung-kampung tradisi, kampung-kampung bagan, kampung estet yang berada di negeri Selangor. Mungkin ada satu bentuk perancangan untuk melihat tanah-tanah lot yang kalau dulunya adalah tanah yang bersifat tanah pertanian hari ini telah diduduki oleh generasi-generasi yang bersifat akhirnya menjadi tanah lot tetapi menghadapi kesukaran sebab ia adalah tanah pertanian begitu juga tanah bagan di kawasan perkampungan orang Cina. Saya juga melihat bahawa kepentingan untuk kampung-kampung estet bagaimana pekerja estet juga diberikan ruang ataupun ada penempatan-penempatan yang harus dibangunkan. Bagi kawasan saya di Pulau Carey saya kira sudah hampir 2 penggal atau pun satu dekad tanah yang telah dilapangkan untuk tujuan pembangunan perumahan orang-orang estet ataupun masyarakat India ini oleh kerajaan pusat tetapi

sehingga hari ini masih lagi belum dibangunkan. Saya mengharapkan kerajaan negeri akan mengambil inisiatif ini kerana ini juga adalah keperluan, keselesaan, kesejahteraan kepada rakyat di negeri Selangor.

Selain daripada itu di kawasan saya juga saya ingin mengambil beberapa perkara-perkara yang perlu saya *highlight* di sini berkaitan dengan pembangunan perpustakaan desa yang sudah ada peruntukan nya sebelum ini dan dibincangkan di peringkat pejabat PBT tetapi sehingga pada hari ini masih lagi belum dibangunkan. Kemudian berkaitan dengan Pusat Kesihatan Sijangkang walaupun ini di luar daripada bidang authority kerajaan negeri tetapi saya nak maklumkan bahawa pusat kesihatan ini sudah hampir 10 tahun pusat kesihatan ini telah disebabkan oleh keuzuran pusat kesihatan ini operasi pusat kesihatan ini beroperasi di balai raya yang terlalu uzur dan saya mengharapkan kerajaan negeri akan melihat perkara ini dan mencadangkan kepada kerajaan pusat supaya ia dapat dibangunkan untuk keperluan masyarakat tempatan.

Selain daripada itu berkaitan dengan alam sekitar saya kira saya cukup *concern* dengan pertumbuhan industri kitar semula plastik yang sebelum ini begitu juga dengan alam sekitar termasuk lah paya-paya bakau dan saya ucapan terima kasih kepada NGO di kawasan saya yang memberikan oleh mantan Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung sebelum ini yang mana baru-baru ini telah dianugerahkan sebagai juara kepada sungai angkat kepada kerajaan negeri Selangor, Taman Rekreasi Bakau Sijangkang.

Selain saya ingat itu sebelum itu minta sedikit Tuan Speaker saya nak buat teguran ataupun ingatan kepada saya juga kerana Dewan ini adalah Dewan yang mulia tempat kita berbahas, tempat kita berbincang, kita memutuskan dasar-dasar yang baik tetapi janganlah dijadikan Dewan ini sebagai tempat yang kita menimbulkan persepsi-persepsi kerana pada zaman maya ini persepsi-persepsi ini mudah berlegar di luar yang akhirnya akan menjadikan satu perkara yang tidak baik di dalam negeri Selangor itu sendiri kerana pada sidang yang lepas saya ingat lagi apabila kita membincangkan soal peningkatan usia perkahwinan 16 hingga 18 tahun ada Ahli Yang Berhormat menyuburkan walaupun ia tidak berlaku ia dipersepsi menunjukkan seolah-olah sebagai satu agama Islam yang baru bahkan ini tidak berlaku tetapi apabila ia disensasikan, dibahaskan, dihujahkan seperti ini ia akan menimbulkan persepsi yang tidak baik.

Begitu juga semalam apabila kita dengar ada ucapan yang menimbulkan bahawa ada lantikan politik di dalam Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, saya kira dalam 2 penggal yang lalu kerajaan Pakatan Rakyat usaha untuk menidakkannya ataupun tidak meletakkan lagi lantikan-lantikan politik di Jabatan Agama Islam Negeri Selangor sebagai contoh saya kira jika persepsi ini bermain seolah-olah nanti di luar sana juga akan disambut dalam media maya yang saya kira ia tidak memberikan satu natijah yang baik. Begitu juga apabila dikatakan ada pihak-pihak tertentu yang menjadikan masjid tempat untuk memburukkan kerajaan Pakatan Harapan. Saya kira kalau berlaku ini harus

melaporkan pada pihak-pihak autoriti untuk mengambil tindakan. Jangan pula kita mengatakan kita bertanggung jawab sebagai Ahli Dewan Negeri kerajaan untuk kita pertahankan kerajaan negeri. Jadi jangan dijadikan masjid kalau ada dua pihak yang begini dalam satu masjid akhirnya masjid sebagai tempat yang aman dan tidak dapat memberikan satu natijah perpaduan kepada masyarakat tempatan. Saya sangat setuju dengan soalan dan saya ada tanyakan kepada Yang Amat Berhormat atau kerajaan negeri berapa banyak masjid yang telah dinaiktarafkan pengurusannya mengikut enakmen dan Alhamdulillah kerajaan negeri memperuntukkan 10 masjid lagi pada tahun ini untuk bagi pengurusan secara enakmen. Dan saya merasakan apabila ada pengurusan yang baik seperti ini kita dapat gunakan institusi masjid sebagai wadah kepada perpaduan dan pembangunan Islam itu sendiri. Terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih. Silakan Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker memberi Ijok peluang untuk berbahas Belanjawan Negeri Selangor 2019. Terlebih dahulu Ijok mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar dan pasukan beliau yang telah berjaya membentangkan belanjawan Negeri Selangor yang menyeluruh dan menyentuh keperluan rakyat. Yang Berhormat Timbalan Speaker, dari segi peruntukan belanjawan dilihat bajet pembangunan telah diutamakan. Ini untuk pertumbuhan ekonomi negeri meningkatkan taraf hidup dan mengukuhkan infrastruktur untuk memberikan nikmat kepada masyarakat negeri Selangor. Negeri Selangor dari segi pembangunan fizikal dan insan sepatutnya kita ada prioriti sebab tadi Yang Berhormat Sijangkang dan Yang Berhormat telah menunjukkan yang kita ada macam-macam inisiatif di dalam negeri Selangor tetapi benda telah dibincangkan sejak saya jadi wakil rakyat tetapi tidak ada prioriti benda yang sepatutnya kita selesaikan. Pada pendapat Ijok negeri Selangor pentadbiran sepatutnya adakan satu KPI pada tiap-tiap inisiatif yang kita buat. Jadi kita boleh meneliti sama ada inisiatif kita mencapai matlamat objektif kita. Itu yang amat penting. Jadi saya haraplah kita dah bincang macam-macam masalah. Masalah banjir, masalah jalan, binatang liar, pendidikan. Lima tahun. Dah penat. Tak juga selesai. Jadi masa telah tiba kita *prioritize* apa yang sepatutnya kita selesaikan. Sebab persepsi rakyat pada kerajaan negeri amat penting. Kita jangan dalam sindrom syok sendiri. Kita dipandang sebagai negeri yang paling kaya di negeri Selangor. Menyumbang paling tinggi kepada Kerajaan Persekutuan. Tetapi perbelanjaan tahun depan banyak potongan. Saya tak mahu sebut sebab Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat sekalian tahu sebab kita kena pegang kepada janji kita, manifesto kita pada pilihan raya yang ke-14. Ia saya tahu kadang-kadang susah kita nak atasi janji-janji tapi kalaularah peruntukkan yang ada kita berhentikan, kita hentikan salah satunya adalah tol, kata kita nak hapuskan tol. At least kerajaan negeri Selangor mengambil kira tol di negeri Selangor ini. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya dapati bahawa sumber dana negeri Selangor yang terbesarnya sumber dari cukai tanah. Ini kadang-kadang sangat membimbangkan sebab kita kena ambil kira tentang perubahan ekonomi yang tak berapa

stabil. Dah dua tahun ekonomi serantau dan dunia memang tak berapa memberangsangkan. Faktor-faktor ekonomi dunia, inflasi, *employment*, dia memang bertukar dan juga kita pun tak tahu apa akan berlaku dari segi suasana politik yang ada. Jadi saya nak rujuk kepada muka surat 23 dalam Belanjawan kita. Sumber dana negeri Selangor banyak tadi saya kata hasil dari tanah. No. 1, jumlah premium tanah. Kalau kita tengok tahun 2017 kita dapat RM1.5 bilion. Anggaran kita pada 2018 RM1 juta tapi apa yang kita dapat *up to date* cuma RM400 juta. Ini amat kekurangan. Kalau kita project mungkin hujung tahun tak sampai RM650 juta. Jadi yang saya hairan anggaran tahun depan dekat nak RM1 bilion. Tahun ini kita kekurangan 50% macam mana kita boleh anggarkan RM1 bilion tahun depan. Sebab sumber dana ini adakan *affect* kita punya pembangunan peruntukan. Lagi satu saya nak rujukkan kepada hasil kita dapat dari sewa. Kita kutip jumlah sewaan RM4 bilion tahun 2017. Anggaran kita kutip sewa RM2.3 bilion. Tetapi yang kita boleh kutip sekarang sampai Ogos baru kurang daripada RM1 bilion dan saya harap kerajaan negeri Selangor anggaran kutipan sewa tahun depan RM3 bilion. Itu yang saya nak tegur sikit sebab kita sebagai *backbencher* kita kena prihatin terhadap perbelanjaan kita. *Is this realistic* or cuma kosmetik. Saya haraplah kita semua dapat penjelasan. Lagi satu saya ini prihatin tentang sumber dan sebab kalau kita ada dana banyak kita boleh belanja. Kalau dana kurang kuranglah belanja kita. Dan ganggu kita punya pembangunan. Lagi satu sumber yang saya nak rujukkan pada GLC-GLC negeri Selangor. Kita banyak GLC. Kita ada PKNS, Semesta, Perangsang, Worldwide, AirSelangor tetapi saya ingat Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan ini pun tak tahu bagaimana prestasi GLC-GLC dan *contribution* kepada dana negeri Selangor adakah dia punya akaun rahsia, kita tak tahu bagaimana perbelanjaan keuntungan, kerugian. Fasal GLC ini semua gunakan duit rakyat. Jadi rakyat dan Ahli Yang Berhormat berhak nak tahu bagaimana prestasi GLC-GLC ini. Sebab kita tak mahu jadi lagi satu 1MDB di negeri Selangor. Ingin saya tanya juga bagaimana syarikat DEIG yang dulu diwujudkan dua tahun sudah. Apa telah jadi. Bagaimana pelaburan rugi ke untung ke. Inilah yang saya hendak kita bincangkan di dewan. Ini penting sebab Yang Amat Berhormat dan juga Yang Berhormat EXCO kena *transparent*. Kena tahu sebab sebagai wakil rakyat banyak kadang-kadang saya di luar sana ditanya oleh kawan-kawan kecil, kaya, businessman yang nak tahu bagaimana prestasi negeri Selangor sebab kita dah dapat majoriti tetapi kenapa peruntukan-peruntukan yang ada saya tak mahu hiraukan sebab telah diberitahu oleh Yang Berhormat Sijangkang tadi. Mengapa dikurangkan. Adakah benda-benda ini satu rahsia. Yang Berhormat Timbalan Speaker, kita dah bincang macam-macam masalah di dewan ini. Dah lima tahun. Tak ada ke satu-satu mekanisme *political will* untuk mengatasi masalah-masalah yang boleh saya katakan kronik. Banjir, jalan, datang haiwan, didikan. Sebab kebanyakannya masalah perbuatan manusia. *Its a man made*. Saya ambil contoh sampah. Sampah memberi satu persepsi buruk kepada kerajaan Negeri Selangor. Yang kita tengok bagaimana kita nak melupuskan sampah. Macam saya sebagai doktor ada satu penyakit biasanya kita tengok apa punca penyakit itu. Apa yang kita tengok dalam sampah ada simptom dan gejala. Macam orang demam datang pada saya, saya kasi ubat panadol tapi saya tak ubati apa punca penyakit itu. Sampah ialah satu masalah yang besar. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan

negeri Selangor kerana inisiatif nak melupuskan *landfill* dan menubuhkan *incinerator* di tempat-tempat tertentu. Saya harap tiap-tiap DUN dapat satu. Sebab apa pencemaran dari *landfill* amat buruk *is by* produk. Kita tahu air yang mengalir masuk ke dalam sungai kan baru-baru ini banyak haiwan mati oleh sebab pencemaran. Tetapi apa yang kita sepatutnya atasi masalah ini bagaimana sampah itu boleh sampai. Kenapa negara-negara maju seperti Jepun, China, Korea boleh menguruskan sampah. Kita tengok *back lane* tiada sampah, kita tengok jalan raya longkang tiada sampah, tapi kenapa Malaysia ada sampah. Adakah kekurangan dan kelemahan kita dari mendidik anak-anak kita dari kecil bagaimana hendak mengurus sampah dari rumah sampai ke sekolah sampai ke luar. Adakah kita perlu menggunakan *the low* macam di Singapura dulu saya ingat kita buang rokok di luar kereta kita kena saman tapi di sini orang buang sampah dengan cara terang-terang kita bagi kompaun berkali-kali tetapi akhirnya sama juga tidak mengatas.

**TUAN SPEAKER:** Boleh Y.B. Ijok ringkaskan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Ya. Ok maaf Yang Berhormat. Itu yang sebab saya kata dalam masa tema merdeka. Ada kita punya *teks lane* Sayangkan Negara Malaysia Sayangilah Malaysia yang sepatutnya kita bagi di Selangor ini. Sayangkan Negeri macam mana jagalah kebersihan itu yang penting. Kita memberi tanggungjawab kebersihan kepada PBT-PBT kepada negeri itu tidak cukup. Pendidikan kita gunakan galakkan masyarakat untuk mengatasi ataupun memantau sampah senang kita boleh kita ada macam *voluntary* pada Bomba kita boleh wujudkan di sekolah, di kalangan masyarakat mata dari negeri Selangor siapa yang kita tangkap buang sampah kita dakwa kita beri ganjaran. Bermakna orang buang sampah waktu malam penguat kuasa tiada jaga 24 jam itu sebab banyak kita sepatutnya boleh buat tetapi Yang Berhormat sekalian saya haraplah kita kena buat satu inisiatif satu cara yang efektif sebab KPI kita amat penting untuk mengatasi masalah-masalah yang ada bukan itu sahaja bukan sampah tetapi masalah-masalah lain. Kita sudah bertahun-tahun bincang membahas itu sekian saya mengucapkan terima kasih sebab tiada masa. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Ijok menyokong Belanjawan Negeri Selangor 2019.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Y.B. Ijok. Saya menjemput Taman Medan.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI:** *Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahiwakatuhi.* Salam sejahtera. Terima kasih Y.B. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu saya melahirkan kesyukuran kepada Ilahi dan merafakkan ucapan terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker di atas peluang yang diberikan kepada saya bagi menyertai perbahasan di dalam persidangan Dewan pada hari ini. Atas kapasiti sebagai Ahli Dewan yang dipilih oleh mewakili rakyat di Taman Medan Pilihan Raya Umum Ke14 yang lalu saya ingin membawa suara mereka hasrat mereka untuk melaksanakan tanggungjawab kerajaan Negeri yang perlu ditunaikan demi kesejahteraan rakyat di negeri Selangor Darul Ehsan terutamanya di kawasan saya di Taman Medan. Belanjawan negeri Selangor bagi

Tahun 2019 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Sg. Tua pada tarikh 23 November 2018 yang lalu sewajarnya dilaksanakan penelitian sebelum ia dipersetujui untuk diluluskan. Berbagai-bagai aspek yang dinyatakan itu wajar dinilai dengan fakta-fakta dan juga peluang agar matlamat yang disasarkan iaitu kesejahteraan rakyat secara menyeluruh tercapai dengan jayanya. Saya berpandangan bahawa keseimbangan dalam pelaksanaan program dan polisi adalah aspek yang paling penting serta perlu diutamakan dalam melaksanakan dalam tanggungjawab sebagai kerajaan terhadap rakyat yang telah memberi mandat kepada mereka. Secara jujurnya saya memohon agar beberapa perkara yang mahu dilaksanakan perubahannya atau perwujudannya dibuat kajian secara menyeluruh dan terperinci sebelum ia dilaksanakan. Kebimbangan bahawa ia akan membawa memberi kesan kepada kepercayaan yang diberikan kepada rakyat kerajaan yang dipilih. Dalam sesi kehidupan peningkatan prestasi dan kualiti adalah sebenarnya satu kayu ukur untuk menilai kejayaan dan keberkesanan satu-satu pihak ataupun satu-satu aktiviti. Pada persepsi sesetengah pihak kemerosotan kecapaian boleh disabitkan sebagai kegagalan. Seperti yang dinyatakan oleh Y.A.B. Sg. Tua bahawa salah satu program dimasukkan ke dalam insentif Peduli Rakyat iaitu Pemberian Air Percuma sebanyak 25 meter padu kepada semua kediaman yang menggunakan meter air persendirian yang menyukat kadar penggunaan air oleh pengguna yang tinggal menetap kediaman-kediaman tersebut. Memang diakui bahawa pemansuhan skim tersebut memberi hasil dalam penjimatan tetapi ia juga mengundang persoalan di kalangan rakyat. Apakah setelah mandat yang telah diberi lebih daripada dua penggal itu sudah membolehkan penarikan balik memberi itu dengan memberikan memberhentikan dengan skim yang lebih berbeza iaitu pemberian bekalan air percuma dengan sebanyak 25 meter padu yang nampaknya ada peningkatan daripada kadar kuantitinya. Tetapi dihadkan kepada golongannya yang dikatakan kategorikan sebagai B40. Lalu perubahan *up fekasi* pemberian air itu akan memberi kesan. Dari segi pengenalan kepastian golongan sasar yang ditakrifkan sebagai B40 itu. Sebab ada setengah keadaan menjadikan kayu ukur B40 itu adalah berdasarkan kepada kedudukan taraf sosial setempat sedangkan realitinya tidak adalah sedemikian. Umpama di kawasan saya sendiri terus terang saya nyatakan bahawa golongan yang dikategorikan sebagai B40 adalah golongan pemegang bilangan majoriti terbesar yang didiami di kawasan yang saya mewakili iaitu Taman Medan. Malah jika di tanya tentang polisi penduduk di kawasan di kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain seperti sahabat saya Subang Jaya dan Bandar Utama. Saya percaya ia mewakili keseluruhan atau purata jumlah penduduk. Saya berbesar hati dengan peningkatan kadar kuantiti pemberian itu. Tetapi agak terkejut dengan pemansuhan kategori penerima pemberian. Saya berharap ia dibuat kajian semula ada khabar didengari bahawa di peringkat majlis mesyuarat Eksekutif kerajaan negeri juga ia tidak dibincangkan. Wajar rasanya dibuat kajian semula sebelum dilaksanakan. Saya meneliti juga agihan yang dicadangkan yang dipaparkan dalam anggaran peruntukan pembangunan yang dikongsi bersama Ahli-Ahli Dewan. Antara perkara yang menarik perhatian saya adalah peruntukan dana sebanyak RM106 juta yang dicadangkan diberikan Jabatan Agama Islam Selangor. Seperti yang kita ketahui Jabatan ini adalah sebuah organisasi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam segala urusan yang

berkaitan Hal Ehwal Agama Islam di dalam negeri Selangor. Saya terpanggil membuat beberapa cadangan kepada penerima dana tersebut ya kalau ada wakil daripada JAIS agar peruntukan itu sesuatu yang efektif bagi dibelanjakan untuk membiayai bagi setiap urusan yang bertanggungjawab Jabatan. Saya menerima berbagai-bagi pandangan daripada berbagai-bagi pihak yang terbabit dalam urusan tersebut antaranya pegawai-pegawai dan ahli-ahli jawatankuasa masjid dan surau, warga kerja jabatan yang berbagai-bagi status serta peserta-peserta program dan rakyat yang terlibat dalam program-program di bawah kelolaan Jabatan. Bukan segala hal-hal berkait aktiviti-aktiviti *the tour* dan perayaan semata-mata malah saya mahu penekanan kepada pembangunan sahsiah atau modal insan terutamanya warga jabatan itu sendiri. Saya terpanggil agar Jabatan ini mementingkan nilai-nilai integriti yang perlu di aplikasikan dalam operasinya. Kerana saya banyak menerima aduan dan ugutan tentang aspek ini yang perlu ditambah baik di kalangan warganya. Ada kes layanan yang berbeza dalam urusan-urusan yang berkaitan antaranya ada kes pegawai Jabatan yang menyalahkan guna kuasa untuk sesuatu yang menyalahi prosedur yang ditetapkan dalam kes-kes terpilih dalam menangani masalah rakyat. Ada kes yang kuasa digunakan tanpa ada aspek budi bicara lalu saya mencadangkan agar pihak Jabatan menggunakan dana tersebut untuk mempertingkatkan kualiti agar imej Pentadbiran Agama Islam yang membawa wajah peristik Islam itu sendiri berimej yang sebenar. Antaranya saya rasa sesuatu yang sesuai dinaikkan kadar imbuhan kepada warga-warga pentadbiran institusi-institusi masjid seperti Imam, Bilai, Siak, Nazir dan sebagainya. Begitu juga warga kerja institusi-institusi pendidikan di bawah Jabatan JAIS. Saya pernah menjadi pegawai masjid di negeri berjiran di negeri Selangor dan pegawai surau di negeri Selangor. Sebelum menjadi Ahli Dewan. Kebanyakan mereka melaksanakan tanggungjawab niat dengan ikhlas lalu wajarlah keikhlasan mereka itu dihargai dengan pemberian imbuhan dengan setimpal khidmat mereka. Ada seorang pengurus sebuah surau di Daerah Petaling memberi tahu saya bahawa sumbangan khas dana Ramadan 1439 Hijrah yang diumumkan untuk diberikan kepada surau-surau solat Jumaat hingga kini belum diterima walaupun telah ada kenyataan bertulis rasmi tentangnya dari Pejabat Agama Islam Daerah yang telah ditujukan kepada saya. Jika ada wakil daripada Jabatan tersebut boleh bertemu saya sesudah ini untuk saya salurkan maklumat. Begitu juga kepada Pendaftar dan Penolong-penolong Daftar Nikah yang bertugas urusan nikah kahwin mereka tiada sebarang imbuhan dalam menjalankan tugas melainkan sekadar sagu hati dengan jumlah yang ditetapkan apabila pasangan pengantin selamat dinikahkan. Itu pun ada pasangan yang tidak memberi dengan sebab terlupa membawa wang sagu hati dan seumpamanya. Ada kes nanti surat nikah tidak keluar siap kau. Pada hal tugas mereka bukan sekadar semasa pernikahan pasangan malah hingga ada lewat malam bertugas mengesahkan borang-borang pernikahan walaupun pasangan itu bukan bertugas ya..walaupun bukan bertugas dalam proses itu. Contohhilah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang turut sama memberikan penghargaan kepada pegawai masjid dan surau juga penolong pendaftar nikah dengan imbuhan bulanan dengan kadar tertentu yang munasabah. Diingatkan juga para warga kerja Jabatan lebih profesional, beretika, berintegriti tak kala dalam menjalankan tugas dan bertanggungjawab. Saya pernah menyalurkan maklumat

tentang pelanggaran undang-undang Syariah di institusi-institusi masjid untuk diambil tindakan oleh pihak Jabatan tetapi maklumat itu bocor di peringkat penguatkuasaan dan proses tersebut gagal kerana sikap tidak profesional itu. Di peringkat tertentu seperti masjid-masjid di bawah pengurusan Jabatan juga masih ada lagi gejala-gejala tidak profesional dalam pentadbiran di masjid. Saya sebagai wakil rakyat yang ada tauliah mengajar agama Islam di dalam negeri Selangor tidak boleh mengimamkan solat, memberi kuliah, menyampaikan khutbah malah berucap sekali pun dalam masjid di kawasan saya agak alasan sebab saya adalah ahli politik yang ada pekeliling tentang larangannya. Oleh pihak berkuasa pihak Agama tidak memberi ruang tampil apa ju bentuk di hadapan jemaah. Sedangkan sebagai wakil rakyat kita adalah penjawat awam yang telah mengangkat sumpah takrifan ahli politik ini saya minta pihak berkenaan semak semula dari sudut bahasanya. Bagaimana apakah dedahkan oleh sahabat saya Y.B. Sg. Kandis pada sesi sidang yang lepas bahawa calon-calon yang kalah dalam Pilihanraya mendapat ruang mengajar, berucap dan menyampaikan khutbah masjid dan surau. Calon daripada pilihan rakyat tidak boleh atas kapasiti ahli politik pada hal fantastik ahli politik itu jelas sesiapa yang terbabit aktif dalam aktiviti politik berjawatan dalam organisasi politik maka itulah ahli politik tidak kira YDP kawasan, AJK kawasan, AJK Bahagian, cabang seumpamanya apatah lagi berjawatan di peringkat negeri malah ada pimpinan sebuah parti politik pembangkang mendapat ruang mengajar di Masjid Negeri. Walaupun pernah memimpin di suatu majlis tular paparannya di alam sebar bahawa beliau membaca doa khusus menyatakan Agama Islam dijajah di bumi Selangor. Saya mengingatkan kepada pihak-pihak terbabit dengan apa yang dinyatakan dalam Al Quran (dengan izin) apa yang difirmankan Allah menyebut (ayat Al Quran) ‘Dan Janganlah Perasaan Tidak Suka Kamu Suatu Kelompok Manusia Menyebabkan Kamu Tidak Berlaku Adil Berlaku Adillah Kamu Lebih Dekat Kepada Takwa’. Jadi saya pohon kepada berkenaan berlaku adillah hingga sekarang individu tersebut tiada keinginan memohon maaf atas keceloparannya pengimejan keagamaannya itu. Ada kalanya kita diuji dengan ilmu adakala dengan pangkat, jawatan dan kedudukan. Iblis dulu pun tinggi ilmunya dan diciptakan daripada api yang menjadi sebab untuk ia angkuh dengan keadaannya itu. Di samping itu juga saya berpandangan Belanjawan ini di peringkat agihan lain perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya. Di Taman Medan saya berharap dapat memberi manfaat yang besar kepada warganya. Saya bila di ketahui sebagai Ahli Dewan yang mewakili Taman Medan, sering ditanya situasi kawasan. Apa macam, Taman Medan, ok? Sebab ada yang menganggap sebagai kawasan pergaduhan dan juga konflik. Tapi tak sampai tahap di USJ 5 semalam. Taman Medan mengharapkan agar belanjawan ini bersifat mampan dan mampu membawa kesejahteraan rakyat secara amnya. Saya dengan ini mengakhiri ucapan saya dengan memohon untuk menyokong belanjawan ini, mudah-mudahan dipermudahkan dan dapat memberikan kesejahteraan kepada rakyat negeri Selangor. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum WBT.

**TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Yang Berhormat Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN :** Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas. Ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bajet yang pertama selepas menjawat jawatan Menteri Besar dan kita harapkan sudah tentu dengan tema merancakkan ekonomi, memperdaya rakyat dan mempersejahterakan negeri akan dapat benar-benar dilaksanakan oleh semua agensi-agensi pelaksana dan juga dengan pemantauan dan juga dengan kerja kuat daripada pihak Dato' Menteri Besar dan juga barisan EXCO yang saya kira benar-benar bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab begini yang amat besar, yang amat berat. Dalam ekonomi Selangor yang kukuh sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu sektor perkhidmatan berjumlah RM161.79 bilion pada tahun 2017 dan juga sektor pembuatan RM79.2 bilion pada tahun 2017, ini menunjukkan bahawa negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang menjadi penyumbang utama kepada kekuahan ekonomi negara dan dengan bajet yang berjumlah RM2.56 bilion dengan pelbagai inisiatif dan juga pelbagai usaha-usaha yang telah digariskan dalam bajet ini kita harapkan bajet ini dapat memberikan kebaikan kepada rakyat secara terus dan juga secara manfaat yang seratus peratus kepada rakyat. Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan bajet ini khususnya yang berkaitan dengan daerah Kuala Langat DUN Morib dan daerah Kuala Langat. Antaranya ialah jalan sambungan Sg. Kelambu, Genting Sangyen yang berjumlah, bajet yang diperuntukkan sebanyak RM11 juta dan ini adalah sebagai suatu saya kira, sebagai satu rangsangan aktiviti ekonomi yang akan menaikkan ekonomi daerah Kuala Langat dan memberikan keselesaan dan mengatasi kesesakan pada waktu puncak di kawasan Banting dan sudah tentu dengan jalan ini akan menghubungkan terus Banting ke KLIA dengan begitu mudah sekali dan ini akan memberikan manfaat yang terbaik kepada rakyat secara amnya. Dan, dengan juga peruntukan sebanyak RM116.1 juta untuk menaik taraf jalan-jalan negeri, saya kira ini ialah satu bajet yang walaupun tidak mencukupi tetapi saya kira memadai untuk kita melaksanakan tugas-tugas menaik taraf jalan-jalan negeri dengan agensi pelaksana JKR saya kira tentulah memberikan bajet ataupun menjalankan kerja-kerja ini dengan berhemah dan kita harapkan bajet ini dapat digunakan dengan sebaik mungkin kepada rakyat.

Yang keduanya adalah kerajaan negeri komited untuk menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi dan antaranya ialah Wifi Smart Selangor yang telah kita sebut dan yang telah kita dengar daripada soalan-soalan yang telah dikemukakan dan juga daripada *feedback* daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Namun saya kira apa yang lebih penting bukan setakat jumlah wifi yang kita berikan, yang kita pasang di kawasan-kawasan DUN-DUN yang tertentu ya, yang tertinggi 400 lebih kepada DUN Kota Anggerik, sebagai contoh, saya tidak pasti jumlah di kawasan DUN Morib saya sendiri, saya kira mungkin dalam anggaran 50 ataupun lebih namun, apa yang lebih penting adalah kebolehupayaan wifi Smart Selangor ini. Tadi ada disebut tak boleh *download* video, tapi saya ingat, tak taulah kalau saya tersilap ataupun saya masalah di tempat saya itu terlalu teruk ke atau macam mana. Untuk *download*, untuk terima *Whatsapp* pun tak boleh. Ya, tuan-tuan. Bukan setakat nak *download* video, nak terima *Whatsapp* pun

tak boleh. Kita terpaksa *switch* kepada *line* kita sendiri ataupun kepada wifi lain untuk menerima *Whatsapp*. Jadi, saya kira ini adalah satu perkara yang amat merugikan lah. Kita ada jumlah yang banyak tapi kita tidak ada prestasi yang baik, kita tidak ada kelajuan yang munasabah. Kalau kita kata mungkin pada waktu itu terlalu ramai yang menggunakan, saya kira tidak lah terlalu ramai. Kalau di kawasan bandar sebagai contoh, kalau kata satu deretan kedai itu ada 50 kedai ke, saya kira itu adalah kita kena sediakan yang bersesuaian kecuali pada satu-satu ketika keramaian yang melibatkan puluhan ribu, itu mungkin kita boleh terima. Tapi kalau dalam keadaan biasa, saya kira pihak dari kerajaan negeri kena membuat semakan terhadap prestasi kita punya vendor-vendor yang memasang wifi Smart Selangor ini untuk memastikan kualiti wifi Smart Selangor ini adalah benar-benar memberi manfaat. Kita tidak mahu nanti ia menjadi suatu *backfire* kepada kita bahawa kita ni hanya bersifat retorik dan tidak melaksanakan program ini dengan sebaik mungkin.

Yang seterusnya adalah penaiktarafan Majlis Daerah Kuala Langat kepada Majlis Daerah ke Majlis Perbandaran. Ini adalah satu berita yang amat baik kepada Majlis Daerah Kuala Langat namun apabila dinaiktaraf daripada Majlis Daerah ke Majlis Perbandaran, tentulah ada perkara-perkara yang melibatkan pentadbiran yang akan berlaku antaranya mungkin akan ada kenaikan daripada segi cukai pintu atau seumpamanya. Jadi, kita harapkan dengan penaiktarafan ini, pihak Majlis Daerah Kuala Langat akan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan lebih efisien, dengan lebih berkesan pada masa yang sama, kita harapkan, kita mengharapkan aduan-aduan rakyat dan juga kerensah-kerensah harus kita tangani dengan sebaik mungkin. Kita tidaklah mahu memberikan alasan bahawa ini adalah peraturan yang telah ditetapkan, ini adalah garis panduan ya, memang betul tapi pada masa yang sama dalam proses perubahan ini kita memerlukan budi bicara kepada rakyat untuk memastikan peralihan daripada Majlis Daerah ke Majlis Perbandaran ini dapat dijalankan dengan lancar.

Yang seterusnya adalah berkaitan dengan Rumah Idaman Rakyat Selangor dan pihak Dato' Menteri Besar telah mengatakan bahawa Lembaga Pengarah MBI telah meluluskan pembinaan sebanyak 5000 ribu unit rumah di Bangi lama, Sungai Hulu Kelang, Paya Jaras, Tuan Timbalan Speaker, dan lain-lain lagi. Namun kita harapkan di kawasan Kuala Langat juga akan ada perumahan ini setelah sekian lama, saya kira kita hanya memperoleh Rumah Selangorku yang dibina oleh pihak-pihak swasta namun di pihak kerajaan sama ada daripada PKNS, MBI atau lain-lain agensi, kerajaan negeri tidak ada projek di kawasan Kuala Langat, kita harapkan, dengan..mungkin perlu daripada segi pembelian tanah atau seumpamanya dari kawasan-kawasan estet yang masih luas di kawasan Kuala Langat, kita harapkan pihak kerajaan negeri mempertimbangkan untuk mengadakan rumah idaman rakyat Selangor ataupun rumah-rumah yang dibina oleh agensi-agensi kerajaan. Juga berkaitan dengan program air percuma yang dihadkan kepada B40, ya, mungkin sebahagian rakyat Selangor yang mempunyai pendapatan yang tinggi sebagai contoh RM5000 ke atas, bagi mereka air percuma ini adalah tidak membebankan, tidak masuk dalam senarai perbelanjaan mereka pun untuk RM11.40 jadi

tak ada masalah. Namun, seperti mana yang telah disebut oleh beberapa Yang Berhormat sebelum ini bahawa program ini program air percuma yang dihapuskan ini, ataupun diubah kepada B40 ini akan, saya kira, saya berpandangan akan memberikan sedikit sebanyak masalah kepada kerajaan negeri sekiranya tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Sebagai contoh, bagaimanakah caranya untuk kita mengenal pasti akaun-akaun yang selayaknya untuk mendapat kemudahan air percuma ini. Mungkin mereka duduk di kawasan rumah murah, kawasan yang rumah teres yang kebanyakannya berpendapatan B40 namun, jadi, bagaimanakah kaedahnya untuk kita mengenal pasti, ini juga adalah satu masalah kepada kita kerajaan negeri untuk mengenal pasti siapakah mereka yang selayaknya, jadi, mekanisme dan cara untuk kita melaksanakan program air percuma yang baru ini dengan 25 meter padu yang pertama, kita harapkan dapat dilaksanakan dengan sebaik yang mungkin.

Juga yang terakhir yang saya nak sentuh adalah berkaitan dengan isu yang baru berlaku 2 hari lepas iaitu di kuil Sri Maha Mariamman Temple Hicom, kita tahu sejarah dan kronologi memanglah panjang namun kita sebagai kerajaan negeri, sebagai pentadbir tanah saya berharapkan kita dapat bertindak dengan sewajarnya untuk menyelesaikan masalah ini sebaik mungkin, kita tahu ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab telah cuba menjadikan isu ini isu perkauman dan agama ataupun mungkin pihak pemaju sendiri, kita tidak pasti kita harapkan pihak berkuasa, pihak polis juga menyiasat perkara ini dengan sebaik mungkin tetapi akhirnya kita sebagai kerajaan negeri akan dipersalahkan sebagai pentadbir tanah tidak tegas atau seumpamanya walaupun ia mungkin melibatkan isu-isu mahkamah ataupun yang lain-lainnya namun kita harapkan pihak Menteri Besar, pihak EXCO dapat meneliti perkara ini supaya kita dapat menyelesaikan isu ini supaya tidak berpanjangan dan dapat menjadikan sebagai suatu sempadan kepada isu-isu lain. Isu-isu tanah-tanah kuil yang lain ataupun tanah-tanah yang berkaitan dengan rumah ibadat yang lain agar ia tidak berulang di lain kali. Jadi, sekian terima kasih, saya menyokong ucapan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekian, terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat, saya bagi Sg. Panjang dulu.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** *Bismillahirrahmanirrohim.*

Assalamualaikum WBT dan juga salam sejahtera. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker kerana memberi ruang kepada Sg. Panjang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan negeri Selangor tahun 2019, saya akan manfaatkan masa-masa penghujung sebelum *lunch hour* ini dengan beberapa perkara yang saya akan bangkitkan berkenaan dengan belanjawan 2019 kali ini. Dan saya yakin perkara-perkara yang lain telah pun disebutkan oleh saudara-saudara saya daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat pembangkang dan juga sahabat-sahabat, rakan-rakan Yang Berhormat yang lain daripada *backbenchers* dan sebagainya. Dan, saya adalah di kalangan 5 bersaudara pembangkang, saya adalah yang paling muda jadi, saya harap berilah peluang kepada saya untuk memberikan curahan pendapat dan juga

pandangan daripada pembangkang. Yang keduanya, saya ingin mengucapkan tahniah dan juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Sg. Tua kerana telah pun membentangkan belanjawan sulung beliau selaku Y.A.B. Dato' Menteri Besar yang baru. Sebagai pembangkang yang konstruktif dan efektif, kami komited dalam memastikan Kerajaan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan melaksanakan urus tadbir secara telus, cekap dan berintegriti. Jadi apa yang baik untuk rakyat Negeri Selangor, maka baiklah juga untuk kami di kalangan pembangkang kerana kami juga adalah rakyat Negeri Selangor, kami juga dibesarkan dan juga membesar sebagai anak Negeri Selangor serta kini kami menyumbang semula khidmat bakti kami kepada Negeri Selangor yang tercinta.

Yang pertama, Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pemberian air percuma. Tidak dapat kita nafikan inisiatif pemberian air percuma ini adalah suatu inisiatif yang memberikan banyak kemudahan dan juga manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya di Negeri Selangor. Rancangan pengagihan subsidi atau pun bantuan pemberian air secara percuma secara bersasar adalah satu langkah yang terkehadapan dan baik dari segi aspek urus tadbir serta penjimatan bajet secara keseluruhan. Namun, beberapa perkara perlu diambilkira dan diberi perhatian terutama dari segi kesan dan implikasi samada ianya menepati sasaran atau pun ianya tersasar. Dalam cabaran ekonomi tahun depan dan kos sehari-hari yang dijangkakan akan terus meningkat kerana harga barang tak turun, harga petrol tak turun, PTPTN kena bayar, rumah di Negeri Selangor adalah di antara rumah yang mempunyai kos yang agak mahal. Maka sasaran untuk golongan B40 dan ke bawah sahaja mungkin menyebabkan kesan kepada kumpulan M40 *below*, dengan izin. Jadi Kerajaan perlu memasukkan juga atau pun menyasarkan juga pemberian air percuma sebanyak 25 meter padu ini kepada golongan M40 sebagai sasaran pemberian air percuma ini. Dari segi kaedah pula, sepertimana dimaklum oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar ianya akan bersandarkan data e-Kasih dan menjadi persoalan kita adalah sejauh mana kebergantungan kita kepada data e-Kasih yang sediada. Adakah usaha-usaha dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan data e-Kasih atau pun senarai pengkalan data untuk pemberian air secara bersasar ini telah pun dinaiktaraf atau pun telah pun di *update*, dengan izin supaya ianya menepati pengguna-pengguna dan juga pemegang-pemegang akaun air yang tepat. Bagaimana pula Kerajaan ingin memastikan tiada golongan yang tertinggal di dalam pelaksanaan pemberian air percuma secara bersasar ini. Saya yakin ramai golongan sasaran yang mungkin tidak berdaftar dan juga mungkin tidak termasuk di dalam senarai e-Kasih. Bagaimana pula pelaksanaan terhadap penama-penama yang berdaftar di dalam bil air tersebut. Di kawasan kampung ada banyak senarai-senarai penama yang tidak di *update* namanya di dalam bil. Mungkin ianya juga melibatkan rumah-rumah kediaman yang mungkin berstatus kos rendah tetapi disewa oleh golongan M40 atau pun B40 yang ke atas.

Akhir sekali yang paling mustahak adalah apakah jaminan pihak Kerajaan bahawa dengan adanya inisiatif baru meningkatkan pemberian air percuma kepada 25 meter padu

ini secara bersasar. Apakah jaminan pihak Kerajaan dan juga komitmen pihak Kerajaan supaya tiada kenaikan tariff air dalam tempoh lima (5) tahun yang mendatang ini. Jadi berkenaan dengan cadangan pemberian air secara bersasar ini, saya mencadangkan agar ianya dikaji terlebih dahulu dan jika boleh ianya ditangguhkan dulu supaya Kerajaan tidak membuat keputusan ini secara terburu-buru.

Yang keduanya, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker berkenaan dengan insentif perkahwinan. Saya rasakan bagi menggalakkan dan bantuan di dalam pemberian bantuan kepada pasangan-pasangan muda yang baru berkahwin, pemberian *one-off* ini perlu diteruskan secara bersasar dan mungkin Kerajaan boleh meningkatkan pemberian daripada RM500.00 kepada RM1,000.00. Dari segi pemerdayaan, ada banyak kaedah dan juga inisiatif lain boleh dilaksanakan melalui kerjasama dengan agensi-agensi peringkat Persekutuan seperti Lembaga Penduduk, Pembangunan Keluarga dan Negara (LPPKN) dan juga dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti Jabatan Agama Islam Selangor sendiri yang sepatimana telah diterangkan oleh saudara saya Yang Berhormat Sijangkang. Terdapat banyak modul-modul yang boleh dilaksanakan untuk memberi pengajaran atau pun pengisian kepada pasangan-pasangan yang baru berkahwin dan juga saya rasakan program-program seperti Program Nikah Perdana adalah antara inisiatif yang baik untuk dilaksanakan di peringkat DUN-DUN bagi memudahkan dan membantu pasangan-pasangan yang kurang berkemampuan terutamanya di dalam melaksanakan persiapan majlis kenduri perkahwinan. Jadi ini bolehlah diberikan sedikit rangsangan atau pun peruntukan kepada pusat-pusat khidmat masyarakat di kawasan DUN, Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengadakan program-program sebegini.

Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya juga bersetuju dan juga menyahut baik pembentangan bajet berkenaan dengan kesihatan. Peruntukan keseluruhan berjumlah RM21 juta untuk menjayakan hasrat Selangor negeri sihat. Ini adalah satu yang positif kerana kesihatan adalah kunci kepada kecekapan dan juga kesejahteraan rakyat. Bak kata pepatah Arab, “*Al Aklus Salim, Fil Jismi Salim*” yang memberi maksud “minda yang baik dan cerdas itu bermula daripada tubuh badan yang sihat”. *You are what you eat*, dengan izin. Program Selangor Slim adalah satu inisiatif yang baik bagi memastikan kita semua menjaga kesihatan dan mengekalkan BMI yang optimum. Kita harus mulakan dengan diri kita sendiri sebagai contoh yang terbaik adalah Yang Berhormat Tuan Speaker kita yang mana saya lihat beliau sendiri telah menjadikan contoh diri beliau. Kalau sebelum ini saya lihat di dalam siaran-siaran langsung atau pun siaran-siaran di dalam Sidang Dewan Negeri, kita lihat Yang Berhormat Tuan Speaker ini adalah jiran juga kepada saya di Sekinchan. Sebelum ini beliau bertubuh agak berisi dan akhirnya beliau berjaya menurunkan berat badan kepada berat badan ideal. Jadi ini adalah satu contoh yang terbaik ditunjukkan oleh Speaker yang mana kita boleh jadikan contoh untuk kita supaya masing-masing menjaga BMI yang baik dan kurang masalah kesihatan.

Di dalam inisiatif ini juga, antara yang perlu diberi perhatian serius oleh Kerajaan adalah bantuan untuk pesakit-pesakit dialisis. Di dalam kawasan saya sendiri masih kurang

kemudahan pusat-pusat dialisis berbanding pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan dialisis. Bantuan ini sangat penting terutama di kalangan rakyat yang tidak berkemampuan. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini juga, di dalam kawasan DUN Sungai Panjang hanya ada beberapa sahaja pusat-pusat dialisis dan juga pusat-pusat dialisis ini adalah pusat-pusat dialisis yang berbayar. Kalaular yang diberikan atau pun yang disediakan oleh Kerajaan melalui hospital hanya ada beberapa sahaja slot yang perlu panjang senarai menunggunya untuk mereka boleh mendapatkan perkhidmatan dengan harga yang paling minimum. Sebaliknya kalau mereka terpaksa mendapatkan perkhidmatan di luar, mungkin mereka terpaksa membelanjakan duit sehingga RM150.00 untuk satu sesi dan kebanyakannya daripada mereka ini perlu membuat rawatan dialisis seminggu tiga (3) kali. Jadi bayangkan berapa banyak perbelanjaan yang mereka perlu keluarkan kerana penyakit dialisis ini.

Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, berkenaan dengan kawasan saya. Berkenaan dengan petani, nelayan dan juga pekebun. Selain perindustrian, Selangor juga adalah negeri yang mempunyai pengeluaran hasil pertanian dan industri asas tani yang signifikan terutama kawasan Kuala Selangor hingga ke kawasan Sabak Bernam. Jika di Negeri Kedah adalah jelapang padi Malaysia. Maka kawasan Tanjung Karang sehingga ke Sungai Besar adalah jelapang padi Negeri Selangor. Terdapat lebih daripada 9,000 jumlah petani-petani di kawasan ini. Tak kurang juga pekebun sawit, nelayan laut dan juga darat serta penanam sayur dan juga tanaman-tanaman kontan yang lain. Mereka semua ini juga perlu diberikan perhatian yang khusus. Dalam bajet kali ini nampaknya tiada sentuhan yang secara terus kepada golongan-golongan seperti petani, nelayan dan juga pekebun secara khusus.

Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Selangor sekalian. Saya juga ingin memaklumkan kini harga sawit kian merosot dan merudum jatuh. Sehingga sekarang hanya tinggal RM260.00 setan. Di kawasan saya, pekebun sawit biasanya memiliki tanah dengan keluasan 3 hingga 5 ekar, pengeluaran buah sawit secara purata adalah sekitar 3 tan dan tuaian 2 minggu sekali. Jumlah pendapatan kasar mereka tidak termasuk belanja upah, baja, racun, *pruning* dan sebagainya adalah sekitar kurang daripada RM1,500.00 sebulan. Jadi memandangkan kawasan Sungai Panjang termasuk di dalam gugusan pertanian dan industri asas tani, saya mencadangkan agar Kerajaan memberikan perhatian terhadap tanaman-tanaman alternatif yang lain selain daripada kelapa sawit. Kebanyakannya kawasan kelapa sawit di dalam kawasan DUN Sungai Panjang juga ada yang sudah tua dan sudah sampai tiba tempoh masanya untuk penanaman semula. Baru-baru ini *trend* terkini di dalam kawasan DUN Sungai Panjang melalui Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam, oleh kerana harga sawit yang merudum jatuh ini ramai pebekun-pekebun terutamanya di kalangan orang Melayu Bumiputera terpaksa menjual kebun mereka dan *trend* ini meningkat, meningkat demi meningkat kerana mereka tidak lagi tahan dengan kos pengeluaran sawit dan juga harga sawit yang begitu rendah. Jadi saya mencadangkan agar Kerajaan menyediakan peruntukan dan pilihan kepada pekebun-pekebun sawit ini untuk memilih

atau pun sebagai satu *option* memilih tanaman *high value crop* seperti nenas MD2. Menyediakan bantuan dari segi kemudahan fasiliti, menyediakan tapak dan bantuan benih dengan usahasama Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia dan beberapa Persatuan-Persatuan lain kerana kita yakin *trend* terkini melihat harga nenas MD2, dengan izin adalah sebiji lebih kurang RM8.00 hingga RM15.00. Jadi 1 ekar tanah boleh ditanam dengan 17,000 pokok dan sekiranya kita berjaya menanam pokok-pokok nenas ini dengan gred A sudah pasti memberi pulangan yang lumayan kepada pekebun-pekebun ini sebagai akternatif kepada pokok kelapa sawit. Saya yakin pendapatannya juga lumayan sekitar RM10,000.00 hingga RM11,000.00 sebulan kerana tempoh tuaian nenas ini mengambil masa mungkin antara 13 ke 15 bulan. Tidak ketinggalan juga suntikan bantuan kepada pekebun-pekebun fertigasi yang membuat tanaman-tanaman lain seperti *rock melon*, *apollo melon*, timun, peria dan sebagainya.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh berkenaan jaringan jalanraya. Keadaan pembinaan jalan Persekutuan FR5 terutamanya di kawasan DUN Sungai Panjang sehinggalah ke kawasan Sabak Bernam di dalam keadaan yang sangat merbahaya. Perhatian perlu diberikan terhadap keadaan dan juga tahap keselamatan sepanjang pembinaan kawasan jaringan jalanraya FR5 ini kerana kita lihat pada waktu malam kurangnya pencahayaan dan kita lihat kontraktor yang bertanggungjawab tidak mengambil perhatian yang serius terhadap keselamatan dan ianya membahayakan penduduk-penduduk setempat. Jadi kita harap Kerajaan dapat memberikan perhatian sepenuhnya menyediakan atau pun memberikan pematuhan kepada pihak-pihak kontraktor supaya keselamatan dipertingkatkan terutamanya pada waktu malam tiada pencahayaan dan juga lencongan-lencongan yang merbahaya dan sekiranya waktu hujan ada juga kawasan-kawasan yang menakung air yang boleh menyebabkan kemalangan. Statistik kemalangan di dalam daerah Sabak Bernam kerana pembinaan atau pun proses menaiktaraf jalan FR5 ini meningkat dan juga peningkatan daripada kemalangan termasuk kemalangan maut.

Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin mencadangkan supaya dibina atau pun dibaikpulih jalan-jalan alternatif lain sepanjang jajaran pembinaan FR5.....

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sungai Panjang boleh sambung selepas daripada ini. Minta duduk dulu.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1.00 tengahari. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan jam 1.00 Petang)**

(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)  
(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Selamat petang Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Kita sambung perbahasan kita. Saya jemput Sungai Panjang, silakan.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : *Bismillah hirrahman nirrahim.*  
Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Bagi menyambung sedikit sahaja lagi beberapa perkara yang saya akan bangkitkan di dalam perbahasan saya bagi Belanjawan 2019 untuk sesi petang ini. Ada beberapa perkara yang ingin saya sampaikan. Yang pertamanya dari segi percukaian dan kita mengharapkan Kerajaan Negeri dapat mengambil perhatian yang serius kerana berdasarkan perbelanjaan ataupun belanjawan yang dibentangkan ini pendapatan negeri bergantung sepenuhnya kepada sistem percukaian. Mungkin telah tiba masanya untuk kita kaji semula dan kita boleh memperkenalkan mungkin kepelbagaian alternatif untuk mengimbangi pendapatan negeri dan kebergantungan kita pada sistem cukai. Dan bercakap dengan percukaian juga saya juga ingin mengambil perhatian Dewan Yang Mulia ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan Speaker terutamanya barisan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri berkenaan cadangan membuat implementasi...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ya, Tuan Speaker. Tuan Timbalan Speaker, minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sungai Panjang, Banting bangun.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Saya hendak habiskan saya punya ucapan. Sedikit sahaja lagi.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Lepas habiskan ucapan boleh saya tanya lagi?

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Boleh, tidak apa. Sedikit sahaja lagi. Berkenaan dengan sistem percukaian, Majlis Daerah Sabak Bernam sebelum ini ada mencadangkan untuk mengenakan caj parking di dalam Daerah Sabak Bernam. Jadi, saya membawa hasrat rakan-rakan dan juga sahabat-sahabat, teman-teman di dalam kawasan DUN Sungai Panjang khususnya, kita sebagai rakyat tidak bersetuju untuk dikenakan caj parking. Mungkin pihak PBT boleh memikirkan kaedah-kaedah lain ataupun cukai-cukai yang lain untuk menampung pendapatan pihak PBT itu sendiri. Jadi, bagi menutup perbahasan pada petang ini sebelum menutup saya berikan....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Laluan kepada Yang Berhormat Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ada dua soalan di sini. Yang pertama berkenaan dengan cukai, percukaian. Tadi Yang Berhormat sebut bahawa berkenaan dengan cukai. Saya kira ia mungkin berangkai dengan cukai tanah ataupun premium tapi tahu tidak Yang Berhormat bahawa sekiranya cukai tanah itu ataupun geran tanah itu dia luput maka kalaulah hendak dilanjutkan kita perlu, pemohonnya perlu membayar balik premium untuk melanjutkan geran tanah tersebut? Jadi, bukankah itu satu bentuk hasil bagi Kerajaan Negeri? Maksudnya tidak menjadi masalah sekiranya tanah kerajaan itu diberi hak milik sepenuhnya kerana sekiranya hak milik itu adalah hak milik *leased hold* maka masih ada peluang mungkin 30 hingga 60 malahan 90 tahun kemudian apabila hendak dilanjutkan perlu dibayar premium dikira pada harga pasaran. Yang kedua berkenaan dengan caj parkir. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sekiranya kita menegur kerajaan bahawa kita perlu mencari sumber kekayaan, sumber hasil yang baru dan pada masa yang sama sekiranya sesbuah PBT telah pun mencapai satu bentuk apa ini, status ataupun perkembangan ekonomi yang setara dengan kedudukannya bukankah kutipan caj parkir ini perlulah dikenakan supaya PBT mempunyai hasil yang banyak, yang lebih berbagai untuk memberi sumbangan dan perkhidmatan kepada pembayar cukai?

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Terima kasih Yang Berhormat daripada Banting di atas soalan dan juga beberapa pandangan berkenaan dengan sistem percukaian. Ya, saya setuju berkenaan dengan premium tanah. Ianya adalah di antara sumbangan terbesar di dalam pendapatan ataupun belanjawan yang disampaikan ataupun dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri Besar. Jadi, premium tanah ini bukannya sesuatu yang, maksudnya kerap-kali akan berlaku mungkin selepas tamat *leased hold* dan sebagainya ataupun berlaku perubahan ataupun permohonan penukar status tanah daripada tanah pertanian ataupun tanah industri. Dan berkenaan dengan cukai *parking* ataupun caj *parking* ini, ianya bergantung kepada PBT tersebut sama ada cukai ataupun caj *parking* itu dikenakan dengan izin, sama ada pendapatan ataupun caj itu *viable* kepada pendapatan PBT. Di peringkat Majlis Daerah Sabak Bernam ataupun di dalam kawasan Pekan Sungai Besar sendiri kalau dikenakan caj *parking* ianya saya rasa akan mengundang satu bebanan kepada pihak penguatkuasaan untuk memastikan setiap kenderaan yang *parking* tersebut dikenakan bayaran ataupun mengenakan saman kutipan tersebut. Sebab tidak ramai pun di kalangan penduduk ataupun masyarakat di Sungai Besar akan memandu kenderaan dan mengambil tempoh masa yang lama untuk *parking* ataupun meletakkan kenderaan di dalam satu-satu petak parking. Jadi, saya rasa ianya tidak sesuai dilaksanakan pada waktu ini. Saya ingin menutup ucapan saya Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker maaf, menutup perbahasan Belanjawan 2019 pertamanya saya ingin mengingatkan kerajaan agar sentiasa memastikan pelaksanaan bajet kali ini benar-benar akan merancakkan ekonomi, memberdaya rakyat dan mensejahterakan negeri. Jangan sampai kerajaan yang ada pada hari ini dek kerana kelekaan dan juga kealpaan dalam mentadbir negeri, ekonomi kita jatuh rakyat terpedaya dan negeri malapetaka. Kami lima bersaudara, tapi petang ini tinggal saya seorang sahaja akan terus menjadi pembela rakyat daripada janji-janji kerajaan yang tidak tertunai dan daripada harapan kerajaan yang menjajikan bulan dan bintang akhirnya janji tinggal janji, harapan dan pengharapan. Saya mohon mencadang

agar belanjawan ini dikaji dan dipertimbangkan semula. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER**  
Subang Jaya.

: Terima kasih. Saya menjemput

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker kerana membenarkan saya membahas Belanjawan Selangor 2019. Saya ingin memulakan perbahasan saya dengan memberi penghargaan kepada seorang anggota bomba dari Balai Bomba Subang Jaya yang cedera parah dalam tugas apabila membala panggilan kebakaran di Kuil Sri Mariaman pada awal pagi ini. Saya difahamkan bahawa beliau diserang selepas pasukan bomba tiba di lokasi. Nama beliau adalah Mohd Adip bin Mohd Kasim. Beliau berusia hanya 24 tahun dan nikah beliau dijadualkan dalam tiga minggu. Beliau sekarang diwadkan dalam Subang Jaya Medical Centre dan kesihatan beliau berada dalam keadaan 50-50 akibat cedera atas tulang rusuk dan paru-paru. Saya sedih kerana keadaan ini, kerana mereka yang telah turun untuk menyelamat pada sebaliknya menjadikan mangsa. Dengan ini saya mengalu-alukan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk doakan supaya saudara Adip diper mudahkan pengurusan dan akan kembali sihat kepada keluarga beliau dan pasukan bomba Subang Jaya. Agama merupakan bidang kuasa negeri. Oleh itu, saya menyeru kepada semua pihak yang terlibat dalam isu Kuil Sri Mariaman ini untuk menghormati undang-undang, untuk mengelakkan keganasan dan berusaha untuk mengembalikan ketenteraman. Saya ingin menyentuh kepada lima isu yang dirujuk dalam ucapan belanjawan Dato' Menteri Besar. Pertamanya, kesihatan mental. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Selangor kerana keprihatinan terhadap isu ini. Berani saya menyatakan bahawa Negeri Selangor adalah pemimpin Malaysia dalam isu kesihatan mental. Ini jelas apabila tahap perbahasan berkenaan isu ini dibandingkan dengan tahap perbahasan di Parlimen Malaysia. Di Negeri Selangor kita melangkah ke hadapan dengan memperuntukkan tumpuan kepada kesihatan mental dalam Belanjawan 2019. Statistik rasmi mengikut Tinjauan Kesihatan dan Mobiditi Kebangsaan 2015 mendedahkan bahawa 3 daripada 10 orang dalam Malaysia menghadapi kesihatan mental. Ini hanya merupakan statistik rasmi. Saya percaya bahawa statistik lebih tinggi jika mengambil kira nombor-nombor tidak rasmi. Oleh itu, soalan saya ingin bangkitkan adalah sama ada terdapatnya peningkatan peruntukan RM1 juta dahulu untuk kesihatan mental dalam Belanjawan 2019? Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri sekalian, penduduk dalam DUN Subang Jaya yang menghadapi masalah kesihatan mental telah mendapatkan manfaat daripada servis kaunseling atas talian percuma yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor terutamanya memandangkan servis kaunseling swasta yang amat mahal. Saya berharap agar peruntukan untuk kesihatan mental akan sekurang-kurangnya dikekalkan atau ditambah. Kedua, tentang pengangkutan awam. Saya mengalu-alukan pengumuman bahawa Kerajaan Selangor akan meneruskan perkhidmatan Bas Smart Selangor dan akan memperuntukkan RM30 juta untuk yang sama. Dalam Subang Jaya terdapat permintaan daripada penduduk untuk menambahkan laluan bas dan frekuensi bas. Oleh itu, soalan yang saya ingin bangkitkan sama ada RM30 juta yang diperuntukkan juga termasuk perbelanjaan operasi? Jika jawapan kepada soalan itu adalah 'ya', berapakah yang akan diperuntukkan untuk perbelanjaan operasi dan berapakah yang akan diperuntukkan untuk penambahbaikan? Soalan susulan daripada itu adalah sama ada penambahbaikan tersebut juga akan termasuk penambahan laluan bas kepada laluan-laluan yang sedia

ada? Ketiga, tentang infrastruktur air. Saya bagi penduduk Subang Jaya ingin merakamkan penghargaan atas tumpuan yang diberikan untuk menambahbaik infrastruktur bekalan air. DUN Subang Jaya adalah satu kawasan yang selalu dilanda gangguan air. Walau bagaimanapun, penduduk Subang Jaya memahami bahawa sebahagian daripada gangguan air adalah akibat usaha Negeri Selangor untuk menaiktaraf infrastruktur seperti mana gangguan pada awal Oktober tahun ini. Yang pentingnya, penduduk Subang Jaya hendak memastikan bahawa penaiktarafan infrastruktur akan menyumbang kepada peningkatan margin rizab air. Tahap rendah yang mana merupakan punca masalah air di Negeri Selangor. Oleh itu, soalan saya adalah dengan pelaburan RM223.35 juta dalam pembangunan infrastruktur, apakah peningkatan margin rizab air yang kita boleh jangka? Keempat, tentang pembinaan jalan baru. Saya mengambil maklum bahawa Kerajaan Selangor akan memperuntukkan RM116.1 juta bagi memastikan jalan-jalan yang sedia ada dapat menampung peningkatan aliran trafik semasa dan bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Ini merupakan satu pengumuman yang amat penting bagi DUN Subang Jaya memandangkan ia merupakan satu bandar laluan atau dengan izin, *stop over town* di mana jalan tempatan digunakan sebagai tumpangan oleh pemandu-pemandu yang ingin masuk dari satu lebuh raya kepada satu lebuh raya yang lain. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, DUN Subang Jaya dikelilingi lima lebuh raya utama iaitu Lebuh raya Persekutuan, Lebuh raya Shah Alam, Lebuh raya LDP, Lebuh raya NPE dan Lebuh raya NKVE. Oleh itu, bayangkanlah trafik yang sering keluar masuk Subang Jaya setiap hari. Pelaburan untuk menaiktaraf jalan-jalan dalam Subang Jaya akan memanfaatkan bukan sahaja penduduk Subang Jaya tetapi juga penduduk dari kawasan lain memandangkan ciri *stop over town* Subang Jaya yang dirujuk tadi. Salah satu jalan yang bermasalah dikenali sebagai Subang Kelana Link. Jalan tersebut menyambung pemandu-pemandu daripada Lebuh raya NKVE kepada Lebuh raya Shah Alam. Walau bagaimanapun, reka bentuk Subang Kelana Link amat kekok. Jalan itu kekok sebab ia tidak sambung kereta terus kepada Lebuh raya Shah Alam tetapi menamat dan menyentuh atas jalan tempatan iaitu Persiaran Kewajipan. Bayangkan masalah yang dihadapi apabila trafik tahap lebuh raya memasuki jalan tempatan. Oleh itu, saya berharap agar peruntukan JKR yang akan digunakan untuk menaiktaraf Subang Kelana Link dan akan amat berbesar hati jika pihak EXCO yang berkenaan dapat memberi kepastian berkenaan yang sama. Kelima, tentang Majlis Bandar raya Subang Jaya yang akan datang. Saya mengalui-alukan pengumuman bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya sekarang akan dinaiktaraf pada Majlis Bandar raya Subang Jaya. Ini merupakan satu perkembangan yang dinanti-nanti untuk beberapa tahun kerana keperluan dan permintaan penduduk Subang Jaya sudah pada tahap bandar raya tetapi keupayaan MPSJ untuk memenuhi keperluan tersebut disekat kerana sumber yang ada pada tahap perbandaran. Saya berharap dengan penaiktarafan ini MBSJ yang akan datang akan terus amalannya dengan menggunakan wang secara berhemah seperti yang dilakukan sekarang. Pengalaman yang diperolehi dalam mengurus bajet yang ketat telah membenarkan kami memahami betapa berharga setiap sen dan untuk menggunakannya dengan bertanggungjawab. Akhir kata, saya berharap agar semua sasaran bawah Belanjawan Negeri Selangor 2019 dapat dicapai untuk memanfaatkan seluruh rakyat Negeri Selangor. Dengan itu Subang Jaya menyokong Belanjawan Selangor 2019. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih, Yang Berhormat Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :**

Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat Jeram ingin membawa beberapa isu yang berkaitan dengan bajet di mana diharap Yang Berhormat EXCO dapat membantu Jeram untuk menangani isu-isu yang melibatkan bajet. Yang pertamanya berkenaan dengan Balai Polis. Kalau ditengok dalam infrastruktur, dalam bajet kita dibelanjakan lebih kurang RM500 juta. Tapi kita sedia maklum infrastruktur melibatkan semua daripada segi jalannya daripada segi kemudahan – kemudahannya dan juga dari segi keperluan asas kepada tempat-tempat tertentu. Jadi Balai Polis untuk maklumat tuan-tuan, untuk makluman Yang Berhormat semua di Jeram ada satu sahaja Balai Polis iaitu di pinggir Jeram. Di pinggir hujung Jeram ialah Bandar Puncak Alam iaitu sempadan kepada Paya Jaras. Jadi jumlah penduduk yang sedia ada sekarang ini di satu PDM dipanggil PDM hampir 100 ribu penduduk dan purata ataupun bulan lepas kejadian pecah rumah iaitu 27 kes. Jadi yang paling sedihnya Pejabat ADUN Jeram juga di pecah masuk. Kehilangan banyak barang-barang berharga di Pejabat DUN dan untuk makluman Yang Berhormat CCTV telah ada dan telah membuat laporan polis. Yang paling menyediakan gambar penjenayah ada tetapi pihak polis kurang ambil tindakan yang sewajarnya. Kalau ADUN ataupun Pejabat ADUN pun kurang selamat. Betul Templer. Bagaimana dengan masyarakat ataupun rakyat di DUN Jeram. Walaupun satu PDM jumlah penduduknya hampir 100 ribu satu jumlah yang besar tapi tidak ada kemudahan balai polis. Ada lebih kurang 7 pemaju telah menyediakan tanah untuk pembinaan Balai Polis tetapi tidak ada Balai Polis. Saya telah berjumpa dengan Ketua Polis Negeri pada minggu lepas, jawapan yang beliau berikan ialah kekurangan bajet. Yang keduanya kekurangan anggota. Kalau lahir jawapan ini saya berikan kepada rakyat mereka akan kata itu bukan masalah kami. Kami sudah memilih Kerajaan, Kerajaan patut menyediakan. Jadi saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri yang mana boleh buat konsep PFI di mana membina Balai Polis kemudian minta Kerajaan Persekutuan bayar bulanan. Saya rasa mungkin satu – satunya Kerajaan Negeri yang boleh mengamalkan konsep ini supaya kita sedia maklum Kerajaan Pusat menghadapi kekangan kewangan. Jadi sekiranya kita tidak menyelesaikan masalah Balai Polis di kawasan Jeram ini di mana penduduknya semakin padat. Sekiranya selesai pembinaan perumahan Eco World, Worldwide, IJM, LBS jumlah penduduk di dua PDM sahaja mencecah 195 ribu. Ini merupakan angka yang saya terima daripada Majlis Daerah Kuala Selangor. Yang keduanya di kawasan yang sama masalah pendidikan kita sedia maklum pembentangan bajet Negara kita telah memperuntukkan sebanyak 63 bilion untuk Kementerian Pendidikan. Saya mohon jasa baik EXCO Pendidikan kita di mana di mangku oleh Dato Menteri Besar begitu juga EXCO PBT kita boleh membantu untuk menyediakan kemudahan sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian di Jeram ada 6 buah sekolah kebangsaan 3 daripadanya di Bandar Puncak Alam dan statistik menunjukkan penambahan kelas darjah 1 di mana dari 6 kelas kepada 8 kelas pada tahun hadapan. Ini kerana pembinaan baru menyebabkan orang-orang muda, orang-orang baru berpindah duduk di Bandar Puncak Alam dan permintaan sekolah makin tinggi. Kementerian menyasarkan 35 orang pelajar di satu-satu kelas tetapi angka telah mencecah kepada 40 orang terkini di satu-satu kelas. Aduan dan permintaan daripada penduduk kepada YB Kawasan semakin meningkat. Surat-surat makin lama makin banyak yang kita terima. Harap Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat PBT dan juga Yang Berhormat EXCO Pendidikan dapat membantu Jeram di mana mendapatkan peruntukan yang sedia ada di Federal untuk dibawa ke Jeram untuk mendapat pembinaan sekolah kebangsaan. Ya.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAH** : Terima kasih Timbalan Speaker. Laju sikit, laju sikit sebab masa. Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya. Tapi bagi masa pun ikut masa Speaker. Baik silakan.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAH** : Maaf Tuan Speaker. Saya nak tanya pada Jeram. Apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan peruntukan lebihan daripada Kerajaan Persekutuan. Kita nak minta supaya EXCO-EXCO kita buat kerja. Tadi disebutkan soal berkaitan dengan Negeri Selangor negeri maju. 20.20%, 20.20 peratus hasil keluaran dalam negara kasar, negara datangnya dari Negeri Selangor Darul Ehsan, sebab itu kita hendak minta pimpinan-pimpinan Kerajaan Negeri untuk tengok berkenaan peruntukan ini. Sebab tadi disebutkan sekolah tidak ada, Pusat Pendidikan tiada, Pusat Kesihatan, Balai Polis ini soal Balai Polis soal keselamatan ini tidak boleh kompromi. Bila soal kesihatan, pendidikan juga keselamatan kita tidak boleh berkompromi sebab itu saya nak tanya kepada sahabat saya Yang Berhormat Jeram apakah tindakan dan cadangan yang kita boleh berikan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk dapat sejumlah peruntukan yang besar daripada Kerajaan persekutuan untuk membina infrastruktur yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jeram. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Soalan dan cadangan yang macam ini. Yang Berhormat Templer saya setuju, sebenarnya saya belum habis berhujah lagi sebenarnya kita berikan ruang dan peluang kepada EXCO kita sebab apa kita sedia maklum sumbangan terbesar di Negara kita ialah datangnya dari Selangor. Jadi apabila peruntukan yang tinggi seperti 63 bilion di peruntukan untuk Kerajaan untuk Pendidikan, Kementerian Pendidikan maka EXCO Pendidikan kita, mahupun ataupun EXCO PBT di mana mereka bertanggungjawab untuk pembangunan kawasan-kawasan itu untuk membawa duit daripada pusat untuk minta untuk pembangunan di Selangor. Jadi sebab apa kita cerita ini semuanya ada fakta dan keperluan yang perlu diambil kira bukan kita hanya bercakap kosong mengenai bajet. Apabila bajet Kerajaan Negeri Selangor kita kaitkan dengan bajet Kerajaan Persekutuan kita minta mereka bawa dan membantu kita di Selangor ini. Untuk makluman Tuan EXCO, kita di dalam rancangan Malaysia Ke-11 memang dah ada saya dapat fakta daripada Kementerian Pendidikan dan juga PBD Daerah Kuala Selangor memang peruntukan 2 buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah dalam rancangan Malaysia Ke-11. Jadi bermakna benda dah ada tinggal kerja-kerja EXCO untuk membawa peruntukan bajet daripada Kerajaan Pusat ke Kerajaan Negeri. Yang seterusnya berkenaan dengan *WIFI Smart Selangor*. Yang Berhormat EXCO minta tolong di kawasan saya ada 12 PDM di Jeram ini. Satu PDM pun saya tidak jumpa signal WIFI nya. Jadi bermakna benda ini saya pandang serius berbanding mungkin dengan tuan-tuan ataupun Yang Berhormat EXCO fokus di kawasan bandar. Bagaimana di kawasan Jeram ini di mana satu PDM pun tidak ada *WIFI Smart Selangor*. Saya mohon jasa baik EXCO yang terlibat dengan *WIFI Smart Selangor* berilah satu atau dua kawasan di Jeram untuk ada *WIFI*. Sebab apa saya nak mengelakkan budaya di mana anak-anak muda melepak di kedai-kedai mamak untuk mendapatkan *WIFI*. Jadi sekiranya ada ruang dan peluang berilah untuk DUN Jeram ini satu atau dua tempat dahulu. Berperingkat-peringkat mungkinlah. Jadi sebab apa saya mengambil contoh di Pulau Pinang Tuan-tuan, di Pulau Pinang Yang Berhormat kalau

pergi saya tidak tahu syarikat apa yang dapat kontrak di sana. Kalau boleh YB EXCO yang terlibat lantik kontraktor di sana. Kenapa saya berkata demikian apa bila saya berada di Kota Damansara, ada office saya di sana di Kota Damansara pun sama. Simbol WIFI Selangor ada, *Smart Selangor* tetapi memang langsung tiada signal. Jadi benda-benda ini saya harap Kerajaan Negeri mengambil perhatian kerana perbelanjaan yang diperuntukkan juga amat tinggi supaya perbelanjaan dapat memberikan manfaat yang sebaik mungkin. Yang terakhir berkenaan Mesyuarat Tindakan Daerah. Bagi saya habis dahulu Templer ya. Kebanyakannya yang terlibat dalam Mesyuarat Tindakan Daerah yang dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah, ADUN-ADUN semua ada tetapi Ketua-ketua Jabatannya tidak hadir. Mereka hanya menghantar wakil sahaja. Sejak saya jadi Yang Berhormat untuk kawasan DUN Jeram sebanyak 3 kali pernah ada Mesyuarat Tindakan Daerah tetapi Ketua-ketua jabatannya sorang ataupun dua yang hadir yang selebihnya menghantar wakil. Saya ingat lagi mesyuarat pertama saya telah maklumkan kepada Pegawai Daerah di mana minta hantar surat tunjuk sebab kalau ada mesyuarat yang lebih penting hantar surat tunjuk sebab. Saya minta di minitkan kerana seperti mana kata Meru dua tahun pun masalah tidak selesai. Macam mana nak selesai yang datang ke mesyuarat adalah wakil, wakil yang tidak boleh membuat keputusan. Apabila minit itu dibawa ke mesyuarat akan datang wakil lain. Saya kata kalau macam ini buang masa, saya bagi tahu Tuan DO, di mana bahawa perkara ini buang masa Tuan DO, buang masa ADUN-ADUN boleh datang untuk memastikan ada keputusan dan penyelesaian. Kalau tidak ada saya cadangkan dalam Dewan ini kita bubarkan sahaja tidak ada Mesyuarat Tindakan Daerah kerana tidak nampak keberhasilannya. Tuan DO Kuala Selangor macam ini, satu pagi, dua pagi saya telefon jawab, saya panggil datang, datang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Jeram. *handsard* tidak boleh nak rakam apa benda itu. Kena sebut. Bagus ke macam mana.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Orang Kawasan saya tengah rakam.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dalam *handsard* nak tulis apa.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Jadi Tuan DO memang orang yang sebaik-baik manusia sebab itu lah Ketua-ketua Jabatan ini mengambil kesempatan. Tuan DO nya baik boleh *perform* pukul 1 pagi, dua pagi bila saya panggil ada masalah datang tuan-tuan. Naik Pangkat tidak apa jangan dipindahkan. Menyusahkan saya.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Tidak naik pangkatnya itu.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Tuan Timbalan Speaker saya ingin mencadangkan di Dewan ini Alam Sekitar di kawasan Kuala Selangor kalau boleh di tutup, tutup. Dua kali saya memanggil pegawai yang terlibat kata tidak cukup pegawai. Untuk Kuala Selangor, Jabatan Alam Sekitar terletak di Sabak Bernam. Dia kata jauh tidak boleh datang. Isu pencemaran. Bila panggil tidak ada tidak cukup *stuff* tidak boleh nak datang baik tidak payah ada, tutup. Jadi saya harap dengan dalam Dewan ini mungkin pegawai-pegawai ataupun Kementerian terlibat tolong, tolong bantu YB-YB Kawasan sebab kalau dasar yang kita buat di sini bab belanjawan bajet kita berhujah di

sini tetapi kalau tidak dap *impliment* dengan berkesan tidak berguna. Dalam masa terdekat juga saya akan hantar surat kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di mana pegawai-pegawai yang tidak memberi kerjasama dengan YB Kawasan, kawasan saya. Jadi tolong tempatkan mereka-mereka yang di kawasan yang sepatutnya sebab saya mahukan pegawai-pegawai di daerah ataupun di Jeram ini pegawai-pegawai yang boleh membantu saya untuk merealisasikan hajat Kerajaan Negeri Selangor bukan sahaja duduk sebab mereka, saya tidak pasti adakah mereka ini masih lagi mendukung Kerajaan yang lama sehingga tidak memberi ruang pada saya untuk menyelesaikan masalah rakyat. Ia, Templer

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, silakan Templer.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya tidak berapa nak setuju tadi bila Jeram sebut pegawai-pegawai yang tak mahu memberi kerjasama kepada kita selaku ADUN ini dialihkan ke kawasan lain, maksudnya nanti kawasan Yang Berhormat selamat kalau dialih ke Templer pula, Templer tidak selamat.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAHID BIN ROSLI :** Saya yakin dengan kebolehan Templer. Boleh selesai punya.

**Y.B. TUAN MOHD. SANY BIN HAMZAN :** Tak boleh begitu. Saya rasa tak boleh begitu Yang Berhormat. Yang penting pada saya pegawai-pegawai yang tak memberikan kerjasama kepada kita ni kita mintak supaya dimotivasikan, dimotivasikan pegawai-pegawai ni, kena bagi tahu kepada dia sekarang ni kerajaan baru kerajaan Malaysia baru kerajaan Pakatan Harapan, kerajaan Pakatan Harapan ni kita memberi ruang kepada seluruh rakyat untuk merasai kenikmatan di bawah pembangunan kerajaan Pakatan Harapan ni. Jadi sebab itu saya nak minta pegawai-pegawai yang tidak memberi kerjasama ni kena muhasabah lah, kena muhasabah sebelum kita hantar ke kawasan lain ataupun kita sejuk bekukan mereka ni kerana tidak memberikan bantuan yang sepatutnya kepada kita. Apa pandangan Jeram berkaitan perkara ini?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Jeram dan Yang Berhormat yang lain, bila kita berbahas tentang kakitangan kerajaan saya nak tarik perhatian Yang Berhormat sekalian, Peraturan Tetap 36 (6) yang berbunyi; "dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat mana-mana Ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau mana-mana Pegawai Kerajaan selain kelakuan pada menjalankan urusannya". Bermaksud apabila Yang Berhormat berbahas tentang kakitangan kerajaan kena berhati-hati, jangan *pin point* ataupun *wish hunting* pada mana-mana individu. Ya, Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAHID BIN ROSLI :** Ya, ya setuju sebab tu saya tak *mention* nama dan juga jabatan, saya hanya mengatakan pegawai-pegawai kerajaan di DUN ataupun di daerah Kuala Selangor. Saya sedia maklum benda tu dan terima kasih kerana memberi peringatan Speaker.

Jadi, saya mengharap Setiausaha Kerajaan Negeri dapat membantu YB kawasan di mana jabatan-jabatan yang terlibat tidak mahu memberi kerjasama. Saya ambil satu contoh lagi ya di kawasan Jeram atau pun di Puncak Alam yang melibatkan banjir benda itu telah berlaku lebih 6 tahun sampai sekarang tak diselesaikan. Setelah saya memanggil pegawai yang terlibat datang ke lokasi dan juga beliau mengatakan ok, kita akan buat itu,

buat ini dan sebagainya tetapi saya minta ruang dan masa tetapi sehingga kini belum ada penyelesaian. Masa yang saya minta bukannya seminggu Yang Berhormat semua, masa yang saya minta ialah tempoh 2 bulan atau 3 bulan sepatutnya boleh ada penyelesaian. Ini masalahnya apabila Ketua Jabatan tidak hadir apabila kita panggil, sebab Ketua Jabatan tahu nak buat keputusan dan boleh maklum pada kita yang ini boleh yang itu tak boleh. Hantar wakil, wakil angguk-angguk sahaja. Bila sampai ke Ketua Jabatan tak tau apa yang disampaikan. Jadi ada *break communication* di situ dengan izin. Jadi saya rasa dengan itu dengan belanjawan negeri kita dapatlah dimanfaatkan dengan sebaik mungkin dan peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada jabatan-jabatan ataupun pada sektor-sektor yang terlibat. Sebelum saya akhiri saya tertarik dengan Tuan Timbalan Speaker sebab saya ada masalah dengan Paya Jaras kerana...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat nak pindahkan saya ke? Silakan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAHID BIN ROSLI :** Sebab apa Majlis Daerah Kuala Selangor ada 5 DUN. Hanya terperinci terpencil sebahagian kawasannya pergi ke Paya Jaras. Jadi saya tidak pasti saya dimaklumkan peruntukan MARRIS sebanyak RM3 juta setiap DUN. Jadi yang berhampiran dengan Paya Jaras ialah Jeram, saya tak nak bajet daripada Jeram digunakan untuk Paya Jaras. Jadi saya minta..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya ingat Yang Berhormat Jeram boleh habiskan ucapan cepat sikit ya.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAHID BIN ROSLI :** Sebabnya untuk makluman Yang Berhormat Paya Jaras ni berpotensi besar di mana penduduknya ramai dan saya tahu PDM sana telah dimenangi oleh Timbalan Speaker. Jadi perlu memberikan fokus dan perhatian, jadi saya ingin tahu di pihak Dewan ini adakah peruntukan seperti Majlis Daerah ini penghujungnya ada DUN lain, adakah menggunakan peruntukan yang diberikan kepada DUN Jeram dan saya di dalam Dewan ini juga maklumkan saya tidak benarkan gunakan peruntukan untuk DUN saya kepada DUN yang bersebelahan. Jadi saya di kesempatan ini saya mengucapkan Tahniah kepada Dato' Menteri Besar di atas pembentangan bajet tahun 2019 dan saya menyokong penuh. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Jeram. Saya. Silakan Yang Berhormat Dusun Tua.

**Y.B. TUAN EDNY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker kerana memberikan Dusun Tuan peluang mengambil bahagian membahas ucapan belanjawan Selangor 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana berjaya membentangkan belanjawan yang seimbang pada masa yang sama masih meletakkan kebijakan rakyat sebagai keutamaan. Malah saya berpandangan kepentingan rakyat itu dijaga dengan lebih efisien apabila beberapa penjajaran yang dilakukan memberikan lebih tumpuan kepada segmen masyarakat yang benar-benar memerlukan iaitu golongan B40. Dusun Tua juga ingin merakam penghargaan atas pengumuman pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir Fasa 1 Sungai Langat pada 2019 nanti. Memangnya ini amat-amat didambakan, dinantikan dan diperlukan. Dengan harapan ini dapat meminimumkan bencana banjir di kawasan Hulu

Langat dan sekitarnya. Dan amatlah penting untuk RTB Fasa 1 ini berjalan terlebih dahulu sebelum RTB Fasa 2 boleh menyusul bagi benar-benar menyelesaikan pemasalah banjir ini dalam jangka masa panjang.

Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker dan Dewan, Dusun Tua menyambut baik rancangan klasterisasi ataupun pembangunan gugusan dalam rangka mempertingkatkan kemampuan ekonomi dan sosial negeri. Pemilihan 3 daerah iaitu Gombak, Serdang dan Hulu Langat sebagai gugusan pendidikan tentu sekali terkait sekali dengan kewujudan institusi-institusi pendidikan tinggi ternama seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dan Universiti Putera Malaysia (UPM) di daerah-daerah berkenaan. Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan agar institusi pendidikan yang diberikan tumpuan dalam gugusan pendidikan itu tadi tidak dihadkan hanya pada institusi pendidikan tinggi. Saya menyeru agar institusi tahfiz juga diberi perhatian yang sama dalam pembangunan gugusan pendidikan ini. Daripada 65 buah maahad tahfiz di Selangor yang disenaraikan JAKIM, 23 daripadanya berada di dalam daerah Hulu Langat sendiri. Daripada 17,013 orang pelajar tahfiz seluruh Selangor yang menuntut di maahad yang berdaftar dengan Persatuan Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor atau (PITAS), 5,509 orang datang dari daerah Hulu Langat dan Gombak. Itu memadai untuk memberikan gambaran betapa institusi tahfiz merupakan institusi penting dalam gugusan pendidikan yang disebutkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Maka sewajarnya perhatian diberikan kepada institusi tahfiz ini yang amat memerlukan sokongan dan dukungan dalam beberapa perkara yang saya yakin kerajaan negeri boleh berperanan mempermudah urusan mereka. Atas semangat *yassir walatuassir* iaitu mempermudahkan jangan menyulitkan. Antara bantuan yang boleh dihulurkan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT adalah dengan melaksanakan pemutihan yakni dengan membantu dan memudah cara proses permohonan bagi mendapatkan perakuan penyiapan dan pematuhan atau CCC bagi bangunan-bangunan tahfiz di daerah Hulu Langat dan Gombak. Ini bukan sahaja untuk memastikan pusat-pusat pengajian tahfiz yang ada terjamin aspek keselamatannya tetapi juga memperkuuhkan imej institusi tahfiz agar menjadi sebuah institusi yang teratur dan disegani. Diharapkan juga negeri boleh mempertimbangkan untuk menggunakan sebahagian daripada peruntukan RM87.64 juta itu yang diberikan kepada gugusan pendidikan bagi tujuan mempertingkatkan infrastruktur pusat pengajian tahfiz yang terpilih demi mengembangkan lagi potensi mereka bersesuaian dengan matlamat dan usaha klusterisasi yang dijalankan. Meskipun daerah Hulu Langat telah ditetapkan sebagai gugusan pendidikan dan bukannya eko pelancongan, beberapa kawasan di sekitar Hulu Langat dan Semenyih sudah sedia dikenali sebagai tempat-tempat tumpuan pelancongan. Oleh itu bagi menggembung kedua-dua potensi yang dimiliki oleh kawasan-kawasan ini saya mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk turut mencari kaedah untuk turut mencari kaedah meningkatkan pelancongan pendidikan atau *edu-tourism* di kawasan-kawasan berkenaan. Saya amat yakin tidak kira sama kita menggunakan *model-model* pelancongan pendidikan sedia ada atau mencuba idea-idea baru usaha ini akan menyumbang pada merancakkan ekonomi setempat khususnya dan Selangor amnya selain menaikkan imej Selangor di mata dunia.

Yang Dihormati Tuan Timbalan Speaker atas semangat *solidarity* dan bukannya *charity* saya menyambut baik tumpuan lebih yang ingin diberikan kepada golongan B40 atau B40 melalui Penajaran Inisiatif Peduli Rakyat daripada pemberian kepada pembudayaan. Namun elok juga untuk kita memastikan kita jelas siapakah golongan B40 ini yang

dimaksudkan ini supaya dasar-dasar dan program-program yang dirancang betul-betul memberikan kesan baik kepada golongan sasaran. Mengikut sumber Jabatan Statistik Malaysia golongan B40 di Selangor adalah mereka yang berpendapatan seisi rumah di bawah RM6,001 bukannya di bawah RM4,360 seperti mana pentakrifan B40 seluruh Malaysia. Wujudnya perbezaan ini tentulah mengambil kira perbezaan kos sara hidup di kawasan Lembah Kelang dengan bahagian lain di Malaysia. Dengan itu terdapat keperluan untuk memperincikan juga cara kita mengenal pasti sama ada golongan-golongan yang menerima manfaat IPR betul-betul tergolong dalam kelompok B40 yang menjadi sasaran kita. Justeru terdapat keperluan untuk dinilai kembali kaedah-kaedah yang telah diguna pakai dalam pendaftaran program-program IPR di Selangor. Kita juga harus memikirkan cara yang lebih telus dan berkesan dalam mengenal pasti latar belakang ekonomi pemohon. Dokumen seperti penyata gaji dan penyata KWSP pada pandangan saya tidaklah memadai untuk memberikan maklumat sebenar tentang pendapatan individu atau pendapatan seisi rumah pemohon.

Dusun Tua juga menyambut baik berita penjimatan RM105.2 juta daripada penajaran program air percuma yang akan dikembalikan kepada rakyat melalui program pembangunan dan Program Pensejahtera Rakyat. Saya ingin mencadangkan agar penjimatan ini digunakan untuk melebarkan lagi jumlah penerima Program Kasih Ibu Smart Selangor atau (KISS), selain mendanai program-program pemberdayaan dan buat penerima-penerima KISS. Melalui cara ini penajaran semula program air percuma benar-benar memberi manfaat kepada golongan B40 secara menyeluruh dan sudah tentu saranan ini seiring dengan cadangan agar menilai kembali penerima-penerima KISS sedia ada bagi memastikan penerima itu benar-benar layak atau apakah mereka masih lagi layak. Kerajaan negeri perlu melakukan penilaian semula kepada penerima-penerima sedia ada selain menambah baik prosedur pendaftaran seperti yang telah saya sebutkan untuk memastikan dengan tepat pendapatan isi rumah pemohon sekali gus memastikan program-program negeri sampai pada golongan sasaran.

Ahli Dewan dan Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya percaya yang meletakkan Selangor lebih ke hadapan berbanding negeri-negeri lain adalah kesedaran untuk tidak mengesampingkan agenda pencerahan dalam usaha membangunkan negeri. Syabas diucapkan kepada kerajaan negeri Selangor kerana telah menterjemah sebanyak 22 buah buku penting dari pelbagai bahasa ke bahasa Melayu, manakala 15 buah buku pula telah berjaya diaudiokan. Akan tetapi amatlah malang sekali sekiranya hasil-hasil karya yang baik ini tidak sepenuhnya dapat diakses oleh masyarakat Selangor. Harus diwujudkan program-program bagi mempromosikan produk-produk pencerahan yang dihasilkan oleh kerajaan negeri. Buku-buku yang telah diterjemahkan, buku-buku audio hendaklah diletakkan di perpustakaan-perpustakaan daerah dan sekolah-sekolah di sekitar Selangor diiringi dengan program dan aktiviti yang bersesuaian dengan karya-karya berkenaan. Dengan itu karya-karya tadi tidaklah nanti menjadi sebagai objek mati. Sebaliknya dihidupkan dan dibumikan di peringkat akar umbi masyarakat sekali gus manfaat itu benar-benar sampai kepada rakyat Selangor. Ahli Dewan yang dihormati dan Tuan Timbalan Speaker antara yang menarik perhatian ramai dalam pembentangan belanjawan Selangor kali ini adalah pengumuman pembinaan Rumah Idaman Rakyat Selangor yang mensasarkan pembinaan sebanyak 30,000 dalam tempoh masa 5 tahun ini. Rumah-rumah ini akan dibina di atas tanah milik MBI. Oleh itu saya tertarik untuk tahu setakat ini, berapakah jumlah tanah yang dimiliki oleh MBI dan berapa pula modal yang perlu MBI keluarkan untuk melaksanakan projek ini. Bagi membantu idea bernes-

Rumah Idaman Rakyat Selangor saya mencadangkan diwujudkan satu tabung perumahan. Kita telah banyak mendengar keluhan para pemaju yang terlibat dalam rumah Selangorku. Apabila mereka terpaksa membina kuota rumah mampu milik bagi projek-projek perumahan yang mereka bangunkan. Rintihan-rintihan, keluhan-keluhan itu bukanlah langsung tidak berasas. Oleh itu satu jalan keluar yang boleh ditawarkan kepada pemaju adalah pemaju boleh dengan tidak membina kuota perumahan mampu milik akan tetapi sebagai gantinya membuat bayaran dengan kadar tertentu kepada Kerajaan Negeri. Bayaran itu kemudian dimasukkan ke Tabung Perumahan dan digunakan untuk membina lebih banyak rumah-rumah mampu milik di bawah projek Rumah Idaman Rakyat Selangor. Pemaju secara tidak langsung telah melaksanakan tanggungjawab sosial mereka tanpa menimbulkan kesulitan kepada mereka dalam membangunkan perumahan mengikut kesesuaian perancangan mereka. Perkara akhir yang saya ingin sentuh dalam perbahasan saya adalah berkenaan dengan usaha Kerajaan Negeri dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 atau IR 4.0 dan apabila kita berbicara tentang IR 4.0 ini, kita tidak dapat lari daripada membincangkan tentang automasi *Internet Of Things, Cloud Computing* dengan izin dan lain-lain lagi. Di serata pelosok dunia pelbagai wacana sedang berlangsung dalam mempersiapkan negara atau negeri mereka untuk menghadapi revolusi industri ini. Menurut laporan *world economic forum* dianggarkan 65% kanak-kanak yang menduduki pendidikan rendah sekarang di masa akan datang bakal melakukan kerja yang masih belum lagi tercipta pada masa ini. Namun tidaklah masa depan itu samar-samar dan mendung. *National IOT Strategy Road Map* menyatakan potensi ekonomi IOT untuk Malaysia adalah penciptaan Pendapatan Negara Kasar atau GNI sebanyak 9.5 bilion menjelang Tahun 2020 dan menjangkakan pertumbuhan eksponen melangkaui Tahun 2020 yang bakal mencecah 42.5 bilion ringgit. Selangor sebagai negeri yang menjadi peneraju dalam banyak perkara seharusnya memainkan peranan pelopor dalam persiapan menghadapi Revolusi Industri 4.0. Hanya pemahaman yang baik tentang bagaimana segalanya berfungsi dan bahasa-bahasa yang digunakan oleh teknologi-teknologi mendatang barulah kita dapat melahirkan masyarakat yang mampu menghadapi gelombang RI 4.0. Malah jika dilakukan dengan baik kita mungkin akan melahirkan lebih ramai lagi arkitek bagi dunia *IOT, big data* dan lain-lain. Justeru saya ingin mencadangkan agar Selangor merintis jalan ke arah pendidikan *coding* di peringkat akar umbi pada usia seawal mungkin. Melentur buluh biar dari rebungnya, belajar *coding* biar pada usia mudanya. Negeri boleh mewujudkan satu pusat khusus untuk mendedahkan kanak-kanak kepada ilmu *coding* dan pemprograman. Pusat-pusat ini boleh sahaja menggunakan aset-aset sedia ada seperti Perpustakaan Negeri, Perpustakaan Daerah atau Dewan-Dewan Komuniti. Bermula dengan pendidikan *coding* yang mudah-mudah buat kanak-kanak di Selangor ia mungkin berpotensi untuk berkembang menjadi hub Komuniti Revolusi Industri 4.0 yang bakal menggerakkan projek-projek kemasyarakatan menggunakan IOT dan perkongsian data. Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya sudahi perbahasan saya dengan dua rangkap pantun.

“ Lepas paya berbukit-bukit,  
Nampak buah pohon cemperai,  
Hendak kaya berdikit-dikit,  
Hendak tuah bertabur urai. “

“ Panji berkibar menunjuk jejak,  
Tersemat tombak lambang berdaya,  
Layarnya lebar nakhoda bijak,  
Membelah ombak tiada bahaya. ”

Yang Berhormat Speaker, saya mohon menyokong Belanjawan 2019. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Dusun Tua, jujurnya saya tak faham apa yang pantun itu. Saya nak dengar dari Yang Berhormat Permatang. Silakan.

**Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN :** *Bismillahir Rohmanir Rohim.* Terima kasih saya ucapan kepada Tuan Timbalan Speaker. Tuan Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan Kakitangan Kerajaan serta pada pemerhati yang saya muliakan. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Salam Reformasi dan Salam Malaysia Baru.

Nasi Ambeng enak rasanya,  
Makan bersila di warung Wak Miskan,  
Salam sejahtera pembuka bicara,  
Belanjawan Negeri Selangor 2019 Permatang bahaskan.

Di dalam dewan yang mulia ini, Permatang ingin turut serta dalam membahaskan Belanjawan Negeri Selangor 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Sungai Tua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor bertarikh 23hb November 2018 pada Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor yang Ke-14 ini. Analisa peruntukan menangani kemiskinan Belanjawan Persekutuan. Peruntukan untuk menangani kemiskinan rakyat dan keperluan rakyat miskin luar bandar khasnya, pekebun kecil, penoreh getah, penanam padi dan para nelayan. Sehubungan ini perlu dilihat semula beberapa langkah kerajaan yang dicadangkan di dalam Belanjawan 2019 yang melibatkan perkara-perkara berikut :-

1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, subsidi baja padi yang sebelum ini peruntukan RM465 juta kini dipotong kepada RM232.5 juta iaitu pemotongan setinggi 50%.
2. Insentif pengeluaran padi yang dahulunya diperuntukkan RM563 juta kini dipotong kepada RM281.5 juta iaitu pemotongan setinggi 50% juga.
3. Insentif bersasar nelayan yang dahulunya diperuntukkan RM262 juta kini dipotong kepada RM98.5 juta iaitu pemotongan sebanyak RM163.5 juta ataupun 62.4%.
4. Subsidi baja padi bukit atau huma yang dahulunya diperuntukkan RM10.7 juta kini tidak diberikan sebarang peruntukan.

5. Elaun sara hidup nelayan darat yang dahulunya diperuntukkan sebanyak RM12.5 juta kini dipotong kepada RM3.5 juta iaitu pemotongan sebanyak RM9 juta atau 72%.

Analisa Belanjawan Selangor 2019 dalam bidang Pertanian. Tuan Timbalan Speaker, Sektor Pertanian hanya diperuntukkan RM21.44 juta daripada keseluruhan perbelanjaan berjumlah 2,560,000,000. Sebutir beras ibarat setitik peluh petani. Kita mesti menghargai golongan para petani, pesawah dan pekebun kecil. Mereka ini hidup di dalam keadaan cukup miskin. Sekiranya mereka hanya bergantung kepada hasil pendapatan semata-mata. Hasil daripada kebun mereka, purata pendapatan mereka adalah di bawah RM1,000.00. Tanpa basah peluh mereka nescaya kita semua akan kebuluran. Selepas perut kita kenyang, kita terus lupakan usaha jerih mereka. Kita hanya mengingati golongan petani, pesawah, pekebun kecil dan nelayan bila harga ikan tiba-tiba naik mendadak dan jualan beras dicatu. Tetapi di waktu kita mengagihkan kenaikan gaji pengumuman bonus peruntukan dividen dan komisen mereka langsung tidak menikmati apa-apa imbuhan. Semut dengan Nabi Sulaiman , Tuan Timbalan Speaker saya nukilkan kisah semut dan Nabi Sulaiman. Kisah ini merupakan dari ayat Al-Quran , Surah An-Nam ayat 18, yang ertinya;

*Hingga apabila mereka sampai di lembah semut, berkatalah seekor semut. "Semut-semut masuklah ke dalam sarang-sarangmu agar kamu tidak diinjak oleh Sulaiman dan tenteranya sedangkan mereka tidak menyedari. Nabi Sulaiman tersenyum mendengar suara semut yang ketakutan itu. Ketika kaum semut sedang sibuk menyelamatkan diri, Nabi Sulaiman menyuruh kepada rombongannya untuk bersyukur kepada Allah SWT. Sungguh anugerah Allah, meskipun diberi kekuatan hebat pun, Nabi Sulaiman ini tidak pernah sompong dan sentiasa berasa bersyukur. Setelah beberapa saat berhenti Nabi Sulaiman dan rombongannya kembali meneruskan perjalanan. Ketika melintasi sarang semut itu Nabi Sulaiman dan rombongannya mendapat pujian dari Raja Semut. Kaum semut bersyukur kerana sarangnya tidak rosak oleh rombongan Nabi Sulaiman.*

Kisah semut ini cukup penting dan cukup dekat dengan kita sebagai pemimpin. Bagaimana Kerajaan Nabi Allah Sulaiman yang mempunyai kekayaan serta kekuasaan yang cukup besar dan hebat tetapi masih mampu menjadi kerajaan dan pemimpin yang mendengar dan sensitif kepada masalah rakyat. Kalau pemimpin sehebat Nabi Sulaiman pun masih sanggup mendengar rintihan rakyat sekecil semut maka sewajarnya kita mesti mendengari dan prihatin dengan masalah rakyat.

Reformasi, Tuan Speaker, kebobrokan serta kerosakan ekonomi kini adalah kerana rompakan harta rakyat serta amalan rasuah yang tidak boleh dibendung. Kini sampai masanya kita memacu ke hadapan. Amalan ketirisan dan kecurangan wang tidak boleh berlaku seperti Kerajaan Barisan Nasional terdahulu. Ianya harus dipantau agar dana harus sampai kepada golongan sasar atau rakyat terbanyak. Semangat baru reformasi yang baharu mesti difahami. Amalan pembaziran, timbunan kekayaan, gaya hidup kemewahan melampau tidak boleh berlaku. Justeru itu saya menyeru Kerajaan dan para pemimpin di semua peringkat harus melakukan anjakan besar dalam dasar dan cara hidup kita. Saya menerima banyak aduan serta rungutan daripada usahawan-usahawan baru yang tidak boleh menembusi tender-tender serta sebut harga pembersihan kawasan, kutipan sampah, selenggaraan jalan, perparitan dan lain-lain. Mereka menyatakan

proses tender itu hanya seolah-olah satu *games* dengan izin sedangkan siapa yang bakal memenangi tender dan sebut harga tersebut telah pun diketahui.

Pembedayaan generasi muda, Permatang ingin menyentuh perkara berkenaan peruntukan sebanyak RM4.96 juta bagi tujuan pemerkasaan generasi muda dan PeBT. Permatang sangat menghargai peningkatan peruntukan ini namun begitu anak-anak muda di luar bandar yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan memerlukan pemerhatian khusus. Persoalan yang sering diajukan oleh anak muda di luar bandar adalah bagaimana mereka hendak membeli kediaman sendiri untuk membeli sesuatu aset kerana mereka tidak mempunyai kelayakan kewangan, ini adalah kerana kebanyakan mereka hanyalah bekerja mengambil upah atau bekerja sendiri. Generasi muda luar bandar mesti diperkasakan dengan memberi lebih banyak peluang mencari pendapatan. Lebih-lebih lagi anak muda di dalam Kawasan DUN Permatang.

Tuan Timbalan Speaker, izinkan saya berbiara sedikit berkenaan kesihatan. Sebagai Kerajaan Yang Peduli Rakyat kita mesti peduli kepada semua lapisan masyarakat bermula daripada bayi hingga warga emas, bagi yang sihat juga yang sakit. Permatang amat mengharapkan perhatian kepada Kerajaan Negeri bagi memastikan pembinaan Hospital Tanjung Karang diteruskan sebagai mana akan siap dibina pada tahun 2020. Bas Smart Selangor . Duduk di DUN Permatang yang tinggal di Kampung Bukit Belimbing, Kampung Bestari Jaya, Ladang Riverside dan Ladang Tanamaram sering merungut kerana sering tidak dapat menaiki Bas Smart Selangor. Di sini saya ingin memohon agar Kerajaan Negeri sama ada menambahkan bilangan bas atau pun menambahkan laluan Bas Smart Selangor ini. Saya juga menerima rungutan dari rakyat biasa dan pelajar-pelajar Unisel Bestari Jaya yang memerlukan khidmat Bas Smart Selangor. Gugusan Pertanian dan Industri Asas Tani Tanjung Karang ke Sungai Air Tawar. Tuan Timbalan Speaker, Permatang juga merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang meletakkan Tanjung Karang di dalam gugusan Pertanian Dan Industri Asas Tani. Di dewan yang mulia ini saya memohon untuk meneruskan kembali Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan PKPM di Taman Agro Teknologi Bestari Jaya dan kawasan pertanian di Kampung Seri Makmur Jalan Raja Musa yang melibatkan kawasan seluas 1,200 hektar. Program ini telah ditamatkan oleh Kerajaan Selangor pada Tahun 2010 . Projek ini pernah mengeluarkan hasil pertanian berskala besar serta menggunakan teknologi moden dan secara komersial iaitu sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan keli. Gugusan Eco Pelancongan Kuala Selangor, Taman Negeri dan Persisiran Pantai Morib sehingga ke Sungai Pelek. Tuan Timbalan Speaker, Permatang memohon kepada Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar untuk menjadikan kawasan Permatang dan juga Sekinchan kawasan Tuan Speaker dalam Gugusan Eco Pelancongan. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membayangkan betapa indahnya diawal pagi berada di sawah sempadan dengan seluas mata memandang sawah padi yang terbentang, kemudian singgah sebentar di kilang padi Bernas Seri Tiram Jaya, mengail ikan di Sungai Ban Kenal, menyelusuri kebun-kebun kelapa sawit di Seri Tiram Jaya dan Raja Musa, berkayak di tasik Kampung Unisel Bestari Jaya, melihat keindahan Hutan Simpan Gambut Raja Musa dan akhirnya bermalam di *Homestay* Kampung Sungai Gulang-gulang dan Kampung Parit Serong. Diawal pagi boleh terus ke Jeti Sky Miror di Kuala Selangor. Saya amat mengharapkan agar Kerajaan Negeri dapat menjadikan Permatang dan Tanjung Karang sebagai kawasan Eco Pelancongan yang akan membantu penduduk setempat menambahkan pendapatan hasil jualan perniagaan dan peluang pekerjaan.

Program keusahawanan, Tuan Timbalan Speaker dalam Belanjawan Persekutuan fokus ketiga dalam memupuk budaya negara Keusahawanan. Selaras dengan hadis Riwayat Tarmizi yang maksudnya peniaga-peniaga yang jujur dan amanah akan di tempatkan berserta para nabi, sidiqin dan syuhadah. Cukup besar keistimewaan usahawan pastinya Baginda Nabi Muhammad S.A.W melihat peranan yang cukup besar dan hebat oleh usahawan. Fokus untuk menjadi negara keusahawanan begitu tepat. Bagi menyelesaikan keseluruhan isu masyarakat berkaitan pekerjaan dan pengangguran. Seorang usahawan kecil paling minima akan mempunyai seorang pembantu. Maksudnya usahawan akan mencipta peluang perniagaan sebab itu ungkapan 9 daripada 10 punca rezeki datangnya daripada perniagaan. Ini cukup popular. Ia bergantung tepat sekali kepada punca ekonomi individu atau banyak bergantung harap kepada dengan perniagaan yang dijalankan. Peluang dan ruang yang lebih terbuka dengan panduan daripada pelbagai agensi yang sedia ada juga boleh menubuhkan agensi baru untuk pembangunan khusus bagi usahawan. Kita tidak mahu lagi mendengar para usahawan terpaksa bertarung dengan kelompok elit, usahawan yang ada kaitan dengan Pemimpin Negara dan Negeri. Pendidikan, Tuan Timbalan Speaker, menurut riwayat sahabat Nabi iaitu Saidatina Ali bin Abi Talib, ilmu adalah warisan para nabi sedangkan harta adalah warisan daripada qorun, syadat, firaun dan sebagainya. Ilmu boleh menjaga mu sedangkan harta kamulah yang perlu menjaganya. Orang yang mempunyai harta ia memiliki banyak musuh sedangkan orang yang berilmu ia memiliki banyak teman. Alhamdulillah selama 10 tahun Kerajaan Pakatan Rakyat dan kini Pakatan Harapan memerintah Selangor komitmen kepada bidang pendidikan adalah jelas nyata dan tidak boleh dipertikaikan. Walaupun pendidikan merupakan tanggungjawab utama Kerajaan Persekutuan namun sebagai sebuah Kerajaan Reformasi kesungguhan dalam membangunkan bidang pendidikan mesti diteruskan malah perlu di perhebatkan lagi bagi menjadikan setiap ringgit yang di peruntukan bernilai dan tidak dibazirkan adalah sangat penting. Kerajaan Negeri wajib meneliti dan membuat audit bagi setiap agihan perbelanjaan. Agihan perbelanjaan mestilah bersesuaian dengan bilangan pelajar yang ada. Banyak sekolah yang bilangan muridnya ramai tetapi peruntukan yang kecil diterimanya. Ada sekolah bilangan muridnya kecil tetapi setiap tahun mendapat peruntukan yang besar. Maka timbul la cerita keronnya ada sekolah yang setiap tahun permohonan projeknya adalah membina tandas. Saya mencadangkan perlu ada penyelarasan serta penyeragaman antara peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri kerana telah ada desas desus mengatakan satu projek dituntut oleh dua agensi yang berbeza. Kerajaan Negeri mesti tegas bagi mengelakkan kecurangan kewangan ini berlaku. Universiti Selangor UNISEL dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa KUIS merupakan dua IPT di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Jika dahulu ada kedengaran bahawa Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh untuk menjadikan UNISEL sebagai IPT terbaik dan contoh di Malaysia dan rantau ini akan tetapi apa yang saya lihat selepas kemenangan Pakatan Harapan di peringkat Persekutuan tidak nampak komitmen yang serius dari Kerajaan Negeri ke arah menjadikan UNISEL dan KUIS ini menjadi IPT yang terbaik. Jika diamati dalam teks Belanjawan kali ini terpadam terus nama UNISEL dan KUIS daripada perhatian Kerajaan Negeri. Penubuhan Majlis Tindakan OKU Selangor. Penubuhan Majlis Tindakan OKU Selangor dengan peruntukan sebanyak RM270,000.00 ini mencerminkan sikap kepedulian rakyat yang sebenar membicarakan mengenai OKU adalah sesuatu yang sangat rapat di hati saya kerana pada saya OKU adalah golongan yang sangat istimewa. Saya amat mengharapkan melalui Pertubuhan Majlis Tindakan OKU Selangor ini golongan OKU akan terus akan diperkasakan. Kerajaan Negeri juga perlu memastikan hak dan peluang sama rata di

nikmati golongan OKU dalam mendapatkan akses kepada pekerjaan dan kekal dalam pasaran kerja. Ini kerana golongan OKU dan keluarga mengalami situasi ekonomi lebih sukar berbanding dengan orang tanpa kecacatan. Golongan ini menghadapi cabaran dalam menjalani kehidupan sehari-hari komitmen kewangan lebih tinggi akibat perbelanjaan tambahan dari segi perubatan, rawatan dan terapi dan serta peralatan sokongan. Tuan Timbalan Speaker, tahun 2019 nanti akan menjadi satu tahun mencabar untuk kita semua memandangkan keadaan ekonomi negara dan dunia yang tidak menentu. Semoga Belanjawan Negeri Selangor 2019 ini akan membawa manfaat untuk keseluruhan rakyat di Negeri Selangor dan membolehkan Negeri Selangor terus maju ke hadapan dengan lebih cemerlang. Saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Kakitangan Kerajaan, Agensi Kerajaan dan anak-anak syarikat Negeri yang telah memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat di Negeri Selangor. Saya ingin tegaskan bahawa wang yang dibelanjakan ini adalah wang rakyat, setiap ringgit dan sen yang dibelanjakan mesti sampai kepada rakyat. Marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah S.W.T agar Negeri Selangor ini menjadi sebagai negeri (bahasa Arab) yakni sebuah negeri yang baik, aman dan Allah S.W.T memberi pengampunan kepada penduduknya. Saya juga memohon kepada Allah S.W.T agar kita semua diberi petunjuk dan hidayah, kekuatan dan kesetiaan untuk melaksanakan keadilan kepada semua. Pergi belayar membawa pelampung sambil sama labuhkan pukat bulat air kerana pembentung bulat manusia kerana muafakat. Tuan Timbalan Speaker, saya mengakhiri ucapan ini dengan menyokong Belanjawan Negeri Selangor 2019 yang bertemakan Rancakkan Ekonomi Memberdayakan Rakyat dan Mensejahterakan Negeri. Sekian, terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER :** Terima Kasih, Silakan Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker atas memberi peluang untuk membahaskan Belanjawan Negeri Selangor untuk Tahun 2019. Terlebih dahulu saya ingin mengucap tahniah atas Belanjawan Negeri yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor pada 23 November 2018 yang bertajuk Rancakkan Ekonomi Memberdayakan Rakyat dan Mensejahterakan Negeri. Walaupun jumlah Belanjawan kali ini telah menyusut sebanyak RM562 juta berbanding dengan tahun lepas atas faktor ekonomi global. Belanjawan ini masih meneruskan semangat dan prinsip yang sebelum ini iaitu meliputi secara menyeluruh dan kali ini lebih memberi tumpuan kepada golongan yang memerlukan terutamanya golongan B40. Untuk memastikan tiada ada rakyat yang dibelakangkan *no one be left behind* jangkaan ekonomi dunia akan merosot pada tahun depan menyebabkan anggaran kutipan hasil tahun hadapan akan berkurang. Mengikut pengalaman yang lepas kalau berlaku pengurangan Belanjawan Perbelanjaan untuk pembangunan sentiasa menjadi sasar untuk pemotongan tetapi kali ini di Selangor dengan sistem pentadbiran yang terus Belanjawan dapat penjimatan dengan pengurusan, perbelanjaan pengurusan dan sebanyak RM180 juta supaya meneruskan belanjawan dan mempunyai perbelanjaan pengurusan dan pembangunan yang seimbang. Perbelanjaan ini merupakan belanjawan ke 10 selepas penukaran Parti Pentadbiran Kerajaan pada tahun 2008. Sepanjang 10 tahun ini Kerajaan Pakatan harapan telah menunjukkan keupayaan untuk mentadbir sebuah negeri yang telah menjadi satu bukti kepada rakyat Malaysia bahawa Pakatan mampu memberi janji dan juga melaksanakan janji. Maka saya percaya pencapaian di Negeri Selangor merupakan salah satu faktor yang menyumbangkan untuk kewujudan hari Malaysia baru pada 19 Mei tahun ini. Dalam 10 tahun dengan pentadbiran yang bersih dan telus Kerajaan telah mengumpulkan satu

jumlah rizab yang besar. Walaupun kini pengurangan rizab sebanyak RM500 juta berbanding dengan angka akhir tahun 2017 tetapi kedudukan rizab masih kukuh dengan mempunyai rizab sebanyak 2.34 bilion ringgit Malaysia dan jumlah angka rizab ini merupakan sama dengan belanjawan tahun ini. Ahli-ahli Dewan yang dihormati, tahun ini juga merupakan tahun yang ke 10 rakyat Malaysia, Rakyat Selangor menikmati air percuma sejak 1 Jun pada tahun 2008. Permulaan program ini diterima dengan pelbagai kritikan atas kelemahan-kelemahan publisiti program disebabkan ramai rakyat Selangor tidak mengetahui bahawa air percuma telah diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor selepas 10 tahun saya percaya ramai telah mengetahui program tersebut disebabkan terdapat banyak permintaan air percuma. Air Percuma daripada rakyat setelah mengumumkan Yang Amat Berhormat mengatakan air percuma ini diberi kepada golongan B40. Saya amat harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat mempertimbangkan cadangan supaya golongan yang berlayak untuk menikmati air percuma ini boleh diperluaskan dari golongan B40 kepada golongan M40 sekali. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, saya menyambut baik atas penglibatan MBI atas projek pembangunan rumah mampu milik yang meletakkan sasaran sebanyak 30,000 buah rumah yang bakal dibina pada 5 tahun yang akan datang yang boleh manfaatkan B40 dan M40. Walau bagaimanapun saya juga ingin menarik perhatian ahli-ahli Dewan bahawa rumah mampu milik terdiri daripada 4 jenis iaitu jenis A harganya kurang daripada RM100,00, jenis B harganya RM100,00 hingga RM150,00, jenis C RM150,00 hingga RM200,00, Jenis D harganya RM200,00 hingga RM250,000. Manakala B40 hanya layak untuk memohon rumah mampu milik yang berjenis A atas sebab pendapatan isi rumah yang rendah dan mampu milik jenis B, C dan D adalah untuk golongan M40. Pembinaan rumah mampu milik yang berjenis A masih kurang atas sebab kos pembinaan yang tinggi sekarang dan jalan harga yang murah oleh itu saya berharap dengan bantuan daripada Kerajaan Negeri Selangor boleh memberi tumpuan untuk menambahkan pembinaan rumah yang berjenis A untuk Golongan B40 yang mereka mampu untuk mendapatkan pinjaman daripada Bank. Selain daripada skim sewaan beli yang bakal bekerjasama dengan Maybank, Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan atas kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan atas Program Home Financing yang bernama *Fund My Home* yang baru dilancarkan pada Belanjawan Malaysia 2019 dan kini telah dilaksanakan secara berluas-luasan. Skim tersebut telah mendapat respons yang amat baik dari rakyat kerana skim ini mendapat menguntungkan semua pihak termasuk pihak yang ingin membeli dan melabur. Faktor kesihatan yang baik mampu memberi impak yang positif kepada masyarakat dalam menjalankan kerja-kerja harian sekali gus dapat membantu meningkatkan produktiviti untuk negeri ataupun negara. Untuk memupuk kakitangan supaya mengamalkan kehidupan yang sihat kini terdapat banyak syarikat, pihak swasta bermula memberi insentif sukan dan kesihatan kepada pekerja. Saya ingin mencadangkan supaya Kad Peduli Sihat bukan sahaja terhad kepada subsidi kepada rawatan di klinik sahaja Kerajaan Negeri Selangor boleh menambah fungsi dengan kerja sama CSR bersama Korporat Besar supaya memberi diskauin insentif atau *reward* kepada pelbagai produk kesihatan dan sukan untuk memupuk kehidupan yang sihat. Kalau rakyat mengamalkan kehidupan yang sihat ia bermakna kegunaan untuk rawatan klinik akan berkurang dan kos kerajaan membiayai kad peduli sihat akan berkurang juga. Sejak kerajaan negeri Selangor melancarkan Bas Smart Selangor yang memberi perkhidmatan bas secara percuma kepada penduduk dan rakyat negeri Selangor yang telah memupukkan dan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam. Di sini saya ingin mengucap tahniah atas kejayaan pelaksanaan tersebut. Tetapi di sini kawasan negeri Selangor mempunyai penduduk yang padat. Pembinaan LRT3 dan MRT di Selangor tidak mencukupi untuk menyelesaikan kesesakan

lalu lintas disebabkan perancangan jajaran bas yang lemah menyebabkan percantuman kedua-dua perkhidmatan itu tidak wujud. Permintaan atas perkhidmatan pengangkutan awam bas telah bertambah. Saya ingin mencadangkan supaya Bas Smart Selangor boleh mempertimbangkan jajaran komuniti yang meliputi kawasan perkampungan dan taman supaya tempat-tempat yang kekurangan perkhidmatan pengangkutan awam boleh dapat perkhidmatan tersebut dengan usaha daripada kerajaan negeri Selangor. Terdapat juga cadangan seperti menggunakan Hong Kong Bas Mini sebagai penggantian mengurangkan kos penyelenggaraan dan juga menyenangkan perkhidmatan dapat dilaksanakan dalam kawasan hanya mempunyai keluasan jalan taman atau kampung yang sempit. Di rawang terdapat ramai penduduk yang meminta perkhidmatan Bas Smart Selangor atas sebab perkhidmatan bas awam yang berbayar tidak dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan manakala Bas Smart Selangor yang percuma memberi perkhidmatan yang jauh yang lebih baik. Tuan Speaker di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor melibatkan DUN Rawang dalam strategi gugusan yang mengikuti **klusterisasi**. Saya ada dua pertanyaan atas strategi tersebut. Yang pertama apakah cara pelaksanaan atas setiap gugusan ini dan kedua apakah gugusan industri terpilih dan industri perkhidmatan yang dimaksudkan di sebabkan gugusan ini melibatkan DUN Rawang. Saya menyambut baik atas idea pelaksanaan strategi sepuluh gugusan ini yang telah agih kawasan dengan kepelbezaan infrastruktur dan kelebihan geografi. Bagi melaksanakan dan memastikan strategi tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar dan berjaya. Ganjaran dan subsidi untuk memupuk sektor *rehab* perindustrian dan perniagaan melabur mengikut gugusan yang telah ditetapkan oleh kerajaan sebagai contoh memberi pengurangan cukai-cukai yang tertentu. Sebagai sebuah negeri yang mempunyai pembangunan ekonomi yang maju dan pesat kerajaan negeri Selangor patut memastikan pembinaan infrastruktur juga mengambil langkah yang sama. Beberapa bulan ini terdapat ramai Ahli-Ahli Dewan termasuk saya membangkit isu banjir di kawasan masing-masing. Saya ingin merakamkan syukur dan keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar turun ke padang untuk meneliti isu banjir di Rawang pada bulan Oktober yang lalu atas dan berlaku isu banjir itu atas sebab **Mesin Link** yang kini masih menunggu kelulusan peruntukan untuk menaikkan taraf jalan tersebut. Pada bulan Mei satu minggu selepas Pilihan Raya berlaku tiga kali banjir dalam satu minggu yang di tempat yang sama. Hampir setiap kali hujan lebat Rawang lah yang menjadi tumpuan media setiap kali hujan maka media akan menelefon saya bertanya adakah Rawang berlaku banjir. Saya percaya kawasan ini yang menjadi banjir *hotspot* merupakan kawasan yang kini mempunyai pembangunan pesat dan laju. Faktor masalah banjir berlaku adalah disebabkan pembinaan infrastruktur sentiasa dilakukan selepas pembangunan dan kesilapan ini telah menunjukkan kegagalan perancangan bandar. Walau bagaimanapun sebagai kesimpulan belanjawan Selangor kali ini walaupun menghadapi penyusutan tetapi belanjawan ini terus memastikan rakyat di peduli dan kali ini dengan memperdayakan rakyat dengan memberi sokongan kehidupan seperti kursus kerjaya dan insentif dengan mengikut prestasi supaya masa depan boleh berdikari dan bermotivasi walaupun tanpa penggantungan bantuan daripada kerajaan. Saya percaya memberi pancing lebih baik dari memberi ikannya. Di sini Yang Berhormat Speaker saya memohon menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Bandar Utama.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BT JAMALUDDIN** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Assalamualaikum dan selamat petang. Sebelum saya memulakan perbahasan saya di sini saya ingin merakamkan perasaan sedih dan simpati kepada ahli bomba yang telah dianiaya akibat insiden kuil di USJ25 Subang Jaya baru-baru ini. Saya sebenarnya tidak ingin komen lebih terhadap isu ini kerana saya ADUN kawasan namun sebentar tadi saya telah melawat ahli bomba tersebut bersama dengan beberapa rakan adun saya termasuklah Teratai, Balakong dan YAB Menteri Besar juga berada di situ. Dan keadaan di situ sungguh menyedihkan begitu hiba, jadi di sini saya ingin mengkritik sekeras-kerasnya tindakan kumpulan itu yang telah mencederakan ahli bomba kita yang pada masa itu cuba sedaya upaya untuk mengamanahkan tanggungjawab beliau. Jadi di sini saya ingin menyampaikan mesej kepada kumpulan tersebut kerana sehingga kini masih tidak lagi dikenal pasti. Namun saya ingin menyampaikan mesej ahli bomba itu namanya adik Mohd Kassim. Beliau hanya berumur 24 tahun dan sebenarnya sebulan lagi dalam bulan Disember beliau akan menjalankan majlis perkahwinan beliau. Dan beliau sepatutnya mempunyai satu masa hadapan yang begitu cerah. Tetapi oleh kerana kumpulan yang tidak bertanggungjawab ini jadi saya rasakan Bandar Utama terasa sangat marah dengan insiden ini dan saya percaya bukan sahaja Bandar Utama saya rasa seluruh warga Selangor dan juga seluruh rakyat Malaysia tidak kira bangsa Cina, bangsa India, bangsa Melayu atau bangsa-bangsa lain kita semua rasa marah dengan tindakan kumpulan itu dan saya berharap tindakan keras dan tegas akan diambil kepada mereka yang telah melakukan perkara yang sebegini. Jadi di sini saya ingin melahirkan sekali lagi melahirkan penghargaan saya terhadap ahli bomba tersebut dan juga kesemua ahli beruniform yang telah berkhidmat untuk negara kita. Dan saya harap selepas ini kita semua akan menyampaikan mesej yang menggalakkan kepada ahli keluarganya dan berdoa untuk ahli bomba tersebut. Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana izinkan Bandar Utama untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul belanjawan Selangor tahun 2019. Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan Negeri kerana membentangkan belanjawan 2019 kali ini dengan tema yang cukup bagus iaitu merancakkan ekonomi memperdayakan rakyat dan mensejahterakan negeri. Bandar Utama amat menyokong langkah kerajaan negeri ke arah memperdayakan rakyat dan perbelanjaan berhemah. Bandar Utama percaya dengan konsep bantuan yang seharusnya dihulurkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan seperti golongan B40 kami dapat melihat kepekaan kerajaan negeri terhadap warganya apabila dalam keadaan kita masih hendak memulihkan ekonomi ini kerajaan negeri masih mahu meneruskan program-program kebajikan yang diberikan kepada rakyat. Oleh itu, Bandar Utama bersetuju apabila program-program populat inisiatif peduli rakyat tetap di teruskan dan Bandar Utama memahami apabila ia dikonsentrasi kepada golongan yang berpendapatan rendah 40 iaitu golongan B40. Namun Bandar Utama agak prihatin dengan apakan kaedah penyaringan yang akan diambil oleh kerajaan negeri. Bandar Utama ingin

mengetahui bagaimana kerajaan negeri boleh melaksanakan kaedah penyaringan yang efektif bagi membezakan golongan B40, M40, T20 supaya tiada ketirisan yang akan berlaku di mana golongan yang benar-benar tergolong dalam kumpulan B40 tidak menerima bantuan manakala mereka daripada kumpulan lain seperti T20 terlepas daripada pandangan. Jadi perkara ini mustahak supaya objektif pengubahan polisi pelaksanaan terhadap air percuma ini tercapai. Oleh itu Bandar Utama berharap dalam apa-apa jenis proses penyaringan tidak kiralah penawaran air percuma ataupun program yang lain kerajaan negeri wajib mengeluarkan prosedur penyaringan yang benar dan berkesan. Di sini saya juga ingin menyentuh sedikit tentang isu migrasi meter pukal ke meter individu. Saya menggesa kerajaan negeri untuk memandang serius perkara ini kerana sebenarnya banyak penduduk-penduduk daripada golongan B40 yang terkesan apabila mereka tinggal di pangsapuri kos rendah dan apabila mereka tidak menukar meter pukal kepada meter individu. Jadi akhirnya walaupun mereka membayar bil air namun hak mereka tidak terjamin dan mereka terpaksa menanggung bersama apabila ada di kalangan jiran mereka yang tidak membayar bil air. Kes ini pernah berlaku di bawah kawasan Bandar Utama, baru-bau beberapa bulan ini di Pangsapuri Damai dan pihak JMB tidak dapat menghentikan penduduk-penduduk yang tidak ingin membayar bil air kerana mereka tidak dapat memotong air mereka kerana mereka masih menggunakan meter pukal. Oleh itu Bandar Utama memandang serius terhadap penyelesaian isu ini secara keseluruhan kerana akses kepada air merupakan hak asasi setiap warga Selangor dan setiap manusia. Tuan Speaker saya juga tertarik dengan konsep “Dari Pemberian Ke Pemberdayakan” dengan program *work from home* bagi menggalakkan kelahiran para usahawan daripada golongan wanita bermula daripada penerima kes. Ini boleh disinonimkan dengan satu perumpamaan dalam bahasa Inggeris dengan izin Tuan Speaker “*give a man a fish and you feed him for day, teach a man to fish and you feed him for life time*”. Begitu menggalakkan apabila mereka boleh belajar menjana pendapatan sendiri pada masa yang sama kita juga boleh merancakkan ekonomi dengan menghasilkan lebih banyak usahawan-usahawan di bawah negeri Selangor. Saya memandang baik tentang rancangan *work from home* dan saya berharap kita mengambil serius perancangan seperti ini dan tidak melepaskan batuk di tangga sahaja. Bagi menjayakan program seperti ini seharusnya kerajaan negeri mempunyai koordinasi yang tersusun dalam membina pangkalan data dan mengusahakan pemasatan data golongan wanita di Selangor supaya usahawan-usahawan ini senang dikenali dihubungi dan dapat membekalkan produk mereka dengan lebih efisien. Tuan Timbalan Speaker di sini saya juga ingin membangkitkan satu dua isu yang lebih kerap berkaitan dengan kawasan bandar. Pertama satu isu yang telah berterusan yang telah wujud sekian lama, sukar diselesaikan namun wajar dititikberatkan dan telah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian iaitu isu kecekapan pengangkutan awam dan kesesakan lalu lintas. Jadi saya yakin isu ini bukan sahaja berlaku di Bandar Utama malah di banyak kawasan bandar seperti Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam. Di mana kita mempunyai isu yang sama. Di mana kita masih dalam proses mengoptimumkan penggunaan pengangkutan awam di negeri Selangor. Di sini saya dapat melihat satu isu ketara iaitu

kekurangan dengan izin *first mile last miles connectivity*. Secara mudah orang awam tidak akan menggunakan pengangkutan awam sekiranya mereka tidak dapat tiba tepat pada destinasi terakhir mereka. Bandar Utama berharap lebih banyak perbincangan perancangan, strategi, dan dana akan dilaburkan kepada perkara ini. Keefektifan pengangkutan awam sangat penting bagi setiap komuniti kerana pengangkutan awam yang cekap mampu menggalakkan lebih banyak pengguna mengurangkan kesesakan lalu lintas meningkatkan akses kepada kawasan dan mampu mencipta suasana ataupun persekitaran yang menggalakkan pelabur. Bandar Utama berharap penambahbaikan prestasi pengangkutan awam dapat dicapai dengan perkhidmatan bas-bas tambahan pada sesetengah tempat serta bas-bas sokongan seperti dengan izin *feeder bus* yang cukup dapat disediakan. Dan tentunya kami tahu sekiranya kerajaan negeri mempunyai kekangan bajet mungkin kita dapat mencari jalan alternatif. Jadi Bandar Utama berharap kerajaan negeri dapat menjalinkan hubungan kerjasama dengan kerajaan pusat supaya adanya konsolidasi antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri bagi perkara ini. Dan saya juga berharap kerajaan negeri dapat mencari ikhtiar dalam memperbanyakkan dana untuk pembangunan dalam isu ini sama ada dengan menggesa sokongan daripada kerajaan pusat, operator pengangkutan awam, pihak pemaju dan pihak-pihak lain yang berkaitan. Isu kedua tidak lain tidak bukan isu kesihatan mantel warga Selangor. Sebenarnya isu ini terkesan pada seluruh warga Selangor dan juga seluruh rakyat Malaysia di mana menurut laporan banyak laporan mengenai isu ini salah satunya merupakan 30% populasi rakyat di Malaysia mengalami masalah penyakit mantel ada juga surat khabar yang melaporkan bahawa penyakit mantel dijangka menjadi masalah kesihatan kedua terbesar di Malaysia menjelang tahun 2020. Jadi isu ini tidak seharusnya dipandang ringan, Bandar Utama ingin menyeru Kerajaan Negeri untuk memberikan fokus dan dana yang lebih dalam ini di masa hadapan. Saya memandang baik inisiatif Kerajaan Negeri yang telah memperuntukkan operasi sebanyak RM152 ribu pada tahun ini sebagai kos operasi pusat kaunseling Selangor. Pada saya ini merupakan permulaan untuk kita membangkit perkhidmatan ini, namun kita harus diperhalusi langkah-langkah seterusnya, bagi menggalakkan masyarakat untuk menggunakan perkhidmatan ini. Seperti yang telah diperjelaskan oleh EXCO sebelum ini pada tahun ini sehingga bulan Oktober, pusat kaunseling Selangor telah mengendalikan 489 kes. Sekiranya keempat-empat pusat kaunseling mula beroperasi sekitar bulan Mac ini bermaksud secara purata setiap pusat kaunseling hanya mengendalikan 8 sehingga 9 kes setiap bulan dan saya yakin peratusan ini mampu dipertingkatkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sekiranya pusat kaunseling Selangor tidak disuntik dengan dana yang mencukupi, kita seharusnya memastikan peruntukan yang diberi kepada pusat kaunseling Selangor dibelanjakan dengan cara berhemah. Jadi saya harap Kerajaan Negeri bukan sahaja melaburkan dana untuk mempublisitikan perkhidmatan ini, pada masa yang sama, kita seharusnya mengkaji sama ada publisiti tersebut berkesan ataupun tidak dan apakah langkah seterusnya untuk menggalakkan rakyat Selangor menggunakan khidmat kaunseling. Saya cukup prihatin juga dengan kelayakan kaunselor-kaunselor yang dilantik kerana prestasi kaunselor-kaunselor ini melambangkan kualiti pusat kaunseling Selangor. Jadi ingin saya tekan di sini pembangunan sebuah negeri hanya boleh berjalan dengan lancar

sekiranya kebajikan dan kesihatan warganya terjaga. Jadi Tuan Speaker ini membawa saya kepada perkara yang terakhir, iaitu Belia dan Sukan. Pada saya pelaburan yang paling bernilai, adalah penumpuan terhadap golongan belia dan kesihatan rakyat. Masa depan sesebuah negara terletak pada generasi muda dan juga masyarakat yang sihat. Jadi sekiranya negara kita penuh dengan golongan yang berpenyakit ataupun golongan belia yang tidak aktif, tidak mungkin kita mampu menerajui sesebuah negeri atau pun negara. Oleh itu saya cukup gembira apabila pada Belanjawan 2019 kali ini, Yang Amat Berhormat Menteri dan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 4.96 juta bagi tujuan pemerkasaan generasi muda dan PBT, 3.24 juta bagi tujuan pembangunan infrastruktur sukan, tanah seluas 20 ekar bagi pembinaan litar lumba bagi tujuan merancakkan bidang sukan pemotoran di Selangor, 12 juta bagi membiayai pasukan bola sepak akhirnya, 4 ratus ribu bagi pembangunan dan penganjuran sukan esukan. Saya melihat ini merupakan langkah yang tepat untuk Kerajaan Negeri Selangor lebih-lebih lagi saya dapat melihat rakyat Malaysia ini sebenarnya amat minat terhadap sukan, cuma kita kekurangan platform dan saluran. Baru-baru ini saya telah menghadiri satu majlis penyerahan anugerah peringkat kebangsaan bagi sukan berbasikal berkumpulan *olddeck oldinest* yang disenaraikan *Book Of Record* sebagai rekod berbasikal jarak terpanjang secara berkumpulan iaitu 1005 kilometer, seramai 107 para peserta telah berjaya menamatkan laluan tersebut. Jadi 1005 kilometer ini satu jarak yang begitu jauh, namun begitu banyak para peserta yang minat terhadap basikal sukan berbasikal ini dan para peserta ini sering memulakan latihan mereka di kawasan negeri Selangor. Saya cukup bangga dengan pencapaian mereka dan yakin sekiranya mereka diberikan perhatian yang secukupnya, mereka mampu mengharumkan nama negara. Melihat pencapaian mereka saya teringat kepada satu insiden satu ketika dahulu di mana Azizul Hasni, jaguh berbasikal negara yang cukup cemerlang prestasinya kecewa apabila Menteri Besar Terengganu enggan melayan permohonannya untuk bantuan peruntukan bagi mendapatkan sebuah basikal *roadbike*. Seharusnya apabila rakyat kita mahu mengharumkan negara ataupun mahu menjadi sihat, kita memberikan sokongan penuh untuk menggalakkan mereka. Kita di Selangor berasib baik dan bertuah kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita juga merupakan EXCO Belia dan Sukan oleh itu saya yakin beliau memahami kepentingan pembangunan warga belia dan juga kepentingan menjaga kesihatan warga Selangor. Saya berharap selepas ini kita dapat meneruskan fokus untuk membangunkan golongan belia kita pada masa yang sama juga memajukan sukan di peringkat negeri. Dan saya harap kita dapat memberikan sokongan penuh kepada mana-mana jenis sukan yang berpotensi membawa nama baik negeri Selangor dan Malaysia ke seluruh dunia. Akhir kata dengan keyakinan penuh yang ada pada hari ini Bandar Utama menyokong Belanjawan 2019 yang dibentangkan. Sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Bandar Utama, saya jemput Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Bismillah Hirrahman Nirrahhim, terima kasih Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan

terima kasih syabas dan tahniah kepada Dato' Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Tuan Menteri Besar menyelesaikan pembentangan Belanjawan pada hari Jumaat yang lepas. DUN Seri Setia merupakan satu kawasan yang terletak di dalam 2 PBT terdapat 2 PBT dalamnya di dalamnya ada Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan juga Majlis Bandaraya Shah Alam. Kawasannya adalah kawasan terdapatnya kemiskinan bandar. Bukan namanya cukup hebat, Majlis Bandaraya ada 2 Majlis Bandaraya kawasan yang cukup hebat tetapi masih ada lagi kawasan yang kemiskinan bandar. Saya ambil contoh di kawasan Lembah Subang ini antara manifesto saya, atau pun janji saya kepada pengundi masa pilihan raya kecil. Di kawasan Lembah Subang, kawasan PPR Lembah Subang yang cukup sedih. Kita tahu sejarahnya daripada 2005 mereka ditempatkan dipindahkan di situ atas dasar sebagai kawasan ataupun penempatan sementara tetapi sekarang ini bukan penempatan sementara, tetapi telah menjadi penempatan selamanya. 2005 setinggan sifar dilakukan oleh Menteri Besar terdahulu, akhir mereka dipindahkan di situ sehingga kini saya kira agak sukar dan saya mohon sangat-sangat, kepada Kerajaan Negeri Selangor terutama Yang Berhormat EXCO Perumahan kita dan juga Kerajaan Negeri sendiri daripada pihak Kementerian KPKT untuk bersama-sama kita menyelesaikan masalah di Lembah Subang ini. Dengan penempatannya yang agak teruk walaupun ada syarikat yang mengendalikannya, kemudiannya banyak rumah-rumah yang masuk adalah kalangan mereka-mereka yang tidak berdaftar yang mencuri masuk ada juga warga-warga asing yang masuk di dalam rumah ini, ada juga yang cuba buat kutipan penipuan siapa yang nak masuk jumpa abang long dulu, yang ini pun ada. Dan sehingga kini kita dalam Malaysia baru yang memerintah beberapa bulan ini saya minta ada satu penyelesaian yang boleh diselesaikan untuk masalah Lembah Subang. Keadaannya cukup daif dengan sampahnya yang banyak. Satu ketika dahulu Majlis Bandaraya Petaling Jaya mengambil alih tugas daripada Kerajaan Negeri, tetapi ada percanggahan antara Kerajaan terdahulu iaitu di bawah Yang Berhormat Tan Sri Noh Omar, yang tidak mahu Kerajaan Negeri masuk campur termasuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Dan sehingga kini yang menguruskannya ialah pihak KPKT. Saya mencadangkan ada baiknya juga pihak PBT menguruskannya makna ada pembahagian tugas antara pihak Kerajaan Negeri dan juga PBT ada tugas dan juga Kerajaan Persekutuan, ada tugas nak diselesaikan masalah Lembah Subang ini. Sekarang ini kalau kita tengok keadaan sampah tong sampahnya kurang, keadaannya rumahnya yang teruk, keadaan *parking*nya, jalannya yang berlopak, jadi saya minta yang ini tolong ambil perhatian daripada EXCO Perumahan Kerajaan Negeri dan juga pihak KPKT sendiri.

Tuan Speaker, antara yang lain saya nak isu kan juga, ataupun perbahasan saya pada petang ini adalah kawasan DUN Seri Setia yang mana, yang mana kawasan Seri Setia ini yang melibatkan kawasan FIZ ataupun pusat perdagangan bebas kawasan Sungai Way. Kalau ikut kawasannya 46.3 hektar bersamaan dengan 8.40% daripada jumlah keseluruhan, sebanyak 505.40 hektar dengan hasil pelaburan asing mencecah 7.9 bilion di tempat pertama dan diikuti Shah Alam sebanyak 7.6 bilion dan membuka peluang pekerjaan sebanyak 17 ribu 50 di tangga kedua dan Shah Alam dengan peluang pekerjaan di Shah Alam 24 ribu 164 tetapi mengalami penyusutan di kawasan ini sebagai mana kita tahu banyak kilang-kilang yang dah tutup dan masalah banjir pun terdapat di situ. Saya terpanggil apa yang dibangkitkan oleh semalam Yang Berhormat Meru tentang keadaan banjir di Meru yang diselenggarakan oleh PKNS sendiri. Di kawasan ini pun bermasalah dengan pembangunan yang diusahakan oleh PKNS tetapi keadaan banjir yang masuk airnya yang masuk di kawasan perindustrian. Yang Berhormat cuba bayangkan kawasan kilang ini ada yang mengadu setiap kali hujan pasti akan

merosakkan barang-barang pengeluaran kilang dia. Minggu lepas saya telah mengadakan pertemuan tapi saya tak dapat hadir, saya mengadakan dengan wakilnya. Mereka menyatakan mereka menanggung kerugian yang cukup banyak, kerana kecuaian pihak pemaju itu termasuk PKNS, yang tidak memperbetulkan saliran dan sebagainya kawasan itu. Saya mohon supaya perkara ini dapat disemak semula. Dan kawasan FIZ ini merupakan satu ketika dulu, adalah kawasan belia-belia, anak-anak muda bekerja di situ, saya pun pernah bekerja di situ tetapi sekarang ini keadaannya amat kesian, ramai anak-anak muda di situ yang tidak mempunyai kerja, kerana apa kilang-kilang itu kawasan perindustrian telah dikurangkan dan ditutup. Saya mohon mungkin suatu pihak Kerajaan Negeri yang boleh majukan kembalikan kawasan tersebut dan menaikkan kembali kawasan perindustrian tersebut yang menjadi satu kebanggaan kita pada satu ketika dahulu. Yang berhormat Tuan Speaker, saya juga nak maklumkan antara perkara yang rakan ramai menyatakan tentang isu air, 20 meter air percuma ini yang sekarang ini menjadi 25 meter padu air percuma dan juga saya minta supaya Kerajaan Negeri bukan mempertimbangkan malah kalau nak bagi 25 meter padu untuk golongan B40 kena ada satu cara, formula yang boleh kita pastikan ia tidak tercicir atau tertinggal kepada mana-mana golongan B40. Saya ambil contoh, macam saya nyatakan pada awal tadi kawasan saya merupakan kawasan yang banyak rumah pangsa. Kategori rumah pangsa di kawasan rumah saya adalah kawasan rumah pangsa kos rendah, kalau kita ikut kan kategori rumah pangsa kos rendah pemiliknya kebanyakannya adalah di bawah B40 tetapi ada juga mereka ini yang bukan golongan B40 tetapi mereka membeli rumah tersebut pada harga 35 ribu 15 tahun yang dahulu. Jadi yang ini akan menjadi satu masalah nanti, kalau tidak diperbetulkan bagaimana formula ataupun kiraannya bagi mereka yang layak dan harus mendapat 25 meter padu ini. Saya yakin dan percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada formulanya ada caranya mana nak mengatasi masalah ini supaya nanti kami mudah untuk menjawab dengan pengundi-pengundi dan penduduk di kawasan kami nanti. Kemudiannya tentang Inisiatif Peduli Rakyat (Hadiah Perkahwinan Belia). Ini (Hadiah Perkahwinan Belia ini) telah diberhentikan atau dibekukan sementara waktu. Dan sekarang ini untuk pembaikannya ada ditukar kepada kursus-kursus perkahwinan. Jadi yang ini pun dah mula ada bisik-bisik. Kata mereka, kata keluarga mereka "*kami nak duit sebab kami memerlukan RM500*". Mungkin bagi kita RM500 tak tinggi, tapi bagi mereka RM500 hadiah ini cukup ini tinggi. Kalau seorang, kalau menantunya pula orang Selangor juga RM500 + RM500 jadi RM1,000. RM1,000 boleh digabungkan untuk mengadakan satu kenduri yang boleh dikatakan menyelesaikan beberapa perkara. Jadi mereka mencadangkan supaya kalau boleh RM500 ini dikembalikan juga hadiahnya.

Tuan Speaker,

Bas Smart Selangor. Saya nak mohon kepada YB Exco, di kawasan saya cukup padat (di kawasan Kampung Lindungan, di kawasan Desa Mentari) kawasan penempatan rumah pangsa yang cukup padat. Sehingga kini Bas Smart Selangor masih tak ada. Yang ini saya telah bermohon juga lama ya. Sebab kawasan di Taman Medan (jiran sebelah saya) ada. Tetapi kawasan Sri Setia hanya satu kawasan sahaja yang ada. Itu pun hanya tempat laluan sahaja. Saya nak mencadangkan supaya perhati-perhatikanlah kawasan Sri Setia ini. Kawasan terutama yang saya mohon Bas Smart Selangor adalah kawasan (Kampung Lindungan, Desa Mentari), ini adalah kawasan yang memang kawasan yang agak sedih dan pendapatan mereka cukup rendah sekali.

Dan akhir sekali, saya ucapkan sekali lagi terima kasih, tahniah kepada semua *Insya Allah* kita mendoakan agar belanjawan kali ini lebih baik daripada yang sebelumnya. Tetapi perlu juga ditambahbaikkan daripada yang sebelumnya lagi. Jadi Sri Setia menyokong pembentangan belanjawan yang dibentangkan oleh YAB Menteri Besar. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Terima kasih YB Tuan Speaker, YAB Menteri Besar dan rakan-rakan Yang Berhormat yang saya hormati. Salam sentosa ingin saya ucapkan. Sebelum saya memulakan perbahasan saya, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada YAB Menteri Besar ke atas Pembentangan Belanjawan 2019 yang cukup memberangsangkan. Selaras dengan rumusan yang bertunjangkan merancakkan ekonomi, memberdayakan rakyat dan mensejahterakan negeri, saya percaya belanjawan ini dapat mempertingkatkan pendapatan usahawan-usahawan di Selangor dan terus mewujudkan rangkaian usahawan yang profesional dan melahirkan lebih ramai usahawan yang baru dari kalangan berpendapatan rendah. Program Hijrah merupakan satu-satunya program yang cukup jelas berjaya yang telah diagihkan untuk pembangunan program yang berkonseptan pinjaman asas simpanan. Tahniah diucapkan.

Kita semua sedia maklum bahawa masyarakat hendak mendapatkan perkhidmatan yang lebih efektif dari PBT dan agensi kerajaan lain di mana kita perlu meningkatkan tahap perkhidmatan kita secara menyeluruh. Inilah apa yang pembayar cukai idamkan di mana perkhidmatan yang cukup setimpal dengan apa yang mereka membayar. Persoalan saya ialah apakah kita memberikan ataupun adakah kita memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada mereka? Mungkinkah kita perlu mendapat ataupun mendambakan kontraktor kawasan atau kontraktor kawasan sekarang menjawab atau menjaga kawasan yang lebih besar berbandingkan dengan apa yang mereka dipertanggungjawabkan? Yang ketiga ialah perlukah kerajaan negeri membantu PBT dari segi pembelian jentera-jentera moden supaya mereka boleh menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik?

Sentosa juga pohon untuk menyeragamkan kerja-kerja di antara KDEB dan PBT dalam kes-kes pungutan pembersihan dan sampah pukal domestik dan lain-lain. Dalam kes di MPK, DUN Sentosa masing-masing menuding jari di antara satu sama lain di mana selain daripada itu kita ada masalah di mana sampah tidak dapat diuruskan dengan baik.

Selain daripada itu, kita juga ada masalah lampu jalan. Terdapat banyak agensi (kalau kita tengok di DUN Sentosa), kita ada JKR menjaga lampu jalan di Jalan JKR, di kawasan PBT (PBT jaga), kalau kita pergi kat luar sikit PLUS menjaga dan sebagainya. Tetapi kalau kita tengok, kalau air boleh dijaga oleh Air Selangor, mungkin lampu jalan kita perlu diselenggara oleh Tenaga Nasional Berhad kerana tanggungjawab mereka untuk memastikan lampu jalan dibaiki dalam jangka masa 24 jam. Tapi di peringkat PBT dan JKR dan sebagainya, lampu jalan kita mengambil masa yang panjang. Oleh itu, mungkin kita perlu membuat satu kajian untuk tengok macam mana perkara ini boleh diselesaikan.

Sentosa juga pohon kerajaan negeri untuk ataupun Pejabat YB Exco tubuhkan satu pasukan (ya satu pasukan) untuk memantau kerja-kerja agensi-agensi terlibat supaya

prestasi agar kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan dapat dilakukan dengan cekap dan amanah. Hal ini adalah kerana dalam kontraktor ataupun kontrak yang diberikan masing-masing kontraktor perlu menyediakan 15 atau 20 orang pekerja. Namun bila kita turun padang, kita tengok hanya 6 atau 8 orang sahaja bekerja di kawasan-kawasan masing-masing. Mungkin inilah sebabnya kawasan kita kotor. Dan kita (kalau kita dapati) hanya terdapat kes-kes macam ini, kita tidak boleh memberi perkhidmatan yang efektif yang kerja ini tidak dapat diselesaikan. Kontraktor yang tidak dapat memberikan perkhidmatan baik perlu ditamatkan kontrak, digantikan dengan baru agar kita memberikan perkhidmatan yang lebih efektif kepada rakyat.

Ini juga adalah satu cadangan daripada Sentosa. Cadangan membuat Majlis Perbandaran Subang Jaya sebagai maju ataupun Majlis Bandar Raya dan sebagainya. Kita semua sedar kawasan Klang merupakan satu kawasan yang cukup besar dan lebih lagi dia merangkumi lebih kurang 8 DUN di kawasan ini. Mereka perlu memberikan perkhidmatan ke kawasan-kawasan 8 DUN dan lebih-lebih dikenali sebagai satu Bandar Diraja. Maka ingin saya cadangkan kepada Dewan yang mulia ini. Kalau boleh untuk menubuhkan satu lagi PBT di kawasan Klang. Contohnya MPK Selatan atau MPK Utara yang boleh berkhidmat secara lebih efektif kepada masyarakat di mana kawasan yang dijaga boleh lebih efektif di mana kita tengok Majlis Bandar Raya Kuching Utara ataupun Dewan Bandar Raya Kuching Selatan. Supaya kerja-kerja pembersihan boleh dilakukan dengan efektif.

Soalan saya kepada Menteri Besar pagi tadi yang dijawab oleh YAB Menteri Besar berkenaan dengan bencana (bantuan bencana), kebakaran dan juga banjir. Saya ingin cadangkan duit sumbangan kerajaan negeri harus ditingkatkan daripada RM500 ke RM1,000 kerana kalau kita tengok kalau satu-satu isi rumah dibakar ataupun telah hangus dalam kebakaran, RM500 ini tidak cukup. Ini adalah satu-satunya cadangan yang saya ingin buat untuk kerajaan negeri untuk kalau boleh kita boleh membantu pemilik rumah.

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai rumah ibadat bukan Islam. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri Selangor bagi meluluskan tanah dan juga bantuan dana untuk pengurusan aktiviti kuil dan lain-lain rumah ibadat bukan Islam. Namun saya percaya selaku kerajaan negeri yang prihatin kepada isu-isu sensitif di negeri Selangor, kita mesti ada satu kaedah atau lebih dikenali sebagai SOP memudahkan kaedah pemindahan sesuatu rumah ibadat khususnya kuil. Satu jawatankuasa khas harus ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah-masalah berbangkit bagi perkara-perkara ini. Pemindahan tempat ibadat dengan kaedah dan proses yang betul perlu diberi perhatian yang serius untuk mengelakkan perselisihan faham.

Pada satu ketika dahulu, kita semua faham estet-estet daripada majoriti kaum India telah dibenarkan membina kuil di estet masing-masing. Kini, kebanyakan estet tersebut telah pun dijual tanpa mengendahkan situasi kuil yang penganut estet telah sembahyang bertahun-tahun lamanya. Apabila pemilik atau pemaju estet mengambil alih pemindahan, mengambil alih ataupun membeli tanah itu, pemindahan tempat ibadat ini perlu dilakukan dengan teratur dan perlu digazetkan untuk supaya tanah itu dikhaskan untuk kuil tersebut. Kita tidak harus mengulangi apa yang telah berlaku (telah dilakukan) oleh kerajaan sebelum ini.

Terdapat kelemahan dalam permohonan pemberian tanah bagi tempat ibadat. Ketika kerajaan yang dulu dalam satu minit (dalam satu Minit 1987), Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Selangor telah mencatatkan keputusan bahawa Kuil Sri Maha Mariamman Seafield dikekalkan di tapak lamanya. Pemaju dikehendaki juga untuk memperuntukkan kawasan bagi maksud sekolah rendah jenis kebangsaan seluas kira-kira 5 ekar. Dan juga untuk kuil tersebut seluas kira-kira 1 ekar. Pihak kuil berhak menduduki tapak yang diduduki mereka sekarang tanpa sebarang gangguan kerana keputusan Mesyuarat Exco Kerajaan sebelum ini iaitu kerajaan Barisan Nasional yang dimaksudkan itu adalah jelas. Kini, rakyat mempersoalkan apakah kewibawaan kerajaan untuk selesaikan masalah ini. Kita tidak harus mengulangi kesilapan yang dilakukan oleh kerajaan lepas. Apa-apa transaksi baru di antara pemaju dan pihak terlibat perlu dimaklumkan kepada kerajaan negeri supaya kita sedar dan ketuai situasi sebenar. Transaksi baru mereka bercanggah dengan keputusan yang telah pun diambil kira ataupun diambil oleh Exco Kerajaan.

Saya menyeru penyiasatan sepenuhnya harus dilaksanakan daripada permohonan dalam pemberian tanah kepada kuil oleh kerajaan lepas hingga kini supaya masalah ini tidak berterusan. Walaupun

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE** : kita difahamkan

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE** : ada keputusan mahkamah.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, ada pencerahan sikit.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya. Ada sedikit kekeliruan saya lihat dalam ucapan YB Sentosa tadi. Yang Berhormat berkata ada satu keputusan oleh kerajaan negeri ke atas kuil tersebut di atas tanah tersebut. Kemudian, sekarang adalah (keadaannya adalah) sebenarnya ada tanah itu adalah sebenarnya dimiliki oleh syarikat swasta. Jadi kalau itu adalah tanah swasta, bagaimana kerajaan boleh membuat keputusan ke atas tanah swasta? Saya rasa itu perlu dijelaskan supaya tidak dikelirukan.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE** : Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Silakan.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Mohon mencelah.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Kuang.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Saya nak maklumkan kepada Sentosa isu ini isu yang sangat sensitif dan saya rasa ia perlu berhati-hati. Pertama sekali, kita harus *uphold rules of law*. Apa yang dikatakan *rules of law* kerana sudah ada satu perintah mahkamah supaya kuil tersebut dipindahkan. Jadi, kita harus mulakan Dewan ini dengan *rules of law*. Saya harap supaya YB Sentosa memperbetulkan balik ataupun menarik balik apa yang disebut tadi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Terima kasih YB Kuang. Saya belum habis lagi ucapan saya. So, biarkan saya habiskan apa yang saya nak nyatakan. Memang apa yang EXCO YB Bandar Baru Klang telah menyatakan itu betul. Ini adalah daripada Minit 1987 "*tanah ini dikekalkan untuk kegunaan kuil tersebut*". Mungkin saya akan bagi minit (salinan minit) kepada Yang Berhormat nanti. Ok. Pihak kuil berhak. Tuan Speaker, biar saya sambung. Pihak kuil ataupun kini rakyat mempersoalkan apakah kewibawaan kerajaan untuk selesaikan masalah. Saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YAB Menteri Besar. Selama satu bulan beliau telah cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan perkara ini, beliau telah menangguhkan (bantu menangguhkan) operasi-operasi pihak pemaju supaya kuil ini perlu dipindahkan dan sebagainya. Beliau juga telah meminta pemaju untuk tangguhkan sampai 22 November, tetapi perkara ini telah berlaku tanpa pengetahuan kerajaan negeri. So, kita tidak tahu siapakah dalang di belakang isu-isu ini. So biar polis menyiasat dan sebagainya. Memang saya setuju ini adalah perkara sensitif. Tapi perlu Dewan yang mulia ini perlu faham apa yang berlaku. *Right?* Sekarang perkara ini kita harus tanganinya dengan baik. Oleh itu, apakah transaksi baru di antara pemaju dan pihak terlibat perlu dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri. Adakah pihak pemaju memaklumkan tindakan-tindakan mereka kepada Kerajaan Negeri atau pun EXCO yang menjaga isu ini adakah mereka, saya... saya minta memang saya setuju dengan Yang Berhormat Kuang ada keputusan Mahkamah tetapi bila ada keputusan Mahkamah, Kerajaan Negeri perlu memainkan peranan untuk menjadi *moderator* untuk menyelesaikan perkara ini dengan baik. Itu yang saya ingat saya nak mengatakan ataupun menyeru *right* untuk selesaikan perkara ini dengan baik. Saya bukan sahaja saya nak menghabiskan dengan apa ni apa yang saya siapkan ni. Kita perlu menerapkan ya semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan rakyat.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sentosa tolong duduk sebentar. Silakan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan 26 (4) dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga selesai perbahasan Dasar Rang Undang-Undang Perbekalan 2018 untuk membolehkan Pihak Kerajaan membuat penggulungan pada hari esok.

**Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL :** Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan Ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan Tidak.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : (senyap)

**TUAN SPEAKER** : Usul ini dipersetujui.

Silakan Yang Berhormat Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R. GEORGE** : Terima kasih Tuan Speaker. Walaupun kita difahamkan ada keputusan Mahkamah kita tidak boleh sekadar melepaskan batuk di tangga. Rakyat menaruh harapan bahawa Malaysia Baru ini akan mengujudkan keamanan dan perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum. Kini tanggungjawab kita sebagai Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan perkara ini dengan aman dan tenteram. Kemungkinan ada beberapa pihak yang telah mengambil kesempatan ini untuk memecahbelahkan keamanan yang kita ingini ini. Pemaju, Jawatankuasa Kuil dan pihak-pihak yang terlibat perlu duduk bersama untuk menyelesaikan masalah ini atas dasar kemanusiaan dan menghormati hak setiap individu. Adalah penting keputusan bersama perlu dicapai melalui perbincangan. Kita perlu menerapkan semangat bekerjasama dan perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang bangsa seolah bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Sebagai Kerajaan Negeri Selangor yang prihatin marilah kita menjaga keamanan, kebijakan rakyat dan menghormati antara satu sama lain serta tempat ibadat masing-masing. Kita perlu mengutamakan perpaduan rakyat demi sejahtera Kerajaan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong perbelanjaan 2019. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD. ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI** : Bismillahhirrahmannirahim. Assalamualaikum Warahmatullah dan Salam Sejahtera. Selamat Petang kepada Timbalan Speaker dan seluruh Ahli Dewan dan Pemerhati yang hadir pada petang ini. Alhamdulillah kita telah mendengar dan sama-sama kita membahas ucapan Belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang bertemakan Merancakkan Ekonomi Mensejahterakan Rakyat. Dalam perbahasan kali ini, Sungai Kandis ingin menyentuh isu Pembangunan Modal Insan kerana Sungai Kandis melihat usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk memperkasakan sumber tenaga manusia dengan komprehensif dan efisien dan tahun depan kita diperuntukkan 25 juta untuk program-program pendidikan seperti Program Iktisas dan program-program yang relevan dan responsif dengan keperluan teknologi dan industri semasa namun begitu jumlah ini tentunya masih jauh dari perbelanjaan yang sewajarnya untuk pembangunan pendidikan yang berkualiti. Sungai Kandis melihat bagaimana cadangan untuk pembangunan

pendidikan ini hanya tertumpu kepada generasi muda sahaja iaitu Pembangunan Modal Insan yang berteraskan kepada kemahiran dengan izin *hard skills*. Pembangunan Modal Insan bukan berdasarkan kepada pembangunan untuk ekonomi semata-mata tetapi ada elemen lain yang perlu dibangunkan secara seimbang ataupun secara holistik. Manusia adalah makhluk mulia yang diciptakan oleh Allah SWT yang lengkap dengan segala dimensinya iaitu pembangunan fizikal, pembangunan intelektual, pembangunan spiritual, pembangunan emosi dan pembangunan sosial. Hal ini tentunya sejajar dan selaras dengan deklarasi Permatang Pauh yang dilancarkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim satu ketika dulu, katanya agenda mengangkat karomah insaniah dengan mengukuhkan jati diri, mengukuhkan budaya yang dinamis, setia kepada warisan bangsa yang murni terbuka kepada segala yang baik dari semua budaya. Justeru itu, Sungai Kandis ingin mencadangkan supaya Program Pembangunan Insan yang seimbang diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan. Program Pembangunan Insan adalah satu proses pembelajaran sepanjang hayat ia tidak boleh dilakukan dalam tempuh setahun atau dua tahun untuk melihat hasil dan kesannya. Antara dimensi penting yang perlu diberi perhatian seperti Program Pengupayaan Pembangunan Keluarga, Program Pembangunan Komuniti melalui kemahiran kaunseling, kemahiran keibubapaan, kemahiran kepimpinan, kemahiran-kemahiran yang lain yang perlu diajar, dididik kepada masyarakat Negeri Selangor yang hari ini jumlahnya sudah meningkat kepada 6 juta lebih. Negeri Selangor telah dinobatkan sebagai Negeri Maju pada tahun 2005 tetapi apabila kita bertanya kepada rakyat adakah mereka merasakan mereka sudah berada di negeri maju? Masih ramai yang tidak menyedari bahawa mereka berada di negeri maju. Kerana apa? Kerana mereka merasakan pertama isu keselamatan. Kalau kita hendak melihat kawasan kita selamat atau tidak cuba kita letak motosikal, handphone atau barang-barang yang berharga di tempat terbuka. Kalau dalam tempoh satu jam kita boleh dapat balik barang itu maka tempat kita selamat. Tetapi kalau dalam tempoh setengah jam kita datang balik dah tak ada maka ini adalah antara perkara-perkara yang perlu kita beri perhatian tentang Pembangunan Modal Insan. Yang keduanya kita melihat adakah negeri maju ini negeri yang rumah-rumahnya dipagari dengan pagar kawat duri dan juga rumah-rumahnya dipagari dengan gerigi besi dan sekali pandang kita melihat rumah-rumah di negeri kita ini seperti penjara ataupun seperti suatu kawasan yang menakutkan kepada orang luar. Sebagai negeri maju antara ciri yang perlu ada ialah negeri yang selamat dan sejahtera. Ertinya kita tidak perlukan pagar kawat duri ataupun sekarang ini disebut GNG dengan izin *Gated and Guarded*. Berkawal dan berpagar. Kerana apa? Kerana setiap individu merasakan tidak selamat untuk tinggal di kawasan-kawasan terbuka seperti itu. Justeru itu, saya ingin menekankan supaya Program Pembangunan Insan seperti yang telah dilaksanakan sebelum ini seperti Program Spies, Program Insan diteruskan kerana cabaran yang dihadapi oleh rakyat negeri Selangor ini semakin mencabar dan memerlukan kemahiran-kemahiran untuk mereka berdepan dengan pembangunan dan kemodenan.

Isu kedua, berkaitan dengan kesihatan mental. Dewan telah mendengar pandangan-pandangan dan maklum balas daripada Ahli-Ahli Dewan berkenaan dengan kesihatan mental. Seorang Profesor Psikiatri di sebuah institusi kesihatan di negeri kita mengatakan bahawa peningkatan kesihatan mental dalam kalangan penduduk negara ini bertambah sekali ganda dalam tempoh 10 tahun dan kira-kira 30% populasi rakyat negeri ini mengalami masalah mental. Dan yang lebih mencabar ialah apabila 30% daripada populasi itu terdiri daripada kalangan wanita. Tadi kita mendengar Seri Setia menceritakan keluh kesah rakyat yang tinggal di kawasan rumah bertingkat dan kita

maklum bahawa kawasan itu adalah kawasan hot sport ataupun kawasan yang selalu kita mendengar kisah-kisah gejala sosial, gejala gengsterisme dan juga vandalisme. Bagaimana kita nak tahu seseorang itu ada simptom gangguan mental. Cukup mudah. Apabila seseorang itu gagal mengawal emosinya apabila berdepan dengan sesuatu provokasi ataupun berdepan dengan situasi yang mencabar dia mudah marah dan melenting dan kalau dia marah, marah yang luar biasa. Dan kalau dia bertindak, bertindak yang di luar kawalan. Ini adalah antara tanda-tanda mudah untuk kita melihat sama ada jiran kita, kawan kita, menghadapi gangguan mental. Justeru itu, saya menyokong cadangan Kerajaan Negeri Selangor untuk menubuhkan klinik-klinik kaunseling di tempat-tempat strategik seperti mana yang disebutkan tadi. Tempat di mana komuniti itu tinggal. Kalau sebelum ini klinik kaunseling berada di PBT ataupun di Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan yang mereka sendiri jauh nak pergi ataupun mereka tidak tahu adanya kewujudan pusat tersebut. Sungai Kandis mencadangkan agar klinik-klinik kaunseling ini ditubuhkan di kawasan kejiranan-kejiranan yang padat dan berisiko tinggi seperti di Flat Seri Perantau, di Lembah Subang, di Kota Damansara kerana mereka lebih memerlukan perkhidmatan ini dan sehubungan dengan itu juga, Sungai Kandis ingin mencadangkan supaya kepakaran yang ada di kalangan guru-guru kaunseling ataupun kaunselor-kaunselor berdaftar yang ada di sekolah untuk di manfaatkan kepakaran mereka ini mereka membantu klinik-klinik yang beroperasi sama ada di masjid ataupun di kawasan-kawasan rumah pangsa kerana bukan semua orang berkelayakan untuk mengendalikan sesi kaunseling. Saya adalah salah seorang kaunselor berdaftar. Ramai orang menganggap dia mengadakan sesi kaunseling tetapi apa yang berlaku mereka hanyalah mengadakan sesi nasihat. Bahkan yang lebih teruk mereka mengadakan sesi soal siasat yang akhirnya kes yang dikendalikan tadi bukannya selesai tetapi malah menjadi lebih parah. Justeru itu, saya merayu dan mohon kepada pihak Kerajaan supaya menambah peruntukan untuk Projek Klinik Kaunseling ini terutamanya di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Isu Program Kesukarelaan. Sungai Kandis mendukung impian Kerajaan Selangor untuk menjadi negeri penyayang. Hari ini kehidupan masyarakat tanpa sedar telah menjadi terlalu menjadi individualistik. Nafsi-nafsi. Kerana mereka mengukur kebahagiaan hidup berdasarkan kebendaan semata-mata. Al-Quran banyak menggesa manusia supaya banyak melakukan amal soleh dengan niat yang baik niat yang murni. Program kesukarelawan dan cadangan yang amat baik untuk membina masyarakat yang saling kenal mengenal bersatu padu dan wajar menjadi satu gaya masyarakat sama ada di kampung atau pun di bandar. Peruntukan RM10 juta adalah satu jumlah yang cukup prihatin dan peduli masyarakat yang patut dimanfaatkan. Selain daripada NGO-NGO komuniti yang sedia ada di kejiranan pangaspuri. Sebaiknya NGO-NGO yang berteraskan kepada belia NGO wanita untuk bersama-sama mereka menyumbang memainkan peranan yang lebih aktif agar program kesukarelawan dapat dimanfaatkan. Saya ingin kongsikan pengalaman yang telah dilakukan oleh sebuah group anak muda namanya AYG Adab Youth Garage di mana mereka membina satu tempat lepak untuk anak-anak muda berkumpul aktiviti buat kerja rumah dan di situ juga ada komputer dan alat-alat bermain indoor games dengan izin dan penyata pusat seperti ini mampu mengurangkan gejala sosial dan masalah lepak di kalangan remaja. Justeru itu agar mencadangkan dan program-program tempat di seperti ini perbanyakkan agar anak-anak muda kita ada ruang untuk mereka melakukan aktiviti. Terakhir saya ingin menyentuh isu berkaitan dengan alam sekitar di mana di DUN Sg Kandis ada kawasan yang disebut Revolusi Hijau. Setiap tahun ada isu melibatkan pembakaran terbuka di mana aduan daripada rakyat berkenaan dengan kebakaran ini telah berlarutan hampir 15 tahun tanpa penyelesaian yang tuntas. Apabila diadukan

kepada pihak yang berkenaan masing-masing saling salah tuduh menuduh dan mereka pun menyanyilah lagu ‘Bangau, oh bangau’ jadi dalam Dewan Yang Mulia Ini saya menyeru supaya usahlah membangau.Kenapa Johan Setia penting kepada Negeri Selangor, untuk makluman Dewan Yang Mulia di kawasan Johan Setia itu adalah Pusat Pertanian yang kedua terbesar menyumbang sayuran hijau kepada rakyat negeri Selangor. Jadi petani-petani yang usahakan tanah tersebut sepatutnya mereka ini dipantau, di kawal selia diperkenalkan dengan teknologi moden bagaimana mereka nak membersihkan kawasan kebun mereka supaya mengelakkan kebakaran. Justeru itu, saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor apakah *blueprint* atau *master plan* untuk pertanian di kawasan-kawasan yang dekat dengan kawasan kejiranian ini supaya kita dapat bertelan makanan dan rakyat dapat hidup dengan sejahtera dan selesa.

Ada satu lagi berkaitan dengan pendidikan boleh Timbalan Speaker, Tuan Speaker sorry dah petang pukul 5.00.

**TUAN SPEAKER :** Yang terakhir, yang terakhir.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Isu pendidikan Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan 16.6 juta untuk pemurnian dasar penajaran pendidikan. Dan kita telah melihat bagaimana sejumlah biasiswa telah diperuntukkan untuk anak-anak negeri Selangor. Namun begitu saya juga sebagai anak bekas anak Selangor yang pernah mendapat santongan daripada Kerajaan Negeri Selangor ingin mencadangkan supaya diwujudkan semula biasiswa untuk anak-anak Kumpulan B40 kerana ramai di kalangan anak, anak di luar bandar dari B40 dan bandar juga yang cemerlang tetapi tidak mempunyai dana untuk melanjutkan pelajaran dan apa yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam bentuk pinjaman ini ia lebih kepada solusi untuk membantu anak-anak ini tetapi bukan berbentuk insentif bagi mereka belajar sebagai suatu penghargaan kepada kecemerlangan mereka tadi. Ya silakan Taman Templer.

**TUAN SPEAKER :** Saya berikan.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Sg Kandis. Tadi disebutkan oleh Sg Kandis soal berkaitan dengan anak-anak kita yang berada di luar bandar yang tidak diberikan atau pun bantuan untuk melanjutkan pelajaran. Kita nak tahu negeri mana, negeri mana yang diskriminasi anak-anak muda atau pun remaja-remaja, belia-belia, pelajar-pelajar yang boleh melanjutkan pelajaran lebih tinggi berikan peruntukan atau pun bantuan oleh Kerajaan Negeri ini kit nak tahu ini. Ini merupakan satu tohmahan andaian atau pun merupakan satu fitnah yang sengaja dilemparkan untuk pihak Kerajaan negeri. Saya nak minta penjelasan daripada Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Terima kasih Taman Templer yang memberikan maklum balas pada isu yang saya kongsikan Dalam Dewan Yang Mulia Ini. Yang saya sebutkan tadi ialah biasiswa iaitu suatu Anugerah kepada anak-anak negeri Selangor yang cemerlang yang daripada kalangan miskin. Ertinya apabila mereka diberi pengiktirafan tersebut mereka merasakan ini nikmatnya berada di sebuah negeri maju yang bernama negeri Selangor Darul Ehsan. Jadi bolehlah menjadi buah mulut di kalangan negeri-negeri lain beruntung berada di negeri Selangor. Jadi Yang Berhormat yang berada di Dewan Yang Mulia Ini saya Sg Kandis menyokong Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

TUAN SPEAKER : Tanjong Sepat.

**Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor atas pembentangan bajet 2019 yang begitu komprehensif teratur dan memberi impak yang besar dan nyata kepada segenap lapisan masyarakat khususnya di Negeri Selangor. Pendek kata boleh dirumuskan belanjawan yang dibentangkan adalah tuntas perkakasan ekonomi yang mebangun bangsa makmur negeri Selangor.

Tuan Speaker, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kelulusan Belanjawan Negeri Selangor 2019 untuk membina jalan sambungan Kampung Sungai Kelambu, Genting Sanyen yang menelan belanja sebanyak RM11 juta dan juga pembinaan jalan dari Kampung Hulu Chucoh ke KLIA anggaran perbelanjaan RM25 juta di mana pembinaan jalan ini akan memberi kemudahan kepada pengguna jalan raya khususnya penduduk kampung Sg Kelambu Banting, Hulu Chucoh dan Sepang. Penduduk kawasan berdekatan Genting Sanyen di Bandar Seri Ehsan dan juga Bukit Changgang Izaimnya menggunakan jalan dari arah Dengkil yang menghala ke arah Banting, dari arah Banting ke arah KLIA. Sungguhnya kemudahan jalan lintas ini akan menjimatkan masa perjalanan kos bahan api kenderaan dan menjimatkan masa menuraikan trafik jaringan jalan raya di kawasan Banting Kuala Langat dan kawasan KLIA, Sepang. Seterusnya membawa pembangunan dan meningkatkan ekonomi di kawasan sekitar. Tuan Speaker, sejajar dengan sektor pertanian di negeri Selangor sektor perikanan khususnya memerlukan suntikan dana kepada peningkatan ekonomi dan meringankan beban para nelayan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Seterusnya berpotensi untuk meningkatkan hasil pengeluaran makanan. Kebajikan para nelayan dari kawasan pantai Morib Tanjong Sepat hingga ke Sungai Pelek harus diberi pembelaan selaras dengan agenda Kerajaan negeri Selangor yang peduli rakyat. Program bantuan peralatan nelayan dari Kerajaan Selangor yang seharus harus diteruskan. Walau bagaimanapun bantuan kepada nelayan diberi perhatian dari aspek pentadbiran dan juga menjamin ekonomi pada masa depan. Banyak jeti-jeti nelayan daripada Pantai Morib Batu Laut dan Sungai Pelek harus diperbaiki. Begitu juga kewartaan tanah, jeti perlu diberi perhatian oleh agensi Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Tuan Speaker, selaras dengan agenda peduli rakyat Kerajaan Negeri membela golongan-golongan terpinggir dan memeluk perubahan maka golongan orang asli atau pun orang asal di seluruh Negeri Selangor perlulah mendapat perhatian yang sepenuhnya. Untuk mengekalkan momentum ini di seluruh daerah termasuk Tanjong Sepat terdiri daripada suku kaum Marmeri yang mana pewartaan tersebut harus disegerakan dan ini boleh membantu kepada semua orang asal untuk masa depan dan juga ekonomi. Pelancongan bagi kawasan Kampung Orang Asli. Saya ingin menyatakan bahawa ramai di kalangan Orang-orang Asli ini masih tertinggal dari segi kesihatannya dan juga kemampuan pembangunan. Jadi kita harus memberi perhatian yang penuh kepada orang-orang asli dan Orang Asal ini sebagai satu penghargaan suku kaum yang sudah lama wujud di negara kita. Seperkara lagi saya ingin menyentuh tentang Alam Sekitar. Di kawasan saya terdapat penternakan khinzir secara kuno atau secara lama yang mana kita harap pengswastaan untuk menternak khinzir moden atau pun *modern* farming diteruskan kerana khususnya di kawasan Kampung Batu Laut bawah DUN Tanjong Sepat Alam Sekitarnya telah terjejas lama sekali menunjukkan bahawa kawasan ini mengalami satu hakisan dan juga mengalami perubahan Eco Sistem yang begitu teruk. Kalau di sini lu terkenal dengan wujudnya dalam lumpuh wujudnya longkang di

akal kayu bakar tetapi sekarang sudah hampir lopus dan kalau kita lihat keadaan cuaca atau pun udara di kawasan ini terlalu tercemar tidak bermakna dengan adanya ikan yang baru naik dari laut. Kalau kita masak gulai ikan kerapong atau pun ikan jenahak bersama dengan sambal petai, bersama dengan sambal belacan berulam Raja dan juga udang yang baru naik dari laut tetapi udaranya tidak memberi penegaran maka patahlah selera untuk kita makan bersama. Ini menunjukkan bahawa kawasan ini telah tercemar dengan begitu teruk maka kita harapkan supaya kawasan ini dapat diberi keutamaan untuk mendirikan *modern feed farming* ini sebagai satu agenda utama kerana berpuluhan tahun kawasan ini telah dicemar dengan najis khinzir begitu lama. Jadi saya harap Kerajaan akan memberi perhatian sepenuhnya dan juga seperkara lagi baru-baru ini Yang Berhormat telah berkunjung ke daerah Sepang di mana kita telah meminta pihak Pejabat Daerah supaya merezabkan tanah lebih kurang 20 ekar untuk didirikan hospital untuk keperluan khususnya daerah Sepang terutama bagi penduduk Tanjong Sepat dan juga Sg Pelek. Walau bagaimana pun saya faham Kerajaan Negeri hanya boleh memperuntukkan atau memberi bidang 20 ekar tanah tetapi peruntukan adalah datang daripada Kerajaan Pusat. Maka menjadi keperluan di kawasan saya kerana keadaan hospital yang ada terlalu jauh. Kalau dari Tanjong Sepat kita harus ke Banting yang mengambil masa hampir setengah jam dan ramai di kalangan pesakit yang sampai di hospital dalam keadaan yang tenat. Begitu juga di Sungai Pelek. Kalau nak ke Banting, lagi jauh dan perlukan perjalanan sama ada ke Seremban ataupun ke Nilai. Saya harap dengan adanya pembangunan-pembangunan yang membantu masyarakat khususnya di luar bandar, maka akan menyelesaikan beberapa masalah dan juga bebanan yang ditanggung oleh masyarakat khususnya di kawasan luar bandar. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana telah mengambil berat di atas pembangunan semua, sama ada di kawasan bandar dan juga luar bandar khususnya kepada golongan-golongan belia. Yang kita lihat telah diberi keutamaan dan saya berharap di kawasan saya, popular iaitu antaranya sukan perahu layar. Jadi kita harap tidak akan tertinggal di DUN Tanjung Sepat untuk mendapatkan pembangunan untuk para atlet daripada sukan layar. Jadi akhirnya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya dan saya ingin nyatakan di sini apa juga yang kita bawa perbahasan tentang belanjawan, sama ada isu air yang telah dibangkitkan, maka kita harap akan mendapat penjelasan yang sepenuh-penuhnya daripada Yang Amat Berhormat pada penggulungan beliau nanti, InsyaAllah. Jadi akhirnya, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya sampaikan sebuah pantun;

Pulut kuning roti jala  
Yang Berhormat Sekinchan mangan pengat,  
Bila lampu kuning sudah menyala,  
Yang Berhormat semua mestilah beringat.

Terima kasih. Assalamualaikum.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku. Sabar, sabar ya.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI** : Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker. Selamat sejahtera kepada yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang dihormati. Terlebih dahulu Kampung Tunku ingin mengucapkan terima kasih Yang

Berhormat Tuan Speaker kerana diberi peluang untuk membahas belanjawan Negeri Selangor 2019. Sebelum saya bermula, rentetan ucapan Yang Berhormat Subang Jaya dan Bandar Utama tentang kecederaan ahli bomba berkaitan isu Kuil Sri Mahamariyaman, Seafield. Saya rasa kita di Dewan yang mulia memikul tanggungjawab untuk menunjukkan sikap kepimpinan yang menyatukan rakyat. Ya, mungkin marah, mungkin kita sedih, tetapi sementara kita berusaha menegakkan keadilan, kita juga harus menyatukan dan mengamankan rakyat.

Belanjawan Negeri Selangor 2019 merupakan belanjawan yang sangat progresif dan menampakkan kesungguhan untuk memperkasakan rakyat terutamanya anak muda Selangor. Tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri atas usaha ini. Saya ingin menyentuh tentang tiga perkara. Yang pertama gugusan pendidikan, yang melibatkan Gombak, Serdang dan Hulu Langat. Tahniah diucapkan atas satu semangat besar dalam merencanakan gugusan pendidikan, The Boston of Malaysia, dengan izin. Kita semua tahu bahawa Boston merupakan tuan rumah kepada institusi pendidikan tinggi yang tersohor, Harvard University dan Massachusset Institute of Technology, MIT. Secara kebetulan saya baru pulang dari Boston setelah menyertai, dengan izin, Professional Fellow Programme oleh US Department of State. Di bawah program tersebut, saya diberi peluang untuk meluangkan masa selama 4 minggu di dewan Negeri Massachusset, dengan bimbingan dua orang wakil rakyat di sana. Memetik ucapan Dato' Menteri Besar, gugusan pendidikan akan menjadi pelantar yang akan memberdayakan anak muda kelompok akademia dan warga penyelidik. Sejumlah 87.64 juta diperuntukkan untuk tujuan ini. Antara program yang bakal yang dilaksanakan adalah ekspo pendidikan dan pembangunan yang akan mengetengahkan hasil penyelidikan institusi pengajian tinggi tersohor dalam gugusan pendidikan ini. Kampung Tunku menyokong sepenuhnya visi kerajaan negeri ini, namun saya ingin meminta penjelasan mengenai rancangan kerajaan negeri. Tuan speaker, boleh dikatakan ada empat faktor yang menyumbang kejayaan Boston sebagai destinasi pendidikan tinggi iaitu dana, tanah yang cukup untuk pembinaan makmal, rangkaian pengangkutan awam antarabangsa dan intellectual capital, dengan izin. Bagi faktor intellectual capital, dengan izin, Boston mempunyai dua puluh sembilan buah kolej dan universiti, di mana kekuatan R & D mereka terletak dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan teknologi. Misalnya kehebatan MIT dalam R & D bidang kejuruteraan telah menarik Syarkat Boeing untuk menyewa kawasan seluas 10,000 kaki persegi dalam kampus MIT. Selain itu kadar kekal bakat atau talent retention red, IPT Boston setinggi 60% yang menunjukkan ramai, ramai graduan memilih untuk menetap dan bekerja di Boston selepas menamatkan pengajian. Kadar kekal bakat yang tinggi ini mewujudkan satu kitaran yang positif, di mana bakat yang diasah di Boston akan terus kekal di Boston dan seterusnya menjadi faktor penarik kepada orang luar untuk berkunjung dan belajar di Boston. Melihat di Selangor, gugusan pendidikan dalam belanjawan mempunyai 43 buah kolej dan universiti. Soalan Kampung Tunku kepada Kerajaan Negeri adalah ;

- 1) Apakah bidang R & D yang bakal ditumpukan oleh Kerajaan Negeri dan apakah institusi pendidikan yang disasarkan untuk menyertai dan memperkayakan intellectual capital, dengan izin, dan;
- 2) Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk menggunakan hasil R & D untuk tujuan komersil, dan sekiranya , ya, apakah bidang yang bakal ditumpukan di

samping itu Kampung Tunku juga ingin bertanya ekspo Penyelidikan yang dicadangkan. Adakah Ekspo Ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri atau pihak swasta. Sekiranya pihak swasta, saya berharap, Kerajaan Negeri akan menjalankan tender terbuka meneruskan amalan good governance, dengan izin.

Tuan Speaker, saya berharap pihak Kerajaan Negeri dapat melakukan anjakan paradigma terhadap fungsi IPT dalam menggagaskan pendidikan ini. Tak guna kita gugusan pendidikan yang berteknologi tinggi dan menarik bakat luar negeri tetapi tidak memberi impak kepada impak positif kepada masyarakat setempat. Saya fikir elok jika Kerajaan memberi penekanan terhadap impak yang menjangkaui kesan ekonomi sahaja. Gugusan pendidikan ini haruslah mendekatkan menara gading dengan masyarakat setempat. Ketika saya berada di Boston, saya mendapati IPT di sana jauh lebih terbuka dan rapat dengan orang awam. Contohnya Harvard mempunyai stesen trem tersendiri, terdapat rangkaian prasarana yang menyeluruh, kedai buku, restoran, taman permainan, sehingga Harvard bagaikan suatu bandar. Dengan erti kata lain, IPT menjadi sebahagian daripada masyarakat setempat. Ini penting supaya mahasiswa mahasiswi yang keluar daripada menara gading, memahami denyut nadi rakyat yang membiayai pembinaan kolej dan universiti mereka. Inilah contoh impak menjangkaui kesan ekonomi yang saya maksudkan. Dalam erti kata lain, dari negeri kita datang, kepada negeri kita kembali. Bandingkan dengan kebanyakan IPT di Malaysia, nak masuk kena lalu pintu gerbang, nak keluar ada *curfew*, dengan izin. Interaksi antara IPT dan masyarakat setempat tidak mempunyai hubungan baik bagi aur dengan tebing. Malah boleh dikatakan mahasiswa mahasiswi kita seolah produk yang dihasilkan dalam kilang berpagar sahaja. Dijadikan tenaga kerja memenuhi keperluan pasaran. Akhir perkara ini, Kampung Tunku sedia menyokong visi gugusan pendidikan Kerajaan Negeri. Bagi menunjukkan kesungguhan, saya bersedia mencadangkan beberapa pakar daripada universiti dan Kerajaan Negeri Massachuset yang mampu memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri Selangor demi menjayakan projek ini. Dengan izin Dewan yang mulia, saya ingin beralih ke perkara seterusnya iaitu kesihatan mental. Kita sedia maklum bahawa Negeri Selangor negeri yang terkaya dan termaju dalam Malaysia. Namun, saya ras sedikit kesal kerana Kerajaan Negeri masih gagal mewujudkan kategori khas untuk peruntukan kesihatan mental. Dalam ucapan belanjawan 2019, terdapat peruntukan RM2 juta untuk kategori bersama bagi gaya hidup sihat dan pemakanan sihat dan kesihatan mental. Dalam kita mendabik dada, menjadi negeri terkaya dan termaju, kita tidak boleh manafikan semua ini akan membawa tekanan. Jadi, kita sebagai kerajaan negeri kena bersedia untuk menangani isu kesihatan mental. Analogi mudah, penggerak kereta itu enjin. Enjin pun selenggara. Kita tahu penggerak ekonomi Selangor adalah rakyat Selangor yang kuat bekerja. Kalau kita nak ekonomi kita pergi jauh, kita kena mula merancang untuk mencegah isu kesihatan mental yang mungkin dihadapi oleh penggerak ekonomi kita. Sekiranya kerajaan tidak meletakkan peruntukan khas, untuk kesihatan mental, saya khawatir ia akan ditenggelami program gaya hidup dan pemakanan sihat. Kita maklum isu kesihatan mental tidak mudah ditangani kerana stigma, kesedaran yang rendah dan juga kekurangan pakar psikiatri dan psikologi. Kategori peruntukan yang khusus bagi kesihatan mental akan menampakkan komitmen Kerajaan Negeri dalam menangani isu kesihatan mental dan menjadi isyarat kepada rakyat Selangor bahawa isu kesihatan mental, bukan sesuatu yang memalukan tetapi merupakan kesan yang wajib diambil serius dalam membangunkan sebuah negeri. Kampung Tunku menyarankan supaya kerajaan negeri Selangor menjadi pimpinan teladan, dengan meningkatkan keprihatinan dan kesedaran rakyat Selangor terhadap kesihatan mental. Sekali gus membasmi

sebarang salah faham atau prejudis terhadap golongan ini dan meningkatkan kesejahteraan mental rakyat negeri Selangor. Dan yang akhir sekali, ramai ahli dewan negeri perbahasan telah menyebut projek Smart Selangor. Akan tetapi mandat Smart Selangor lebih luas daripada wifi, bas dan tandas. Pada tahun 2016, kerajaan negeri telah menerbitkan Blue Print Smart Selangor. Namun Kampung Tunku rasa dalam belanjawan 2019, hala tuju Smart Selangor berlandaskan blue print perlu diteliti lagi. Hasilnya sesetengah projek smart Selangor seolah-olah tersasar daripada objektif. Misalnya, apps cool, dengan izin, community opinion on line, yang dilancarkan pada bulan Oktober 2017, kurang mendapat sambutan walaupun tujuan apps itu adalah untuk mendekatkan rakyat dengan kerajaan negeri. Satu lagi projek yang kurang diberi perhatian ialah Smart Pasar. Yang membolehkan penduduk Selangor mendapatkan barangan segar secara dalam talian. Yang peliknya laman sesawangnya ialah Smart Selangor pasar.com. Tetapi apabila kita melayari laman web itu, tiada Smart Selangor, tiada branding Smart Selangor, dengan izin, tuan speaker. Jadi persoalan yang timbul ialah mengapa Smart Selangor memasuki pasaran ini, dengan seorang existing market player, dengan izin. Kedua, di manakah value add, dengan izin, kepada visi dan misi Smart Selangor. Kampung Tunku berharap agar kerajaan negeri dapat meneliti semula hala tuju Smart Selangor. Jangan kerana kita nak buat benda cool, dengan izin, kita tersasar dari hala tuju.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku, sila landing.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI** : ohh.. sudah hampir pengakhiran, jadi Kampung Tunku berkeyakinan bahawa Kerajaan Negeri ikhlas dalam merangka satu belanjawan yang baik untuk rakyat. Dengan ini saya mohon menyokong belanjawan Negeri Selangor 2019. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Yang Berhormat Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan jutaan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri di atas pembentangan bajet ataupun belanjawan Kerajaan Negeri Selangor untuk tahun 2019. Dan pada petang ini Templer akan menyebutkan beberapa perkara berkenaan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Yang pertama soal berkaitan apa yang telah disebut Ketua Pembangkang berkaitan dengan Stadium Shah Alam. Disebutkan oleh Ketua Pembangkang soal berkaitan dengan masalah atap yang kita lihat di Stadium Shah Alam dan dilaporkan kepada kita dan ada youtube semasa final Piala Malaysia baru-baru ini menyatakan kepada kita atap jatuh. Atap Stadium Shah Alam jatuh menimpa kepada penonton-penonton yang hadir. Saya rasa ini satu perkara yang saya rasa tidak boleh diterima kerana Selangor adalah yang pertama merupakan negeri maju dan Stadium Shah Alam merupakan kebanggaan seluruh masyarakat dan rakyat dalam negeri Selangor. Sebab itu saya mendesak Kerajaan Negeri seharusnya memberikan peruntukan yang sewajarnya untuk membaiki segera atap Stadium Shah Alam yang menjadi kebanggaan kita selama ke hari ini. Ini yang pertamanya. Yang keduanya juga berkaitan Stadium Shah Alam juga, dilaporkan kepada kita semasa pertandingan akhir Bola Sepak Piala Malaysia berlaku banjir kilat. Negeri Selangor dipilih, Stadium Shah Alam dipilih sebagai tuan rumah untuk Perlawanan Bola Sepak Piala Malaysia tetapi mendukacitakan

apabila dimaklumkan bahawa Stadium yang menjadi kebanggaan kita telah berlaku banjir kilat. Dan dilaporkan juga ada 5 pam yang sudah dipasang tetapi tidak berfungsi. Sebab itu saya mahu di Dewan Yang Mulia ini supaya kita mengambil perhatian yang agak serius soal dengan kemudahan sukan sebab sukan bola sepak satu sukan yang diminati oleh seluruh masyarakat dan rakyat dalam negara kita ini. Bukan setakat dalam negara kita. Tetapi di seluruh dunia. Maknanya kalau ada sukan bola sepak kita sanggup berjaga 2 pagi, 3 pagi, 4 pagi, 5 pagi, 6 pagi kita sanggup berjaya untuk melihat perlawanan bola sepak di kaca-kaca televisyen di rumah. Soal ke-3, saya lihat Stadium Shah Alam produk pelancongan yang boleh kita manfaatkan. Mungkin ada di kalangan kita, Yang Berhormat yang mungkin mempunyai sedikit lebih wang mungkin Tuan Speaker, mungkin EXCO-EXCO kita mempunyai lebih wang untuk boleh bercuti, yang boleh melawat ke United Kingdom atau pun di England. Kebiasaan di tempat yang akan kita lawati adalah stadium-stadium bola sepak contohnya Stadium Manchester United, Thomas Stadium, contohnya Liverpool dan stadium ini dijadikan sebagai produk pelancongan oleh pasukan bola sepak baik di Manchester United ataupun di Liverpool dan saya hendak beritahu saya tidak minat Manchester United, saya tidak minat Liverpool, tetapi kita boleh menjadikan contoh

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat minat apa?

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Semalam saya sebut renang hari ini saya telah beralih pula, gimnastik. Jangan selalu kacau sangat, nanti menjadi masalah ni. Banyak benda hendak sebut ni. Dalam masa yang sama kawan-kawan yang di luar tu pun “Tolong cakap. Tolong cakap” Jadi kita minta Kerajaan Negeri tengok. Maksudnya kalau pandai kata nak utuslah kami Yang Berhormat- Yang Berhormat ni untuk pergi belajar mana cara Manchester United, mana cara Liverpool membangunkan stadium sebagai tempat pelancongan insya-Allah Taman Templer dan juga Jeram sedia untuk memikul. Aaa...Pelabuhan Klang pun hendak juga. Pelabuhan Klang juga bersedia untuk memikul tanggungjawab ini untuk menghantar kami duta, untuk melihat Stadium Manchester United dan juga Stadium Liverpool. Dan keduanya, soal berkaitan IPR banyak dah Yang Berhormat-Yang Berhormat menyebutkan hal berkaitan IPR. Saya hendak sentuh sikit sahaja. Saya setuju bagi IPR ini contohnya KISS. Saya kalau dalam ucapan di kawasan saya jika sebut KISS tu makcik-makcik tu gelaklah. Saya kata makcik KISS ini Kasih Ibu Smart Selangor dia ingat kiss yang belah malam tu. Belah malam itu saya kata itu lain. KISS ini Kasih Ibu Smart Selangor kita bagi RM200 sebulan kepada penerima-penerima. Saya hendak minta sangat-sangat maksudnya kita mentaliti masyarakat dan rakyat. Maksudnya kalau boleh sikap memberi itu baik, dipuji tetapi maksudnya Kerajaan Negeri kena ada insentif-insentif ataupun *skill* yang membolehkan penerima-penerima satu hari nanti tidak menerima KISS ini lagi tetapi mereka berusaha dengan keupayaan yang ada pada mereka. Mungkin mereka boleh menyusulkan perniagaan secara kecil-kecilan ataupun mereka buat kuih dari rumah yang boleh dipasarkan kepada mereka-mereka yang berada di luar sana. Sebab makanan ni, orang makan hari-hari. Kalau beli baju itu kurang-kurangnya mungkin baju ini setahun dua kali macam baju Melayu/baju kebangsaan ni. Mungkin kita beli setahun 2 kali contohnya, kita pakai pun pada Hari Raya Aidilfitri/Aidiladha ataupun dalam persidangan-persidangan itu contoh, itu contoh. Yang ke-3 tidak tahuolah ataupun yang ke-4 soal berkaitan dengan peruntukan Ahli Dewan Negeri. Ya, ada di kalangan EXCO disebut RM800 000.00 di bagi ke Ahli Dewan Negeri ini cukuplah dia kata. RM800,000.00 tu hendak bagi tahu memanglah tidak cukup. RM800,000.00 kalau pakai sorang memang banyak tapi

RM800,000.00 ni kita hendak agihkan kepada seluruh masyarakat dan rakyat di DUN kita, memang tidak berapa nak cukup RM800,000.00 sebab dulu kita tidak dapat Persekutuan hari ini kita dapat Persekutuan. Dulu sekolah rendah tak minta dengan kita. Yang Berhormat EXCO, dulu sekolah menengah tidak minta dengan kita Yang Berhormat EXCO. Dulu PIBG tidak minta dengan kita, Yang Berhormat EXCO. Dulu KRT tidak minta dengan kita Yang Berhormat EXCO. EXCO ada tambahan bajet RM800,000.00. Itu kadang-kadang kita tengok di dewan yang mulia ini saya ingin menyarankan peruntukan untuk Ahli Dewan Negeri di negeri Selangor dinaikkan kepada RM800,000.00 kepada RM1 Juta. EXCO tidak tepuk pun. EXCO macam tidak berapa hendak setuju. Peruntukan ini kita hendak berikan kepada masyarakat

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Taman Templer.

**TUAN SPEAKER:** Templer ada pencelahan sikit.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Nampaknya EXCO berminat dengan saya. Maksudnya umpan saya sudah mengena.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Taman Templer kenalah tenang. Tenang ya. Perkara ini kita bincang dengan baik. Semangat berkobar-kobar boleh tapi itu kena selesai. Kita kena tengok kemampuan. Yang pertama saya hendak betulkan EXCO ada lebih RM300,000.00 bukan untuk satu kawasan tapi untuk Selangor. Kadang-kadang ADUN minta kepada EXCO walaupun dia ... saya tidak hendak sebut nanti tersinggung pula. Kita kena jaga satu Selangor, ADUN jaga kawasan sendiri sahaja. Jadi tambahan itu agak untuk ... jangan-jangan diputar belitkan seolah-olah kita ada yang lebih untuk tujuan lain. Tidak. Keduanya, kita kena tengok kemampuan kita kalau kita tengok bajet Persekutuan ia sampai RM270 Bilion kita hanya 2.4 Bilion. 100 gandaannya 100, dan itu bidang kuasa kita dan itu bukan tanggungjawab kita. Jadi kalau ada sekolah, saya pun ada menghadapi masalah yang sama. Dulu sekolah menengah tidak minta, sekolah kebangsaan pun tidak minta. Jadi sekarang ini minta, jadi kita kena agih kurang sikit daripada yang dulu kita bagi. Itu cara kita, itu yang kita maksudkan pengurusan kewangan. Kita kena pandai mengurus kewangan kalau kawasan kita pun tidak pandai nak urus bagaimana hendak jadi EXCO lain kali. Taman Templer pun hendak jadi EXCO juga. Kita kena belajar, semua orang ada kekangan tersebut. Kalau boleh kita hendak tambah semua, semua sekali ganda. Tahun ini kita terpaksa turunkan bajet sebabnya kekangan. Yang Berhormat Ijok pun tunjukkan hasil kurang, premium kurang. Orang tidak membangun dia hendak tunggu dia tak nak bayar kita tidak boleh paksa, nanti dikatakan kita zalim. Jadi kita kena ikut kemampuan kita. Kalau kita untung RM1 kita belanja RM1 jangan kita untung RM1 kita belanja RM2. Itu yang saya hendak ingatkanlah! Semangat berkobar-kobar boleh tapi kena realistik. Tenang sikit. Jangan semangat itu tinggi sangat nanti membakar pula. Jangan ikut dua hari ini, jangan terikut-ikut dengan itu. Ok. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Yang Berhormat EXCO telah bagi jawapan kepada saya andai satu hari nanti kalau saya duduk sebagai EXCO di situ. Kalau dikata ADUN bertanya jawapannya sudah ada. Betullah! Yang Berhormat EXCO pun kena tahu yang bercakap ini Ketua Pemuda Amanah Nasional. Begitulah. Mungkin Yang Berhormat EXCO tidak berapa nak.

**TUAN SPEAKER:** Dia kena garanglah.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Garanglah sikit. Tapi bukanlah bermaksud bila kita garang itu kita tidak kasih. Itu beza kasih tetap kasih. Tapi kalau peruntukan boleh kasi sikit ke RM1 Juta lagi bertambah kita kasih kepada pihak Kerajaan Negeri dan juga EXCO. Kemudian yang ke-4, saya hendak menyebutkan hal berkaitan dengan kemudahan OKU yang mungkin ada juga disebut oleh teman-teman dan sahabat-sahabat Yang Berhormat yang lain sebelum ini. Kemudian saya menyambut baik hasrat Kerajaan Negeri Selangor melalui Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menyatakan bahawa satu litar lumba motor yang akan dibina ataupun didirikan di dalam kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Tua. Pada saya ini merupakan satu penghormatan yang sangat baik khususnya anak-anak muda kita yang meminati bidang permotoran. Sebab pada satu hari nanti kita hendak supaya anak-anak muda di Selangor ini akan lahir sebagai pelumba-pelumba motosikal yang bernama. Zaman-zaman saya dulu tengok motosikal saya kenal dengan nama Randy Mabola. YB EXCO kenal nama Randy Mabola? Pelumba motor dulu ni. Seorang lagi Radespencil. Zaman-zaman saya dululah. Saya tengok. Saya hendak supaya akan lahir nanti bakat-bakat pelumba motor daripada daripada negeri Selangor. Sudah tentulah menjadi satu kebanggaan kepada pimpinan negeri Selangor secara keseluruhannya. Seterusnya saya hendak menyebutkan hal berkaitan dengan sekolah-sekolah KAFA yang terdapat dalam negeri Selangor ini. Pendapatan sekolah-sekolah ini saya rasa memerlukan pemerhatian yang lebih sikit daripada pihak Kerajaan Negeri kerana ada bangunan-bangunan yang sudah uzur, peralatan-peralatan seperti kerusi meja yang dilaporkan kepada kita yang memerlukan sedikit suntikan daripada pihak Kerajaan Negeri. Saya pun tidak hendak berapi-api sangat. Sebab nanti EXCO tidak boleh hendak tahan. Dan yang seterusnya, soal berkaitan dengan kesihatan, dalam perbahasan sesi yang lalu saya sudah bangkitkan masalah di kawasan DUN Taman Templer. Taman Templer, taman! Kemudian templer ni nama orang putih! Taman Templer. Berkaitan dengan Pusat Kesihatan di Kampung Selayang Baru. Saya hendak minta EXCO kesihatanlah. Saya hendak minta kakak saya ini kalau boleh kena jeling-jeling, jeling-jeling sesekali itu pun untuk pusat-pusat kesihatan terutamanya di kawasan-kawasan yang padat penduduknya sebab pusat kesihatan yang saya maklumkan dan saya pun telah pergi tengok umurnya pun telah menjangkau hampir 50 tahun pusat-pusat kesihatan ini yang memerlukan mukim sedikit suntikan ataupun mungkin menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri ataupun daripada Kerajaan Persekutuan untuk kita membesar luaskan pusat-pusat kesihatan yang terdapat bukan sahaja terdapat di Taman Templer mungkin di seluruh kawasan-kawasan Dewan Undang Negeri yang terdapat dalam negeri Selangor.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Yang Berhormat saya hendak bertanya.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Ya.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Sebab saya dalam sidang DUN jadi saya cakap dalam sidang DUN lah! Cakap-cakaplah! Dalam mesyuarat memang. Saya hendak habiskan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Banting.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Saya hendak habiskan hujah

**TUAN SPEAKER:** Jadi tidak perlu bagi ya?

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Eh! Dia sahabat saya. Dia sahabat saya. Saya wajib bagi kepada dia.

**TUAN SPEAKER:** 5 sahabat ke? Sahabat baik? 5 sahabat ke lain?

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Itu 5 bersaudara. Itu 5 bersaudara. Ini sahabat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya hendak bertanya .

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** 5 bersaudara ini pun kita raikan juga cuma hari ini tinggal satu saudara sahaja. Silakan Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Taman Tampler sama ada yang dimaksudkan itu Pusat Kesihatan ataupun Klinik Kesihatan? Kalau Pusat Kesihatan dia termasuk bawah ... lain jika Klinik Kesihatan ia terletak di bawah Kementerian Kesihatan jadi ingin bertanyakan penjelasan. Klinik ataupun Pusat?

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Saya faham itu Yang Berhormat Banting cuma ialah tempat untuk kita mengadu kepada EXCO kitalah! Sebab kita tahu ada bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan cuma ruang inilah! Ruang yang terbaiklah! Kepada-kepada kami untuk menyuarakan permasalahan kami sebab kalau dalam mesyuarat JKTD ataupun mesyuarat *full board* itu kita kata satu medium ataupun satu medan yang tidak berapa hendak kenalah. Kalau macam mesyuarat JKTD dia lebih kita membincangkan berkaitan dengan longkang, parit, jalan dan sebagainya. Andai kata hendak bertanya lagi sila bangkit. Saya boleh beri laluan insya-Allah.

**TUAN SPEAKER :** Macam gaya EXCO.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** YB Teng dalam bahayalah kalau macam tu.

**TUAN SPEAKER :** Kena panggil Yang Berhormat. Jangan YB Teng. Yang Berhormat Bandar Baru Klang.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Ya Yang Berhormat Bandar Baru Klang. Dalam bahaya. Dalam bahaya. Kedudukannya dalam bahaya.

**TUAN SPEAKER :** Rampas kerusi EXCO.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN:** Kemudian seterusnya, terima kasih. Saya hendak menyebutkan saya sangat bersetuju lah dengan apa yang disebutkan oleh Y.A.B. Menteri Besar soal berkaitan dengan kursus perkahwinan kepada belia-belia ataupun pemuda-pemudi kita yang akan melangsungkan perkahwinan. Cuma pada saya kursus perkahwinan ini juga perlu juga kita berikan kepada mereka yang sudah berumah tangga sebab hari ini bukan kursus poligami tapi maksud tu satu kursus perkahwinan untuk kita *refresh*, untuk kita berikan motivasi, untuk kita *remind* balik sebab banyak kejadian-kejadian perceraian yang berlaku pada hari ini, kita sangat terkejut bila kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Masyarakat masalah perceraian yang berlaku dalam negara kita ini adalah disebabkan bercerai sebab suami

kuat kentut, bercerai. Bercerai sebab suami kuat kentut, bercerai sebab isteri suka makan dalam kereta, bercerai sebab isteri suka basuh baju waktu malam. Ini sungguh memeranjatkan kita. Sepatutnya makin majunya negara kita ini, bangunan pencakar langit sepatutnya masyarakat kita ini bertambah, bertambah maju. Tapi hari ini kita tengok bagaimana runtuhnya institusi kekeluargaan dalam negara kita disebabkan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi. Sebab itu saya hendak menyarankan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya menyegerakan kursus-kursus yang saya tidak tahu lah apa namanya mungkin boleh kita katakan kursus-kursus *ops pasca perkahwinan* untuk kita berikan kepada mereka yang mungkin sudah berumah tangga lima tahun, 10 tahun, 15 tahun ataupun 20 tahun. Ini kerana pada saya kalau runtuhnya institusi keluarga bayangkan akan hancurlah institusi-institusi negara yang kita cintai ini. Seterusnya, saya hendak menyebutkan soal berkaitan dengan pembinaan padang-padang futsal yang saya turun memang diperlukan terutamanya oleh golongan muda yang terdapat dalam Negeri Selangor. Bukan setakat kita bina kita tinggal tetapi maksudnya kita bina dan kita selia sebab pendapatan saya tengok ada gelanggang-gelanggang futsal yang kita bina ini kita tinggal sebab tidak diselenggarakan dengan baik. Sebab itu saya ingin menyarankan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya soal berkaitan dengan pembinaan gelanggang-gelanggang futsal ini dapat diperbanyakkan untuk memberi manfaat kepada golongan golongan muda yang terdapat dalam Negeri Selangor. Seterusnya, saya hendak menyebutkan soal berkaitan dengan Hub Agro Angkasa yang disebutkan oleh Yang...hah? Aero? Dia salah taip ke saya sebut salah ni? Haaa..ini dua benda yang berbeza Yang Berhormat EXCO. Salah sebut dengan salah taip. Haaaa...yang itu. Tapi kadang-kadang kita pun kadang-kadang bukan boleh ingat semua benda Yang Berhormat EXCO. Kan? Kadang-kadang. Tambah pula sudah petang. Hari itulah maksudnya kan? Soal berkaitan dengan, sekali lagi apa? Aero, Aero Angkasa. Hasrat kerajaan untuk mewujudkan Aero Polis di Selangor meliputi beberapa kawasan dan daerah berhampiran lapangan terbang adalah satu perkara yang amat dinanti-nantikan. Sepatutnya sudah lama kita ambil peluang ini kerana Selangor mempunyai dua buah lapangan terbang. Namun begitu, persoalan saya apakah peluang yang boleh diambil oleh rakyat setempat dalam merangka memberi peluang kepada rakyat untuk mengambil bahagian dalam limpahan projek ini? Suka saya mencadangkan supaya kerajaan dapat mewujudkan medan selera dalam berskala besar berhampiran lapangan terbang ini untuk memberi manfaat bukan sahaja kepada pengguna lapangan terbang bahkan kepada peniaga-peniaga juga pengunjung. Sebab kalau kita pergi ke KLIA ataupun KLIA2 kita tengok ramai yang menunggu pasangan ke ataupun keluarga ke, nak ambil kawan ke, duk parking kereta dekat tepi jalan itu. Tidak ada kedai untuk, tapi ya lah dia bercanggah sikitlah sebab kita hendak mempromosikan SLIM saya minta buat kedai pula. Ini bukan apa, untuk membolehkan, untuk membolehkan masyarakat kita, masyarakat kita. Kita hendak didik, kita hendak masyarakat kita supaya bijaksana dalam urusan berkaitan dengan perniagaan. Kita beri ruang dan juga peluang kepada masyarakat dan juga rakyat kita ini untuk meniaga. Begitu juga dari sektor pertanian. Negara kita ini mengimport hampir 30% makanan daripada luar, daging daripada India, daging daripada Australia, sayur daripada Thailand. Kenapa tidak Kerajaan Negeri Selangor selain daripada kita hendak menjadikan Selangor ini sebagai negeri perindustrian, negeri maju saya hendak minta juga supaya Negeri Selangor, Negeri Selangor ini juga dikenali dengan negeri pertanian, negeri yang mampu untuk membekalkan sumber makanan kepada seluruh masyarakat dan rakyat dalam negara kita ini. Sebab kita banyak tanah. Sekinchan banyak tanah. Cuma baru ini saya pergi Sabak Bernam. Saya pergi Sabak Bernam baru ini. Memang betul apa yang disuarakan oleh pembangkang. Yang ini saya

sokong, yang ini saya sokong. Jarang saya hendak sokong pembangkang ini, yang ini. Soal berkaitan dengan jalan teruk sangat daripada Sabak Bernam sampai Kuala Selangor itu, jalan itu memang teruk sangat. Memang teruk sangat. Saya hendak mintalah kalau boleh pihak Kerajaan Negeri jangan sampai yang sini pergi ke sana nanti jadi masalah yang itu. Hendak minta sangat supaya pihak Kerajaan Negeri supaya fokus dan serius untuk melihat soal berkaitan dengan kemajuan kerja di jalan di antara Sabak Bernam hingga ke Kuala Selangor itu. Kesian kepada, kepada orang di Sabak Bernam, Sungai Besar itu, walaupun mereka tidak menyokong kita lagi tapi *Insya Allah* andai kata jalan ini dapat kita siapkan cepat *Insya Allah* mari pilihan raya yang akan datang *Insya Allah* sahabat saya sebelah ini tidak adalah nanti *Insya Allah*. Seterusnya Speaker, soal berkaitan dengan pemantapan...

**TUAN SPEAKER :** *Landing lah ya, landing.*

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN:** Ada masa lagi ya?

**TUAN SPEAKER :** Sikit lagi lah ya, sikit lagi.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN :** Ya, ya, ya. Saya pun sikit lagi.

**TUAN SPEAKER :** Oleh kerana berkobar-kobar saya bagi lagi sikit peluang

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN:** Tadi saya digangu oleh Yang Berhormat EXCO tadi.

**TUAN SPEAKER :** Gangguan daripada tadi sampai sekarang?

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN :** Ya, Ya, Ya. Jadi, saya hendak sebutkan soal berkaitan dengan pemantapan kemajuan Islam. Larilah pula kertas ni. Ya, terima kasih kita ucapan atas peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak RM1 juta untuk melantik tambahan Pengurus gred 41, Penolong Pengurus gred 29 dan Pembantu Pengurus gred 19 berstatus kontrak bagi 10 buah masjid dalam hasrat melancarkan urus tadbir negeri-negeri kariah secara profesional. Ini merupakan jumlah keseluruhan masjid yang ditadbir secara pelantikan kakitangan kerajaan meningkat kepada 43%. Saya hendak menyebutkan soal berkaitan dengan perjawatan PPMD, Pegawai...no, PPMD, PPMD, Pegawai Penyelaras Masjid Daerah yang sekarang ini gred mereka S29. Saya ingin menyarankan ataupun ingin meminta di Dewan Yang Mulia ini supaya gred mereka ini dinaikkan daripada S29 kepada gred S41. Tuan Speaker, yang terakhirnya saya hendak menyebutkan beberapa permasalahan di kawasan saya yang saya dah sebutkan dalam perbahasan menjunjung titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor dalam sesi yang lalu yang pertamanya soal berkaitan dengan pelebaran jalan daripada Selayang ke Rawang. EXCO dah janji dengan saya sebab jalan itu memang jadi masalah. Waktu pagi dia jem waktu petang pun dia jem dan masyarakat pun tanya dengan saya. Sebab itu kita sebutkan sekali lagi dalam persidangan Dewan Yang Mulia ini supaya EXCO dapat mengambil perhatian dan tindakan segera dapat dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri. Yang keduanya, berkaitan dengan soal rumah terbengkalai. Saya hendak sebutkan rumah terbengkalai yang pertamanya Apartment Topaz dan juga Apartment...lupa. Apartment Topaz dan Apartment Fairus. Saya lupa. Tapi begitulah dua apartment yang terdapat di dalam DUN Taman Templer yang mungkin boleh

mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak EXCO dan kemudiannya soal berkaitan dengan paip air di Selayang Baru yang sampai sekarang tidak digali-gali lagi. Masyarakat dah bising kepada kita. Kemudian yang terakhirnya soal berkaitan dengan banjir di Rawang, Batu 16, Kampung Melayu yang kita harapkan agar pihak EXCO dapat memberikan perhatian tentang apa yang saya sebutkan tadi. Apartment Topaz dan juga Kristal. Untuk perhatian Yang Berhormat kekanda saya, Lembah Jaya "Makan sireh terlihat dara, dara cantik memakai suasa, baju Melayu pakaian perwira, menjadi adat pusaka bangsa". Dengan ini Yang Berhormat Speaker, Taman Templer menyokong belanjawan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Sekian *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh*.

**TUAN SPEAKER :** Tidak ada lagi yang hendak berbahas ya. Ada?

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** *Bismillah hirrahman nirrahim. Nahmaduhuna solli ala rasu lil karim.* Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan kerana memberi peluang untuk saya terlibat, Kota Damansara terlibat dalam perbahasan kali ini. Dengan izin, (bacaan surah pendek). Tuan Speaker dan Ahli Dewan, Kota Damansara mengalu-alukan ucapan belanjawan yang dibuat oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar baru-baru ini di atas tiga tunggak utama iaitu merancakkan ekonomi, memperdayakan rakyat dan mensejahterakan negeri. Tuan Speaker dan Ahli Dewan, saya ingin membangkitkan isu yang sama yang telah dibangkit sebelum ini iaitu berkaitan dengan isu banjir kilat. Yang pada umumnya tahu bahawa Kampung Melayu Subang dan kini ditambah pula dengan Kampung Baru Sungai Buloh menghadapi perkara yang sama iaitu banjir kilat. Kita maklum bahawa banjir di Kampung Melayu Subang telah ada projek yang sedang berjalan pada masa ini namun pengamatan saya ataupun melalui siasatan saya awal mendapati bahawa projek itu tidak menjurus kepada penyelesaian masalah jangka masa panjang. Perjumpaan saya dengan beberapa pegawai dengan Y.B. EXCO melihat bahawa masalah banjir kilat ini disebabkan oleh sempitnya tiada *bottle neck* di Sungai Damansara di satu jambatan yang menghubungkan di antara Kampung Melayu Subang dan Subang Perdana. Saya percaya bahawa perkara itu jika dapat diselesaikan maka isu masalah banjir kilat di Kampung Melayu Subang akan dapat diselesaikan. Saya mengharapkan sangat agar peruntukan yang ada terutamanya pihak JKR dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah banjir yang berlaku akibat daripada kesempitan Sungai Damansara di atas jambatan yang menghubungkan Subang Perdana dan Kampung Melayu Subang. Saya melihat bahawa projek tersebut diluluskan dalam keadaan yang mungkin tidak melihat secara menyeluruh menyelesaikan masalah kerana ia melibatkan penempatan penduduk terutama penduduk Desa Subang Perantau. Saya rasa ataupun Kota Damansara merasakan bahawa sekiranya sungai tersebut diselesaikan, dilebarkan atau di jambatan tersebut dibesarkan maka tidak perlu penempatan semula penduduk-penduduk tersebut kerana mereka ini telah lama di situ dan saya harap Kerajaan Negeri melihat semula projek tersebut dan menjadikan ia sebagai penyelesaian masalah untuk jangka masa panjang. Selain daripada itu, Kota Damansara juga menyokong usaha memperdayakan, memperdayakan ekonomi, merancakkan ekonomi, maaf ya, institut memperdayakan pekerja ya. Institut tersebut....

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Minta maaf.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Saya tidak tahu ke arah mana...

**TUAN SPEAKER** : Ya, Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Yang Berhormat, saya dengar memperdayakan, *please*.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Memperdayaan, maaf.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih.  
Memberdayakan

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Memberdaya.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Beza sangat tu memperdaya dengan memberdaya.

**TUAN SPEAKER** : Ya, ya. Ayat jelas ya Yang Berhormat. Kalau tidak nanti handsard itu mengelirukan.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Memberdaya pekerja. Institut memberdaya pekerja. Pemberdayaan pekerja. Kita harap bahawa institut ini bukanlah sekadar institut sahaja tetapi ia dijadikan sebagai *label centre* dengan izin di mana pekerja-pekerja dapat mengeluarkan masalah mereka yang membabitkan hak pekerja. Saya mencadangkan agar institut tersebut melihat juga atau pun mempromosikan beberapa akta yang melibatkan hak pekerja. Antara Iain Akta Pekerja 1955, Akta Perusahaan 1967 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959. Saya juga mengharapkan bahawa institut tersebut dapat mempromosikan beberapa ILO Convention. Antaranya ILO 87 dan ILO 98 dan di samping itu juga saya mengharapkan juga bahawa institut tersebut dapat melihat dengan izin *code of conduct industrial harmony*. Kenapa Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, kita berdepan dengan masyarakat pekerja yang rata-rata tidak tahu apakah hak mereka. Saya berdepan dengan satu orang pekerja di mana beliau telah dibuang kerja dan beliau sendiri tidak tahu hak pekerja apabila dibuang. Contohnya Seksyen 20 di mana beliau berhak untuk mendapat *restatement* dengan izin. Jadi Tuan Speaker saya mengharapkan bahawa institut ini akan jadi sebagai pemudah cara antara golongan pekerja dan majikan. Dan Selangor sebagai negara peneraju menerajui dalam usaha memberdayakan golongan pekerja ini. Saya melihat isu yang paling utama pada golongan pekerja di Selangor khususnya ialah kita berdepan dengan golongan pekerja asing. Kita berdepan dengan lambakan pekerja asing yang begitu ramai. Mungkin dulu kita kata pekerja ini khusus untuk 3D iaitu *dirty, dangerous and difficult*. Namun Tuan Speaker dan Ahli Dewan kita hari ini berdepan dengan golongan pekerja asing yang tidak memerlukan tenaga kemahiran yang tinggi. Kita ada golongan tenaga asing yang bekerja di *gus station*, di depan kaunter dan sebagainya yang mana tidak melibatkan kemahiran pekerja. Jadi saya harap dengan adanya institut ini, institut ini dapat mengkaji apakah masalah-masalah pekerja, tenaga buruh khususnya di Negeri Selangor. Dengan ini kita akan dapat memastikan bahawa lambakan kaum pekerja asing di Malaysia khususnya di Negeri Selangor dapat dikurangkan dan pekerja terutamanya warga Negeri Selangor tidak di anak tirikan. Untuk makluman semua bahawa pekerja asing akibat daripada pekerja asing ini akan menyebabkan aliran tunai yang begitu banyak mengikut rekod.

Aliran tunai sahaja oleh pekerja asing ini terutama pekerja-pekerja Indonesia, Bangladesh dan Nepal hampir RM30 bilion. Oleh sebab itu, Tuan Speaker sekiranya ini terus berlaku ini akan merosakkan rancakan ekonomi khususnya di Negeri Selangor. Saya mengharapkan sangat supaya selain daripada yang telah saya sebutkan tadi juga mengkaji dasar gaji minimum. Alhamdulillah kita sekarang telah adapun gaji minimum di Negeri Selangor tetapi ini hanya khusus kepada penjawat awam. Namun saya mengharapkan sangat agar institut ini melihat bagaimana pendekatan yang dapat dibuat agar pekerja-pekerja swasta khususnya dapat menikmati bersama ke arah RM1,500 sebulan. Tuan Speaker, selain daripada itu saya ingin menyentuh berkenaan dengan jalan-jalan dan longkang yang di sekitar Kota Damansara. Di sana kita ada 3 kawasan kampung yang utama yang mana kebanyakan jalan-jalan ini adalah di bawah jagaan JKR. Saya mengharapkan agar terutama di sekitar Kampung Melayu Subang, Jalan Jati, Jalan Melur, Jalan Resak, Jalan Bunga Tanjung dan nama pun Jalan PKNS pun tidak diselenggarakan dengan baik. Kota Damansara mengharapkan agar peruntukan yang banyak untuk JKR dapat dilihat agar jalan-jalan tersebut dapat dibaiki dan diselenggarakan. Begitu juga dengan Kampung Subang Ehsan dan juga Kampung Melayu Subang Tambahan. Tuan Speaker di Kampung Melayu Subang Tambahan begitu lama untuk mereka mendapatkan dewan orang ramai yang sangat uzur. Jadi diminta agar peruntukan yang ada untuk tahun 2019 dapat diberi tumpuan dan keutamaan kepada dewan orang ramai dapat dibaiki dan diselenggarakan di Kampung Melayu Subang Tambahan. Tadi saya ada bangkitkan berkenaan dengan isu masalah trafik dan lalu lintas dan Yang Berhormat EXCO ada menyatakan bahawa kita menggunakan MRT tapi di Kota Damansara ini 2 jalan utama iaitu Jalan Atmosfera dan juga Persiaran Atmosfera kerana kita menyangka akan berlaku kesesakan yang amat besar dan tinggi kerana di situ akan wujudnya Rumah Selangorku yang 16 tingkat yang kita menjangka akan lebih kesesakan yang akan berlaku. Kami mengharap supaya pihak Kerajaan Negeri melihat supaya persiaran Atmosfera itu dapat dijadikan 2 aliran dan daripada 2 aliran kepada 4 atau 6 aliran. Juga Tuan Speaker saya ingin membangkitkan sekali lagi berkenaan dengan penggunaan jalan raya oleh pengguna kilang. Boleh dikatakan kilang haram di sekitar Desa Subang Permai. Saya mengharapkan agar kita dapat, pihak Kerajaan Negeri dapat mengalirkkan jalan alternatif untuk pergi ke kawasan kilang tersebut supaya kesejahteraan penduduk di kawasan Desa Subang Permai dapat dikekalkan tanpa mengganggu dan ada jalan-jalan tersebut telah rosak dan menyebabkan bangunan rumah retak dan sebagainya. Juga saya ingin menyebutkan berkenaan dengan Kampung Bunga Raya di mana saya mengharapkan penempatan untuk mereka-mereka ini dapat diberi keutamaan menggunakan Rumah Selangorku. Selain daripada itu, PPR Seksyen 8 baru-baru ini telah berlaku lintar pintas dan telah mendatangkan kerosakan kepada alatan elektrik dan sampai sekarang PPR Blok A belum dapat diselesaikan oleh pihak yang terbabit. Mengharapkan agar pihak Kerajaan Negeri dapat melihat semula agar tidak berlaku lagi perkara yang menjadi keselamatan penghuni dan harta benda. Program SLIM, Kota Damansara mengalu-alukan program SLIM dengan berjumlah RM2 juta. Namun demikian, diharapkan agar untuk memastikan perbelanjaan SLIM ini RM2 juta dapat digunakan dengan sebaik mungkin. Saya mencadangkan agar peruntukan tersebut diperincikan pelaksanaan program tersebut untuk memantau penggunaan peruntukan SLIM tersebut. Tuan Speaker, dengan kesejahteraan rakyat dalam memperkasakan Dewan, Kota Damansara menyambut baik cadangan Bukit Lanjan agar peruntukan RM2 juta digunakan dan demi memperkasakan Dewan dan di samping itu juga agar mempertimbangkan peruntukan Adun-adun mengikut persempadanan yang dibuat oleh SPR di mana pertambahan pengundi-pengundi

berdasarkan pertambahan pengundi-pengundi Adun-adun tersebut. Saya ingin juga mengingatkan semula berkenaan dengan penyelenggaraan tasik corva yang mana sampai hari ini belum diselesaikan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, ringkaskan yang terakhir.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR:** Saya mengakhiri ucapan saya dengan serangkap pantun boleh?

Kota Damansara Subang nama diberi,  
Belanjawan Selangor peneraju negeri,  
Memanda menteri dan exco bijak bestari,  
Sokongan Kota Damansara sentiasa diberi.

Sekian ucapan Kota Damansara menyokong cadangan usul Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sekian. Assalamualaikum wbt.

**TUAN SPEAKER:** Oleh sebab ramai lagi yang membahaskan jadi saya bagi 5 minit seorang. 5 minit, Semenyih.

**Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR:** Assalamualaikum, Salam sejahtera dan salam Malaysia baru. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Selangor 2019. Lanjutan pembentangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor pada hari Jumaat yang lepas. Seperti kita semua Ahli Dewan telah sedia maklum sepantas lalu pada kaca mata saya rumusan untuk merancakkan ekonomi memberdayakan rakyat dan menyejahterakan negeri yang menjadi dasar kepada Belanjawan Selangor 2019 ini adalah baik. Suatu belanjawan yang seimbang dan eksklusif dengan memartabatkan kebijakan rakyat dan berdasarkan kesempurnaan ini, Semenyih menyokong usaha tujuan dan matlamat kepimpinan Kerajaan Selangor. Sudah tentulah ia akan dilaksanakan bertunjangkan ikhtiar kerana sesungguhnya ada utusan Tuhan yang maha kuasa dalam urusan kita yang dinisbahkan ikhtiar ini, mudah-mudahan. Semenyih ingin mengulas sedikit tentang rancangan Kerajaan Negeri Selangor meningkatkan mutu kursus perkahwinan dan kekeluargaan kepada yang lebih komprehensif ini berikutan statistik kes penceraian yang sangat membimbangkan. Utusan *online* pernah melaporkan pada 14 November 2016 bahawa sebanyak 4877 kes penceraian melibatkan pasangan beragama Islam. Rekod sejak Januari 2016 hingga 10 Julai 2016. Daripada statistik itu Selangor mencatatkan kes tertinggi sebanyak 7,731 sekali gus menunjukkan institusi kekeluargaan ini semakin rapuh dan berdepan dengan cabaran yang perlu diatasi dengan segera. Kursus dan program pembangunan kekeluargaan komprehensif yang dicadangkan untuk menggantikan insentif perkahwinan belia pada pasangan baru berkahwin adalah baik dan disokong tetapi kursus pra perkahwinan kepada bakal pengantin beragama Islam seharusnya diberi perhatian dan mungkin juga memerlukan perubahan. Kalau peserta kursus bakal jemaah haji diprogramkan Tabung Haji menghadiri kursus asa intensif dan perdana selama 15 kali setiap kali sehari lamanya yang hanya akan menunaikan rukun ibadah haji selama seminggu ini kan pula bakal pasangan pengantin yang akan berkahwin dan hidup sehingga kepada anak cucu. Buat masa ini semua bakal pengantin baru hanya disyaratkan menghadiri kursus 2 hari. Kursus yang diadakan pada cuti hujung minggu.

Semenyih mengusulkan agar kursus pra perkahwinan ini juga dikaji semula modul dan inti sari merangkumi bukan saja kandungannya yang komprehensif tetapi kuantiti siri kursusnya bagi memberi impak maksima dan eksklusif. Yang Berhormat Tuan Speaker dalam memacu pembangunan ekonomi negeri antara strategi yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah pembangunan gugusan bandar yang merangkumi 13 pusat pertumbuhan strategik Semenyih. Ini adalah kawasan yang tersenaraikan. Saya mewakili rakyat Semenyih memohon perkara di bawah ini untuk diberikan perhatian dan tindakan segera oleh pihak pelbagai agensi kerajaan negeri untuk menyediakan dan menambahbaikkan prasaranan atau infrastruktur seperti berikut. Projek Tambatan dan Saliran JPS, banjir kilat yang berlaku di Kampung Sesapan Minangkabau dan Kampung Sesapan Batu Rembau di Beranang Semenyih. Limpahan Sungai Beranang yang memerlukan tindakan segera baru-baru ini. Infrastruktur di kawasan Hulu Semenyih yang sebahagiannya berlandskap dan hutan yang kaya dengan flora alam yang kaya dengan flora dan fauna ialah tempat terletaknya empangan Semenyih yang kita sedia maklum. Sejak kebelakangan ini kawasan Hulu Semenyih ini telah menerima kunjungan pelancongan yang agak signifikan dan dalam dan luar negara. Kawasan hutan rekreasi Sungai Tekala, padang Kesenian Suara Burung Merbok, Pusat Memancing Ikan Air Tawar, Semenyih Eco Venture and Recreation, Sungai Lalang Hotspring Semenyih dan pelbagai aktiviti yang bersifat pelancongan. Eco agro budaya dan sukan dan rekreasi. Ecoventure and recreation yang tanpa kita sedari selama ini mendapat perhatian apabila ia dijadikan tempat untuk menghoskan pertandingan spartan, latihan bina insan, team building, dan hari keluarga pihak korporat seperti Nasional Berhad, Petronas, CIMB Bank, Hong Leong Bank dan lain-lain. Selain itu Nirwana Memorial Park Semenyih yang berkeluasan lebih 1000 ekar. Memorial yang dikatakan paling besar dalam dunia juga menerima ribuan kunjungan orang terutamanya musim perayaan cina chin meng iaitu sembahyang kubur oleh kaum cina. Justeru itu perhatian dan keutamaan kerajaan negeri dan pihak pelbagai agensi adalah dimohon seperti berikut. Melebarkan, menaiktarafkan jalan sedia ada dari Bandar Semenyih melalui jalan Sungai Lalang ke Simpang Batu 14 Hulu Langat. Memasang lampu jalan, menaiktarafkan aspek keselamatan kawasan Hulu Semenyih adalah terlampau gelap pada waktu malam dan bahaya pada musim hujan. Menyambungkan bekalan air yang dirawat ke perkampungan orang asli yang dianggarkan lebih 1000 orang. Menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi. Menyediakan perkhidmatan bas awam daripada Semenyih sehingga ke kawasan Hulu Semenyih. Yang Berhormat, Tuan Speaker, tahun 2019 akan menjadi satu tahun yang mencabar, semoga belanjawan Selangor 2019 boleh membawa manfaat kepada semua rakyat selnagor dan membolehkan negeri Selangor terus maju dan terus berdaya saing. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan, agensi dan badan berkanun kerajaan yang telah memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat di negeri Selangor ini. Saya menyeru kepada rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini untuk berusaha lebih membantu negeri Selangor mengharungi cabaran meningkatkan kesejahteraan sosial ekonomi rakyat negeri Selangor. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Menyokong ke tidak?.

**Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR** : Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih. Kuang.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi saya ruang untuk bersama-sama dengan Yang Berhormat yang lain bagi membahaskan Pembentangan Belanjawan Selangor 2019. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengucapkan tahniah pada Yang Amat Berhormat Sungai Tua kerana telah berjaya membentangkan Belanjawan Negeri Selangor yang bertemakan Merancakkan Ekonomi Memberdaya Rakyat dan Mensejahtera Negeri yang berjumlah RM2.56 bilion. Dan agihan seimbang 50% untuk pengurusan dan 50% untuk pembangunan kita lihat ia adalah satu perbelanjaan yang bijak bagi melestarikan pembangunan Selangor pada tahun hadapan. Saya juga mengucapkan tahniah dengan kedudukan kewangan negeri yang begitu baik maka saya percaya bahawa Selangor akan terus dipacu sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara. Jika pada masa ini kita menyumbang sebanyak 27% GDP daripada Selangor dan kita berharap dan kita harap supaya tahun hadapan ataupun 5 tahun akan datang kita akan menyumbang lebih daripada 30% GDP negara daripada Selangor sahaja. Tuan Yang Dipertua di dalam 5 strategi yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua boleh kita terjemahkan sebagai pemberian ataupun hadiah pada rakyat Selangor pada keseluruhannya. Walaupun beberapa institusi peduli rakyat yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua perlu penjajaran yang sempurna. Beberapa perkara yang saya lihat yang kita lihat begitu agak tidak menyenangkan di kalangan rakyat ialah berkenaan dengan program Air Percuma. Program Air Percuma ini kita lihat ia ditingkatkan daripada 20 kepada 25 meter padu tetapi hanya di bawah M40 sahaja yang mungkin akan dapat merasai ataupun menikmati inisiatif yang dibentangkan dalam perbelanjaan 2019. Saya dengan ini suka untuk menyarankan supaya pemberian 25 meter padu air percuma ini dikaji semula ataupun diletakkan di jajaran yang lebih tepat dengan 20 meter padu kepada 15 meter padu dan ia harus diberikan kepada seluruh rakyat Selangor secara holistik yang memberi kesan yang agak baik kepada kerajaan pada tahun hadapan. Kerana apabila kita meletakkan sasaran ataupun jajaran 25 meter padu kepada hanya di bawah senarai e-kasih saya melihat itu sebagai satu yang agak diskriminasi kepada penduduk yang saya rasa lebih memerlukan terutama di kalangan pendapatan jumlah keluarga lebih daripada RM3890 kerana kesusahan ataupun kesesakan kewangan walaupun pendapatan mencecah RM4000 tetapi memiliki pelbagai hutang rumah, kereta dan sebagainya bebanan itu mungkin ditanggung secara keseluruhan oleh keluarga tersebut. Maka saya berharap supaya cadangan ataupun penjajaran program air percuma ini dapat diteliti semula oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua dan Dewan Yang mulia ini supaya program air percuma ini yang telah kita berikan selama 10 tahun dapat dirasai semula pada tahun hadapan. Tuan Speaker dan Yang Berhormat, walaupun berkenaan dengan insentif belia saya mencadangkan supaya ia dikekalkan. Saya menyarankan supaya dikekalkan kepada seperti yang telah kita lakukan pada tahun 2018 iaitu dengan pemberian sejumlah wang RM500 kepada setiap pasangan yang melangsungkan perkahwinan di bawah insentif ini. Jadi saya harap penjajaran ini tidak dilakukan untuk 2019 yang akan datang. Berkenaan dengan pertanian, pertanian ini saya lihat ia sebagai satu enjin pertumbuhan juga kerana pertanian ini memerlukan satu inisiatif yang lebih padu pada masa yang akan datang. Sasaran kita sebenarnya bukan hanya pada tahun 2019 tapi sasaran kita seharusnya lebih panjang untuk 5 tahun yang akan datang kerana pertanian ini juga akan menyumbang kepada *food security* kepada negara kita. Kerana walaupun memang kita ada timbal balas *trade* di antara negara-negara Asian berkenaan dengan pertanian ataupun sumber tani namun negara kita memerlukan juga satu *security food* yang lebih mampan yang lebih berdaya maju pada masa yang akan datang untuk tempoh lima

tahun. Sasaran kita bukan perlu untuk satu tahun tapi kita harus panjangkan pada lima tahun dan perlu digubal satu dasar yang lebih berkesan untuk memastikan *food security* ini dapat kita jana pada lima tahun yang akan datang. Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan ungkapan yang di sebut oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua berkenaan dengan *reconstruction of thought* yang disebut dan boleh dimulakan di dalam Dewan yang mulia ini. *Reconstruction* ini dalam bahasa yang lebih kita fahami adalah pembinaan semula dalam pelbagai sistem yang kita guna pakai di waktu ini. Di antara perkara yang perlu kita ubah ataupun dibangunkan ataupun di *reconstruct* adalah.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Kuang sila ringkaskan.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Terima kasih Tuan Speaker, saya akan ringkaskan seringkas ringkas yang boleh. *Reconstruction of thought* ini saya percaya perlu dilaksanakan ataupun di terjemahkan dahulu di peringkat pentadbiran kerana kita harus melaksanakan ataupun pendekatan yang bersifat *re-engineering* perlu diberi perhatian terutama di dalam satu era yang disebut ataupun yang kita sebut sebagai peraturan-peraturan lama yang kita lihat amat regis kepada rakyat pada keseluruhannya perlu dilakukan dengan lebih berkesan lagi. Dan saya percaya juga bahawa falsafah *reconstruction of thought* ini dalam perkara yang menyebabkan penyelidikan ini kebanyakannya dilakukan oleh pensyarah yang mempunyai ataupun yang mempunyai idea ataupun inovasi untuk dikaji selidik tetapi apabila geran diberikan kepada mereka dan apabila mendapat PHD maka hasil inovasi yang direka cipta itu tidak dapat dirasai oleh rakyat pada keseluruhannya. Maka kita tidak boleh berkongsi inovasi itu kerana ia menjadi hak milik kepada individu berkenaan. Saya sarankan supaya kerajaan pusat meletakkan satu peraturan bahawa setiap geran yang diberikan kepada penyelidik ini harus dikongsi ataupun dijadikan hak milik kepada kerajaan pusat untuk dikongsi kepada rakyat pada keseluruhannya. Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER** : Kuang, ayat terakhir.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Ayat terakhir saya, saya ingin menegur kepada Yang Berhormat ataupun Yang Berhormat EXCO supaya sentiasa berhati-hati di dalam mengeluarkan kenyataan yang boleh merosakkan hubungan kita di antara kaum di negara ini. Kerana ia amat penting kepada Yang Berhormat Speaker, EXCO harus meneliti terlebih dahulu *speech* ataupun *statement* yang akan dikeluarkan kerana setiap kali *statement* yang kita keluarkan ia akan membawa satu akibat yang tidak baik kepada masyarakat keseluruhannya dan perpaduan ini harus dipelihara bermula dari dewan ini dan perpaduan harus dijaga dan dipelihara daripada rakyat juga.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Silakan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Peraturan tetap 36 (6) saya rasa kalau Yang Berhormat Kuang nak menuju hujah beliau terhadap mana-mana EXCO patut dinyatakan dengan jelas dan tidak dinyatakan EXCO seolah-olah semua EXCO mengeluarkan kenyataan yang tidak menyenangkan hati Yang Berhormat Kuang. Saya rasa itu cara kita, kalau tidak adil kepada EXCO-EXCO yang tidak membuat apa-apa kenyataan.

**TUAN SPEAKER :** Ya silakan Kuang.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Saya memohon maaf kepada EXCO-EXCO yang ada pada hadapan ini. Saya tujukan kenyataan saya ini khas kepada Yang Berhormat Ganabatirau.

**TUAN SPEAKER :** Tak boleh sebut nama. Ok Kota, ada kawasan, tak boleh sebut nama ya. Tarik balik.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Yang Berhormat Kota Kemuning kerana semalam beliau ada membuat satu kenyataan yang agak saya sifatkan sebagai keterlaluan namun sebagai seorang yang mengamalkan sifat-sifat kesederhanaan dan menjadi amalan kita di kalangan umat Islam maka kita menerima kita agak meredakan keadaan la tetapi ungkapan atau *statement* yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Kota Kemuning semalam mungkin menyebabkan keadaan menjadi lebih teruk yang berlaku di Seafield. Oleh itu saya menasihatkan sekali lagi dan menuntut supaya Yang Berhormat Kota Kemuning membuat pengakuan mohon maaf secara umum kepada seluruh rakyat Selangor dan kemungkinan daripada kenyataan beliau itu menyebabkan suasana di kalangan rakyat yang ada di luar sana agak tidak stabil. Tuan Speaker saya ingin menamatkan ucapan ini dengan menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ya Teratai, Teratai minta. Ah habis.

**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG :** Setahu saya dari berita Malaysia Kini Yang Berhormat Kota Kemuning telah memohon maaf dengan perkara yang disebut oleh Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Terima kasih kerana itulah yang kita mahukan untuk menjernihkan suasana yang agak tegang walaupun saya tahu permohonan maaf itu telah dibuat tetapi untuk peringatan di dalam Dewan yang mulia ini saya harus menyuarakan sesuatu yang mungkin akan membawa padah yang lebih teruk pada masa hadapan. Saya sudahi dengan *wabillahiltaufik wal hidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya dengan ini menyokong pembentangan belanjawan negeri Selangor 2019. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Balakong.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KO :** Finally. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya akan cuba sedaya upaya untuk mempercepatkan. *I'll straight to the point* ya dengan izin. Saya amat tertarik dengan strategi keempat yang disebut dalam ucapan belanjawan Selangor tahun 2019 iaitu melestarikan alam sekitar dan memelihara alam semula jadi dari menjadi mangsa pembangunan yang pesat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tuan Speaker dan rakan-rakan sekalian, Balakong merupakan antara kawasan mangsa yang terkesan dengan masalah perkembangan pesat. Bukan sahaja projek pembetungan Langat II yang menjalankan kerja-kerja pengorekan tanah di merata-rata tempat yang telah tertangguh sekian lama disebabkan masalah pembayaran, malah terdapat juga banyak projek pembinaan *apartment* akan datang yang akan dibina di kawasan perumahan yang telah pun sesak dengan pembangunan. Masalah pembangunan pesat tidak terkawal bukan sahaja mengakibatkan pencemaran alam sekitar, banjir kilat dan tanah runtuh, ia juga menyebabkan kesesakan jalan dan kerosakan infrastruktur seperti jalan dan longkang. Pembangunan bukan sahaja bermaksud kita hanya perlu membina bangunan ia juga mestilah menghormati dan

selaras dengan hasrat masyarakat setempat. Saya sebagai penduduk kampung di sini apakah yang saya ingin lihat pada masa depan kampung saya. Kalau kita sebagai kerajaan melupakan konsep semudah ini, pembangunan yang kita luluskan itu tidak akan membawa sebarang kebaikan kepada penduduk setempat. Ia hanya akan menjadi projek pembangunan yang menguntungkan pemaju tetapi akan menyebabkan kegagalan kita dalam perancangan bandar. Justeru itu, saya mencadangkan pihak kerajaan negeri perlu berhati-hati semasa menimbangkan kelulusan projek pembangunan terutamanya di kawasan Balakong. Seterusnya tentang perbandaran hijau. Saya berasa lega atas kesedaran pihak kerajaan negeri tentang konsep perbandaran hijau. Usaha dan peruntukan sebanyak RM2.5 juta yang akan diperuntukkan bagi program-program kesedaran masyarakat dan program penanaman pokok sangat digalakkan. Namun begitu kegiatan menanam pokok bukannya satu cara efektif untuk menghasilkan satu perbandaran hijau terutamanya apabila jenis pokok yang dipilih untuk menjalankan kegiatan menanam pokok adalah tidak sesuai kerana memerlukan penjagaan teliti dan mengambil masa yang panjang untuk membesar. Saya berpendapat bahawa selain daripada menanam pokok cadangan menggantikan bahan-bahan pencuci kimia kepada bahan-bahan yang mesra alam seperti *enzime* seharusnya diwajibkan kepada semua agensi-agensi kerajaan. Selain itu pengasingan sampah yang konsisten boleh diamalkan oleh agensi-agensi kerajaan sebagai satu usaha ke arah negeri Selangor sebagai satu negeri hijau. Selain daripada penggunaan bahan-bahan mesra alam sekitar dan pengasingan sampah pembangunan infrastruktur hijau juga satu usaha yang baik dan menjimatkan kos. Terdapat permintaan membina dewan orang ramai di kampung-kampung dan perumahan-perumahan dalam kawasan Balakong. Saya difahamkan bahawa kos untuk membina sebuah dewan orang ramai adalah sangat tinggi dan ini lah menyebabkan kesukaran permohonan dewan orang ramai diluluskan. Dengan begitu cara-cara alternatif perlu ditimbangkan demi kebaikan semua dijaga. Salah satu cara yang telah mula dilaksanakan adalah dewan orang ramai yang dibina dengan menggunakan kontena. Kontena telah digunakan secara meluas untuk menjadikan konsep hotel, kafe, malah juga ada juga sekolah kontena di luar negara. Kekuatan struktur kontena membenarkan ia menjadi satu bahan alternatif untuk menggantikan simen. Dengan menggunakan kontena dalam pembinaan dewan orang ramai dijangkanya dapat mengurangkan kos sebanyak 50% kalau berbanding dengan pembinaan dewan simen. Disebabkan kebanyakan kontena yang diguna pakai dalam pembinaan bangunan adalah kontena kitar semula maka pembangunan yang dibina tersebut sebenarnya satu bangunan hijau yang mengamalkan konsep kitar semula. Dengan ini saya berharap pihak kerajaan negeri dapat memberi satu peluang kepada Balakong supaya menjalankan *pilot project* dewan orang ramai kontena ini dalam kawasan Balakong. Sekiranya idea ini dapat direalisasikan maka pihak kerajaan negeri dapat menggunakan kos yang jauh lebih murah untuk membina lebih banyak bangunan dan dewan kepada komuniti yang memerlukan. Seterusnya saya ingin menyentuh tentang isu pembangunan rumah Selangorku. Rumah Selangorku mendapat sambutan begitu hangat di kalangan rakyat terutama Rumah Selangorku type A yang mendapatkan lebih 70,000 permohonan dalam senarai menunggu. Saya amat mengalui-alukan usaha yang dilakukan kerajaan negeri supaya semua warga Selangor juga dapat memiliki satu rumah idaman mereka. Walau bagaimanapun, saya berasa bukan sahaja proses pembinaan dan jual beli perlu dipantau sahaja, tetapi pemantauan selepas kunci diserahkan adalah juga sangat penting untuk memastikan rakyat kita memang dapat hidup dalam rumah idaman mereka. Seperti rumah kos rendah yang lain, rumah Selangorku sepatutnya hanya boleh dibeli dan didiami oleh pembeli dan keluarga mereka sahaja. Ini adalah matlamat pertama rumah

Selangorku dibina iaitu membenarkan rakyat kita terutamanya mereka yang tidak begitu berkemampuan untuk mempunyai satu rumah dimiliki mereka dan keluarga mereka sendiri. Walau bagaimanapun terdapat rumah Selangorku yang disewa kepada penyewa dan warga asing. Aktiviti penyewaan ini menyebabkan beberapa akibat buruk iaitu

- (i) Rakyat yang benar-benar memerlukan rumah diketepikan. Unit rumah yang dijual dengan harga murah atas hasrat baik kerajaan menjadi bahan mendatangkan keuntungan kepada pihak yang tamak.
- (ii) Penyewa yang tidak membayar yuran pengurusan menyusahkan pihak pengurusan seperti Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) untuk menguruskan kawasan kediaman dengan baik. Sikap tidak bertanggungjawab oleh sesetengah penyewa terutamanya warga asing seperti membuang sampah merata-rata tempat, vandalisme, dan kes kecurian yang kian berlaku akan menyebabkan rumah idaman yang pihak kerajaan negeri ingin memberi kepada warga Selangor menjadi rumah langsung tidak idaman mereka. Sekiranya keadaan projek rumah Selangorku yang telah disiapkan dan diserah kunci ini dapat menjadikan lagi teruk, penduduk di sana tiada pilihan lain selain daripada memohon skim ceri daripada kerajaan negeri demi membaiki kerosakan tempat tinggal mereka dan hal ini menjadi satu pusingan negatif sahaja.

Saya juga amat mengalu-alukan program Skim Smart Sewa yang bertujuan membantu golongan muda untuk menyewa dan selepasnya menggunakan 30% daripada jumlah keseluruhan sewaan bersih bagi tujuan pembelian kediaman baru. Skim ini bukan sahaja membekalkan satu rumah yang sewaannya murah untuk meringankan beban rakyat, ia juga membenarkan simpanan automatik supaya menjadi modal membeli rumah selepas ini. Walau bagaimanapun, sekali lagi hanya satu perkara sahaja yang saya ingin memberi perhatian iaitu tempat kediaman yang diwujudkan demi menyokong Skim Smart Sewa ini perlu sentiasa dipantau juga supaya penyewa yang menyertai program ini adalah mereka yang betul-betul memerlukannya dan juga akan menjaga aset kerajaan ini dengan baik. Sekiranya kerja pemantauan tidak dapat dijalankan dengan baik masa Skim Smart Sewa ini akan menjadi satu beban lagi kepada pihak kerajaan negeri.

Seterusnya saya ingin membahaskan tentang PWB. Program Usahawan Wanita merupakan salah satu...

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat ringkaskan ya.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Ya. Seringkas yang saya boleh. Program Pusat Wanita Berdaya merupakan salah satu program yang memberi manfaat kepada golongan wanita. Dengan mengadakan program-program dan aktiviti PWB ramai wanita yang sebelum ni hanya duduk di rumah telah menjadi ahli-ahli aktif di aktiviti komuniti kerana sering menyertai program PWB. Ada juga segelintir yang memang menggunakan ilmu dan pengetahuan yang terdapat dalam program PWB untuk menjadi seorang usahawan dan mendapatkan pendapatan sampingan bagi menjana kos kehidupan. Walau bagaimanapun, setelah beberapa tahun PWB diadakan terdapat satu situasi iaitu kelas yang dianjurkan oleh PWB telah semakin menjadi kelas hobi sahaja kepada ahli-ahlinya. Ramai yang menyertai program PWB bukannya disebabkan bercita-cita menjadi seorang usahawan tetapi hanya berminat berkawan dan memasak. Dengan ini saya bercadang bahawa pihak kerajaan negeri harusnya mempertimbangkan untuk menambah satu lagi

peranan kepada penyelia-penyalia dan ahli-ahli aktif PWB dengan menjadikan mereka seorang agen melatih golongan wanita tentang pengetahuan am dengan bekerjasama dengan pihak Polis dan Bomba. Biarlah penyelia-penyalia dan ahli-ahli di PWB ini menjadikan pelatih kepada wanita yang lain demi mengurangkan kes kebakaran dalam rumah, kes penipuan dan kes-kes jenayah lain. Selain itu pada pendapat saya penyelia-penyalia PWB boleh memikul satu lagi peranan iaitu menjadi penasihat atau petugas untuk kes-kes keganasan rumah tangga, kesalahan seksual kanak-kanak dan kes-kes lain yang melibatkan wanita dan kanak-kanak. Dengan menjadikan orang tengah yang dapat membantu mangsa-mangsa menghubungi pihak Polis, hospital, Jabatan Kebajikan, kaunselor dan pihak-pihak lain, penyelia-penyalia PWB akan mewakili pihak kerajaan untuk menyalurkan bantuan kepada wanita dan kanak-kanak yang berada dalam sengsara. Peranan ini amat penting disebabkan kebanyakannya mangsa kes keganasan rumah tangga dan kes seksual terhadap kanak-kanak sukar mendapatkan bantuan. Menurut pengalaman rakan-rakan yang bekerja dalam NGO kes keganasan rumah tangga sentiasa dianggap sebagai kes gaduh di antara suami isteri, dan kes seksual terhadap kanak-kanak sukar dibuktikan dan sentiasa dianggap sebagai perkara yang malu dinyatakan. Demi memperbaiki peranan PWB kerjasama di antara NGO-NGO pihak Polis dan pihak Bomba amat diperlukan. Satu modul yang jelas juga perlu diwujudkan agar semua penyelia dapat informasi dan latihan yang sama.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, ayat terakhir.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** *Point* terakhir boleh ke? *Point* terakhir.

**TUAN SPEAKER :** Silakan.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Okay. Kesian saya. Balakong dan Bandar Utama telah menganjurkan satu acara *walkathon* yang dinamakan Wirathon 2018 dengan kerjasama MBPJ. Selepas tragedi 6 anggota Bomba terkorban berlaku pada awal bulan Oktober dengan tujuan mengumpulkan dana untuk disumbangkan kepada ahli-ahli keluarga mangsa. Dengan peluang kerjasama juga dengan Polis dan Bomba ini baru saya sedar kesukaran yang dihadapi oleh pihak Polis dan Bomba. Setelah mengadakan lawatan mesra ke IPD Kajang, terdapat kebanyakannya asrama IPD Kajang berada dalam situasi tidak sesuai didiami dan hal ini menyebabkan hanya 6 keluarga yang tinggal dalam asrama tersebut. Unit-unit yang lain berada dalam keadaan yang membimbangkan seperti kerosakan bumbung yang serius, kebocoran tangki dan paip air yang tidak boleh dibaiki, kerosakan dinding dan membahayakan dan masalah-masalah lain. Seolah-olah tempat tersebut adalah khas disediakan untuk penagih dadah, bukan asrama untuk anggota-anggota polis. Keadaan hampir sama dihadapi oleh pihak bomba. Untuk makluman, balai bomba dan penyelamat baru di negeri Selangor tidak dibekalkan dengan kelengkapan aset operasi seperti jentera dan peralatan memadam kebakaran serta penyelamat, menyelamat. Balai tersebut adalah PBP Teluk Panglima Garang, PBP Kapar, PB Bandar Tun Hussein Onn dan PBP Bukit Sentosa yang belum beroperasi. Sebagai inisiatif balai-balai bomba baru yang telah memulakan operasi bertindak meminjam peralatan-peralatan operasi dan jentera dari balai-balai bomba lain di dalam negeri. Namun, ia tidak dapat memenuhi keperluan penuh bagi balai bomba baru berikutnya kondisi peralatan dan jentera yang dipinjam kebanyakannya telah rosak dan uzur. Hal ini boleh menimbulkan risiko anggota gagal untuk menangani sesuatu kes akibat kekurangan peralatan atau peralatan berada dalam keadaan uzur dan juga boleh

mengancam nyawa anggota bomba ketika menjalankan tugas. Saya berpendapat bahawa selain daripada sekolah, kebajikan anggota-anggota beruniform juga amat penting untuk kita jaga supaya keselamatan orang awam dan anggota-anggota dapat dilindungi. Tugasan dan kerja harian anggota-anggota beruniform adalah berisiko tinggi, sebagai contohnya, pagi ini sahaja berlaku insiden anggota bomba dicederakan semasa menjalankan tugas mereka dan sekarang masih dirawat di ICU.

Pepatah dalam bahasa mandarin ada mengatakan, *mahu kuda berlari pantas tetapi mengharapkan pada kuda yang tidak memakan rumput*. Makanya kita mahu menghasilkan terbaik tetapi kita agak berkira untuk menyediakan keperluan, keselamatan yang terbaik sedangkan anggota-anggota polis dan bomba ini sentiasa berhadapan dengan risiko tinggi semasa menjalankan kewajipan mereka. Tetapi malangnya kebajikan mereka diabaikan dan lebih menyediakan lagi, tiada peralatan yang secukupnya bagi memudahkan tugas mereka. Walaupun peruntukan yang disalurkan kepada pihak anggota beruniform ini sepatutnya dari pihak kerajaan pusat tapi dalam keadaan ketegangan situasi kewangan yang dihadapi oleh kerajaan pusat pihak kerajaan negeri seharusnya membantu sedikit sebanyak demi mengatasi masalah-masalah kritikal yang dihadapi oleh pihak anggota beruniform ini. Ada satu *point* ..

**TUAN SPEAKER :** Ya,

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Lagi tapi saya akan

**TUAN SPEAKER :** Ya..Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** *Last.*

**TUAN SPEAKER :** *Last.*

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Selangor merupakan negeri

**TUAN SPEAKER :** Dah *last, last* dah.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** *Last, last* saya ..

**TUAN SPEAKER :** Tutup, tutup, tutup.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Selangor merupakan negeri yang paling kaya di Malaysia, namun begitu kekayaan ini tiada makna.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, ya memang kaya, Selangor kaya tapi dah cukup dah. Sampai masa untuk menyokong..

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** (ketawa) Ya, ya memang *last*,

**TUAN SPEAKER :** Tak apa bagi, *landing, landing, landing*, tak ada lagi, *landing*.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Ok. Namun begitu kekayaan ini..

**TUAN SPEAKER :** *Landing, landing* Yang Berhormat. Kekayaan Selangor memang betul ya, memang kenyataan tapi dah, kita *landing* dulu. Bagi masa kepada Yang Berhormat yang lain. *Landing.*

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Ya, ya, ya. Jadi, saya amat berharap cadangan-cadangan saya dapat ditimbangkan oleh dewan yang mulia ini dan dengan ini saya menyokong Belanjawan Negeri Selangor tahun 2019. Nak *landing* saja.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Teratai.

**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG :** Yang Berhormat Tuan Speaker, salam sejahtera dan salam perpaduan pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana memberi peluang kepada Teratai mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negeri Selangor tahun 2019. Ada beberapa perkara yang Teratai ingin bawa kepada perhatian dewan berkenaan belanjawan ini. Pertama, projek tebatan banjir dan saliran. Rakyat di sekitar Ampang ternanti-nanti mengumum, pengumuman peruntukan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor bagi menjalankan projek-projek tebatan banjir bagi mengurangkan kejadian banjir kilat yang kerap berlaku malah Sungai Kerayong di kawasan Ampang juga penuh dengan pasir dan cetek. Sungai Kerayong perlu dikorek secara kerap dan pasirnya perlu dibawa keluar dari diletakkan di tebing-tebing sungai bagi mengelakkan pasir masuk semula ke dalam sungai. Penyelenggaraan berkala juga tidak dapat menyelesaikan isu ini melainkan kajian pengurusan air hujan keseluruhan kawasan Ampang dapat dilaksanakan. Justeru, saya memohon kerajaan negeri untuk memberi perhatian kepada isu ini dan seterusnya menggalakkan kejadian banjir kilat dan banjir lumpur semakin teruk di kawasan Ampang. Sebagai alternatif bagi mengurangkan masalah banjir ini, suka saya mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk mengkaji kesesuaian dasar ataupun konsep *span city*, dengan izin, dan seterusnya mengeluarkan peruntukan bagi mengadakan forum, dialog dan taklimat dengan mereka yang berkepentingan bagi mengawal jumlah air hujan dan seterusnya menyelesaikan isu banjir kilat secara *total*, dengan izin.

Kedua, kesihatan. Saya memuji usaha kerajaan negeri memfokuskan kepada program-program pencegahan dan mengurangkan kadar penyakit berjangkit dengan peruntukan sebanyak RM21 juta. Adalah diharapkan juga agar kerajaan negeri dapat memberi perhatian kepada pesakit kronik yang jarang berlaku seperti dengan izin, *Morquio A. Syndrome Disease* atau MPS IVA. Pesakit-pesakit ini memerlukan rawatan dan pemberian ubat sebanyak RM19,800 seminggu dan anggaran RM1 juta setahun seorang. Ini bermakna peruntukan kesihatan untuk pesakit seperti ini perlulah dinilai semula agar hak untuk mendapatkan penjagaan kesihatan dapat dinikmati oleh penduduk. Ketiga, kejayaan penstrukturran semula industri air Selangor. Tahniah dan penghargaan sekali lagi kepada kerajaan negeri kerana berjaya memuktamadkan penstrukturran semula industri perkhidmatan bekalan air. Ini bermakna pengurusan air di Selangor sekarang terletak di bawah kawalan kerajaan negeri. Justeru, saya memohon kerajaan negeri untuk memperuntukkan sejumlah peruntukan bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan bekalan air terutamanya di Tasik Damai, Ampang yang selalu mengalami tekanan air rendah sehingga menyebabkan gangguan bekalan air kerap terjadi. Keempat, produk ataupun buatan Selangor. Selain daripada bantuan program pembungkusan produk *made in Selangor*, saya mencadang kerajaan untuk memberikan apa-apa insentif kepada

usahawan yang mengeluarkan buatan Selangor bagi tujuan menggalakkan pengeluaran produk Selangor yang secara tidak langsung dapat membantu mempromosikan Selangor.

Akhir kata, saya berharap semua inisiatif dalam Belanjawan Negeri Selangor 2019 ini dapat dilaksanakan dengan baik dan memberi manfaat kepada seluruh rakyat negeri Selangor yang tercinta ini. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah berjaya membentangkan Belanjawan Negeri Selangor Darul Ehsan bagi tahun 2019 saya menyokong belanjawan ini, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. LEONG TUCK CHEE :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Salam sejahtera dan salam Malaysia Baru. Pandamaran rasa gembira dan bangga kerana diberi peluang untuk membahas dalam pembentangan Belanjawan Selangor tahun 2019 dengan tema merancakkan ekonomi, memberdayakan rakyat, mensejahterakan negeri. Terlebih dahulu Pandamaran ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Sg. Tua, yang telah berjaya membentangkan bajet yang seimbang iaitu 50%, *RM1.2 million* untuk perbelanjaan pengurusan dan 50% *RM1.2 billion* juga untuk perbelanjaan pembangunan. Sesebuah negeri tidak akan maju jika tiada pembangunan. Syabas sekali lagi diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Pandamaran ingin menyentuh tentang peruntukan kepada industri pelancongan pada hari ini. Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM7.75 juta pada tahun 2017 dan RM7.25 juta pada tahun 2018. Dan tahun 2019, industri pelancongan juga dapat lebih daripada RM7 juta. Ini amat menggalakkan. Industri pelancongan dapat memberi impak yang baik kepada negara ya, ia dapat menambah pendapatan kepada semua lapisan rakyat, saya singkatkan ya, jadi, bila pelancongan itu terjadi maka muncullah peluang-peluang pekerjaan dalam industri ini. Maka, Pandamaran amat berharap, menyuruh kerajaan Selangor dapat mempertimbangkan untuk memberi peruntukan yang lebih dalam industri ini menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020. Demi menjayakan industri pelancongan, Pihak Berkusa Tempatan memainkan peranan penting untuk memastikan kawasan pelancongan sentiasa bersih. Pihak polis juga perlu memastikan keselamatan pelancong dijamin. Pihak Imigresen pula perlu memastikan kawasan tersebut bebas daripada pendatang asing haram. Saya ambil contoh Pekan Pelabuhan Klang memang meriah pada zaman 80an dan 90an tapi keadaan pekan Pelabuhan Klang sekarang menjadi tempat kumpulnya pendatang asing haram yang mengancam keselamatan dan menyebabkan kawasan tersebut kotor kerana membuang sampah merata. Mereka juga membuka *pub* haram, tempat judi haram di pekan Pelabuhan Klang. Ini telah mendatangkan imej yang tidak baik untuk pelancong apabila mereka melancong ke pekan Pelabuhan Klang.

Tuan Speaker, Klang digelar sebagai Bandar DiRaja, di sinilah letaknya Istana Alam Shah. Disinilah terdapat banyak bangunan zaman sebelum perang iaitu dengan izin, *pre-war building*. Kami boleh nampak bangunan-bangunan sebegini di sekitar Klang dan pekan Pelabuhan Klang. Bangunan ini mempunyai sejarah tersendiri tapi keadaan bangunan ini telah lama diabaikan dan tidak diselenggara dengan baik. Pandamaran mohon ya, jasa baik kerajaan Selangor dapat mempertimbangkan untuk memperuntukkan untuk membaik pulih bangunan *pre-war* dan menjadikan bangunan ini untuk tempat pelancongan jika pemilik bangunan tersebut sedia memberi kerjasama. Pandamaran berasa syukur kerana kerajaan Selangor prihatin kepada JKR negeri untuk mendapat

peruntukan sebanyak RM194 juta. Memandangkan keadaan infrastruktur di kawasan Klang mengalami kerosakan yang serius, lampu isyarat yang tidak berfungsi, lampu jalan yang tidak berfungsi juga akibat vandalism, jalan-jalan berlubang dan lain-lain. Rakyat di kawasan Klang sering marah kepada kerajaan tempatan dan kerajaan negeri kerana keadaan infra yang tidak memuaskan. Malah sesetengah jalan adalah di bawah kerajaan Persekutuan. Oleh itu, Pandamaran harap JKR, Pejabat Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan dapat mengkaji satu aplikasi yang dapat memberikan rakyat membezakan persempadanan penyelenggaraan masing-masing.

Tuan Speaker, selain daripada infrastruktur, kawasan Klang juga sentiasa dilanda banjir kilat. Pihak Berkuasa Tempatan dan JPS perlu memainkan peranan penting untuk menyelesaikan isu banjir kilat. Malah, apabila diminta untuk memantau ke kawasan beberapa kali, tiada maklum balas daripada PBT. Ini telah menyukarkan kerja-kerja untuk pencegahan banjir kilat. Pandamaran rasa amat kecewa dengan masa maklum balas daripada jabatan tersebut. Apabila banjir kilat, rakyat akan salahkan wakil rakyat. Rakyat akan mengalami kerugian besar bila dilanda banjir kilat. Oleh itu Pihak Berkuasa Tempatan dan JPS perlu meninjau semasa banjir untuk mengesankan punca banjir. Tuan Speaker, Pandamaran juga ingin membangkitkan isu Rumah Selangorku (RSKU), saya rasa bangga dan memberi sokongan kepada projek inisiatif ini malah rumah mampu milik yang dilaksanakan oleh kerajaan Selangor terdapat kelemahan iaitu yuran penyelenggaraan yang membebankan pemilik Rumah Selangorku ya. Yuran penyelenggaraan adalah daripada RM170 hingga RM250 setiap bulan. Yuran telah menjadi beban kepada pemilik rumah berbanding kepada pemilik rumah teres. Mereka perlu bayar bil-bil dan bayaran ansuran kepada bank dan lain-lain. Oleh itu, saya menyarankan kerajaan Selangor perlu cari cara untuk meringankan beban pemilik RSKU. Last lah. Sebagai penutup perbahasan ini, saya menyokong penuh Belanjawan Selangor 2019. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Ramal.

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR :** *Alhamdulillah* terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya percaya saya yang terakhir dan saya ingin terlebih dahulu merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan-rakan Yang Berhormat dan juga barisan Yang Berhormat para EXCO yang masih setia menanti, memberi peluang kepada kami untuk berbahas semaksima yang mungkin pada hari ini. *InshaAllah*, saya akan berhenti sebelum Yang Berhormat sempat memberikan amaran kepada saya pun. Saya pergi dengan laju beberapa perkara sahaja, yang pertama berkenaan dengan insentif yang diberikan oleh Y.A.B. Menteri Besar berkenaan dengan gugusan pendidikan. Di mana melibatkan 3 kawasan iaitu Gombak, Serdang dan Hulu Langat dan kawasan Sungai Ramal adalah terletak di kawasan ini. Terutamanya Bandar Baru Bangi yang sinonim dengan panggilan sebagai Bangi Bandar Ilmu. Kami sangat berterima kasih atas insentif yang diberikan ini di mana sejumlah RM87.64 juta diperuntukkan untuk aspek pendidikan yang belum diperincikan lagi. Bagaimana ianya akan dibelanjakan tapi saya harap ianya dapat digunakan dalam untuk maksimumkan faedah yang didapati oleh kawasan-kawasan ini dalam bidang pendidikan. Seterusnya saya juga merujuk kepada Pakej 2 Jalan Reko Pakej 2 Hulu Langat yang mana diperuntukkan *amoun* sejumlah RM12.3 juta untuk membaik dan taraf jalan ini. Terima kasih kami ucapkan kerana masalah di Jalan Reko yang berkait rapat terus kepada pusat Bandar Baru Bangi ini memang mengalami kesesakan trafik yang sangat tinggi dan sesak

dan ianya benar-benar memberikan satu masalah yang besar dan kerunsingan kepada penduduk di sana dan dengan pakej yang disediakan ini mudah-mudahan kita akan dapat melihat penyelesaian kepada masalah trafik yang sesak di kawasan ini. Seterusnya saya juga merujuk kepada Sektor Pertanian di mana pada kali ini akan diperkenalkan konsep tanaman penghasilan yang tinggi atau *high crok* di mana kawasan yang kecil akan dioptimumkan hasil pertaniannya dengan teknologi moden dan dapat meningkatkan pendapatan petani terutama daripada segi kaedah integrasi. Dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Taman Indah yang telah melakukan lawatan ke Sungai Ramal dan telah melihat sendiri bagaimana tanaman secara integrasi ini telah pun dijalankan di Sungai Ramal contohnya ladang buah tin yang hanya keluasan kira-kira 3 ekar sahaja. Tetapi mendatangkan pulangkan hasil yang sangat tinggi. Iaitu buahnya dijual yang paling rendah dijual pada harga RM80.00 1 kilogram yang terbaik adalah pada harga RM200.00 1 kilogram lebih mahal daripada mahal harga durian Musang King. Jadi ini satu pendapatan yang sangat tinggi daripada usaha integrasi tanaman yang membuka mata kita semua dan saya harap Sungai Ramal juga diberi peluang oleh Kerajaan Negeri untuk diterokai dan dihasilkan dan dipilih tempat menambahkan program-program penanaman integrasi ini. Kita juga lihat di Sungai Ramal ada satu lagi bagi Golf Resort pelik sikit dia Bangi Golf Resort ini memang padang golf yang luas dan sebahagian kecilnya diusahakan tanaman pokok durian yang berhasil tinggi Musang King dan Durian Hitam yang paling top sekarang ini juga ada di Sungai Ramal. So ini adalah usaha dijalankan di sana. Untuk para rakyat yang biasa ini sekurang-kurangnya kita juga mempromosikan tanaman secara *open-timen* ataupun diusahakan di Sg. Ramal juga diusahakan terutama oleh Rukun Tetangga Kajang Utama yang telah memenangi Naib Johan inovatif kategori inovatif peringkat kebangsaan apabila mereka mempromosikan *open-timen* ini dengan mudah untuk diusahakan di kawasan di keliling rumah sahaja. Satu lagi Tuan Speaker berkenaan dengan bidang ternakan ini. Kita menghadapi masalah yang masih berterusan dengan para ternak lembu dan kambing di mana dalam kawasan Sungai Ramal juga tidak asing daripada kawasan lain Sahabat saya daripada Kuala Kubu Baharu kami mula dulu daripada sebuah kawasan pendalam kampung di mana banyak industri penternakan kambing dan lembu ini apabila dibangunkan maka usaha penternak-penternak ada di kawasan ini mereka tiba-tiba di kawasan mereka dikelilingi oleh kawasan taman-taman perumahan dan kemudiannya berlaku pergeseran di antara para penduduk di taman perumahan dengan para penternak lembu dan kambing ini aduan di mana lembu dan kambing ini masuk ke dalam taman dan merosakkan harta benda dan juga tanam-tanaman para penduduk. Dan ini boleh mengakibatkan satu perselisihan yang sangat tidak sihat dan suasana yang tegang. Dan saya banyak terima aduan tentang perkara ini, saya juga dimaklumkan bahawa sebenarnya pihak agensi kerajaan seperti yang saya ketahui iaitu FELCRA mempunyai tanah-tanah padang ragut yang besar yang tidak diusahakan secara optimum sebelum ini. Saya memohon agar pihak Kerajaan Negeri boleh memberi pertimbangan membuat kerjasama di mana para penternak ini boleh diusahakan agar ternakan mereka dapat dipindahkan ke kawasan-kawasan yang dapat disediakan oleh FELCRA ini pada satu harga yang berpatutan untuk menyelesaikan masalah ini. Seterusnya saya merujuk kepada Selangor Model Special work yang disebut oleh Y.A.B. Menteri Besar tiada siapa yang boleh mencontohi kecuali saya seorang sebab ini berkenaan dengan tempat saya. Saya sangat mengucapkan terima kasih atas insentif yang diumumkan oleh Y.A.B Menteri besar ini bidang fesyen ini fesyen yang disebut fesyen ini memang mempunyai potensi yang sangat besar dan luas. Seperti disebut-sebut dalam global Islamik ekonomi 2017, 2018 ianya dijangka mencapai RM1 bilion satu amaun yang sangat tinggi dan dalam

Sungai Ramal Bangi Sentral memang sekarang ini sudah mendapat nama sebagai tempat dunia fesyen mendapat kunjungan daripada jiran-jiran tetangga kita daripada Berunai daripada Singapura datang ke situ sangat sesak keadaannya terutama bila menjelang hari bulan Ramadan dan Hari Raya dan juga pusat kain Jekal tidak putus-putus dikunjungi di Bandar Baru Bangi sehingga mendatangkan banyak aduan daripada penduduk kerana kawasan pusat bandar itu telah menjadi terlalu sesak penduduk tempatan sendiri terlalu sukar untuk berjalan dalam kawasan Bandar Baru Bangi itu sendiri. Walau bagaimanapun memandangkan ini merupakan satu potensi ekonomi yang sangat baik kepada Kerajaan Negeri saya mengesyorkan supaya pihak Kerajaan Negeri memberi lebih perhatian kepada industri ini agar kita dapat mungkin mengatasi dan mengambil alih daripada Negara Indonesia sekarang ini ramai ke sana terutama ke Bandung, Surabaya dan sebagainya untuk khususnya untuk membeli belah pakaian, mudah-mudahan kita boleh mengambil alih peranan ini daripada Indonesia untuk menjadi tempat tarikan utama kepada para pelancong untuk datang membeli barang-barang fesyen ini terutama busana santuk. Seterusnya kepada berkenaan dengan sedikit mengenai Bas Smart Selangor memang ini satu inisiatif sangat baik yang disambut baik oleh rakyat namun sedikit teguran daripada saya adalah berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan. Baru-baru ini saya mendapat aduan juga daripada pihak pengguna daripada *guard* ataupun penjaga yang menjaga sebuah sekolah di kawasan kampung di mana beliau mengatakan kepada saya apabila ditahan bas ini dia jarang berhenti, berhenti ikut suka pemandu jadi bila ditanya boleh *guard* ini dan para pelajar di sekolah tersebut maka pemandu Bas Smart Selangor ini menjawab bahawa bawa sama ada saya membawa penumpang atau tak bawa penumpang saya memang mendapat gaji yang sama daripada kerajaan jadi ikut saya sama ada saya rasa hendak berhenti saya berhenti. Jadi saya masalah sikap jadi itu sangat tidak adil menganiaya kepada para penduduk terutama sekali para pelajar sekolah kerana mereka sangat perlu khidmat bas ini dan juga Jaga yang menjaga di sekolah itu. Itulah amat terpencil kawasan itu jadi itulah satu-satunya *mood* pengangkutan yang sangat diharapkan oleh mereka. Jadi kita harap pihak Kerajaan Negeri juga dapat memantau prestasi para pemandu dan pekerja yang beroperasi dan Bas Smart Selangor ini agar lebih bertanggungjawab dan berprihatinlah sepatutnya mereka sangat prihatin sebab mereka pun daripada golongan yang mungkin gaji mereka rendah patut lebih memahami kesengsaraan di kalangan rakan-rakan mereka sendiri. Seterusnya saya merujuk kepada sukan Bola sepak warna merah yang terakhir Tuan Speaker. Sukan Bola sepak Selangor yang diberikan peruntukan oleh Kerajaan Negeri pada hemah saya Bola sepak ini memang sukan yang popular tetapi dimanjakan terlampau oleh Kerajaan Negeri dan kerajaan Malaysia. Sebenarnya sukan Bola sepak ini satu kebanggaan sangat kepada kita. Ranking Bola sepak dalam Malaysia dalam dunia adalah ke171 hampir-hampir yang paling corotlah dalam dunia. Sedangkan kalau kita lihat sukan seperti Hoki menduduki tangga ke12 dalam dunia Malaysia. Sukan Rugby kita adalah No.5 dalam Asia No.27 dalam dunia. Kita ada sukan-sukan lain yang telah membuktikan bahawa mereka mempunyai potensi yang sangat tinggi sepatutnya sukan-sukan ini diberikan perhatian dan penghargaan sewajarnya oleh kerajaan. Berbanding sukan yang hanya gah dari segi nama tetapi sebenarnya tidaklah ke hari ini buktikan mereka membalas kasih sayang dan perhatian yang kita beri kepada mereka. Biar mereka susah sikit *insya-Allah* baru mereka mungkin akan mencapai kejayaan seperti mana bidang sukan yang lain ini yang mencapai kejayaan walaupun dengan bantuan dengan minima daripada kerajaan. Baik Tuan Speaker terima kasih di atas peluang yang diberikan saya berhenti di sini dan saya turut sukacitanya menyokong ucapan Belanjawan Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Tiada lain ingin berbahas. Maka Yang Berhormat Sungai Ramal telah menutup tirai perbahasan Belanjawan kita pada hari ini. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian perbahasan undang-undang Perbekalan 2019 telah menarik minat seramai 37 Ahli Dewan Negeri untuk berbahas dan mengucapkan tahniah, syabas kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri yang begitu berminat dan memberi komitmen yang tinggi untuk menyertai perbahasan sehingga jam hampir jam 7 termasuklah Ahli-Ahli Exco terus berada di dalam Dewan yang mulia ini. Saya berharap semangat ini terus kita pertahankan. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian memandangkan perbahasan telah tamat maka jam telah menunjukkan hampir 7 petang dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini kepada besok pada 28 November 2018 pada jam 10.00 pagi. Pihak kerajaan bersedia untuk membuat penggulungan. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 7.00 PETANG)**